

AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID

Sumbangan daripada:

Yg. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji b. Abdul Hamid  
Ketua Setiausaha Negara

*Handwritten signature*

14. 4. 1982

# TUNTUTAN MELAYU

*Malik Munip*

SARJANA ENTERPRISE  
9B-2, Bangunan Flat Uda,  
Jalan Pantai Baru  
Kuala Lumpur

CETAKAN PERTAMA . . . 1981

*Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh dihasilkan semula dalam bentuk apa jua tanpa terlebih dahulu mendapat izin dari SARJANA ENTER-PRICE.*

© Malik Munip

Hadiah

733464

Diterbitkan oleh Sarjana Enterprise  
Dicetak oleh Chee Leong Press

2 OCT 1994

## *Kandungan*

### BAHAGIAN PERTAMA

#### Sub Topik

1. Bumiputra atau Imigran	9
2. Melayu: Berlanjutan dan Difinitif	14
3. Sejarah Bangsa Melayu: Asas Sejarah Kebangsaan	20
4. Kemerdekaan: Kelahiran Semula Nusa dan Bangsa	23
5. Rangka Pemikiran Kolonial	24
6. Malaysian Malaysia: Diformasi Kolonial	26
7. Rangka Pemikiran Kebangsaan	27
8. Malaysian Malaysia: Diformasi Kebangsaan	28
9. a. Melayu: Teras identiti Kebangsaan yang berterusan	30
b. Masalah penyerapan dan adaptasi budaya	31
10. Bangsa Melayu sebagai Sungai, kaum-kaum imigran sebagai anak sungai	33
11. Adaptasi budaya	34
12. Melayu: Semangat Budaya Perlembagaan	36
13. Menjunjung Kedaulatan Raja Bererti Menjunjung Kedaulatan Sistem Budaya yang melahir-kannya	38
14. Semangat Budaya Perlembagaan: Implikasinya	39
15. Semangat Budaya Perlembagaan dan "National Cultural Landscape"	40
16. Tolak ansur yang bermaruah	41
17. Ketidakadilan Budaya	42
18. Menghayati Perlembagaan: Tidak boleh "selective"	43
19. Rukun Negara	44
20. Masyarakat Majmuk: Warisan Penjajahan	45
21. Masyarakat Majmuk: Finomina Sementara Haruskah dikekalkan?	46

22. Kebangkitan Budaya diluar bumi kelahirannya adalah tidak natural	48
23. Berbilang kaum, berbilang bangsa dan berbilang keturunan: Istilah yang merendahkan martabat Melayu	49
24. "Cultural injustice"	51

## BAHAGIAN KEDUA

### Sub Topik

1. Kemiskinan dan kebudayaan	53
2. Dongeng pembangunan kolonial	64
3. Rancangan raksasa FELDA untuk masyarakat bukan Melayu	66
4. Rancangan raksasa pembangunan untuk masyarakat bukan Melayu	67
5. Penyisihan masyarakat Melayu dari pembangunan	70
6. Pembekuan masyarakat Melayu ditahap kemerosotannya	79
7. Penghapusan unsur-unsur komersial dalam masyarakat Melayu	84
8. Tradisi komersial masyarakat Melayu	87
9. Proses kemerosotan tradisi ekonomi Melayu Perang gerilla laut: tradisi melanun Menanam padi: tradisi sampingan	90 91
10. Rintangan mewujudkan golongan usahawan Melayu baru	92
11. Timbunan hutang Kebangsaan kepada masyarakat Melayu. "Membantu" mereka bererti memulangkan hak	94
12. Diskriminasi ekonomi peringkat operasi	95
13. Prioriti menyelesaikan masalah ekonomi di peringkat Kebangsaan	96
14. Dasar Ekonomi Baru: Azam memecahkan belenggu tradisi pembangunan kolonial	100
15. Masyarakat Imigran Wajib berterima kasih kepada masyarakat Melayu	101

## PENGHARGAAN

Sedalam-dalam kasih dirakamkan kepada beberapa teman yang telah sudi menyumbang buah fikiran mereka dalam menyediakan buku ini. Istimewa kepada teman akrab Dr. Shahrir Taib Robert yang telah meluangkan masa meneliti-tajam sebahagian dari hujah-hujah yang dikemukakan. Kepada Profesor Datuk Ismail Hussein pula dirakamkan perasaan terhitung budi yang ikhlas kerana dorongan dan idea-ideanya yang amat memberansangkan. Begitu juga kepada Profesor Khoo Kay Kim, sejarawan tanahair yang *encyclopaedic* sifatnya itu, keilmuannya begitu selaras dengan kesungguhannya menolong penulis.

Namun demikian segala kelemahan yang terdapat adalah tanggungjawab penulis semata-mata.



## MUKADIMAH

SEJARAH merupakan satu-satunya asas kekuatan tuntutan bangsa Melayu ke atas negara ini yang berbeza dengan tuntutan kaum-kaum lain. Kerana itu kita perlu mempunyai satu rangka pemahaman sejarah negara ini yang seimbang untuk mengelakkan dari kekeliruan dan tanggapan yang merugikan kepada masyarakat bumiputra dalam usaha merancang dan menilai pembangunan negara ini.

Salah satu masalah pokok yang dihadapi oleh orang Melayu ialah kebolehan artikulasi dan berhujah untuk mempertahankan cita-cita kebangsaan mereka mendaulatkan kedudukan sosio-ekonomi, sosio-politik dan sosio-budaya mereka di bumi kelahirannya sendiri. Masalah kebolehan artikulasi masyarakat Melayu yang terhad apabila berhadapan dengan masyarakat imigran itu, barangkali dapat difahami dengan lebih jelas apabila diterapkan ke dalam konteks keadaan dan kedudukan kaum masyarakat Melayu itu sendiri. Menjelang kemerdekaan Tanah Melayu umpamanya, masyarakat intelektual tanah air kita "yang diiktiraf" hampir seluruhnya dipengaruhi dan didominasi oleh masyarakat imigran. Dikatakan bahawa lebih 90% daripada lulusan pusat pengajian tinggi dalam semua bidang adalah terdiri daripada orang-orang bukan Melayu. Maka dari golongan kecil masyarakat intelektual Melayu inilah terletaklah tanggungjawab memberikan segala hujah-hujah mempertahankan aspirasi kebangsaan Melayu untuk mempertingkatkan kesejahteraan sosio-ekonomi dan martabat budaya bangsanya.

Dalam keadaan seperti ini dua perkara nampaknya telah menjejaskan ketegasan daya artikulasi masyarakat Melayu. Pertama, kepimpinan intelektual mereka yang "diiktiraf" itu sendiri telah terdidik dan terlatih dalam satu sistem pendidikan dan penghidupan yang menafikan kedudukan bumiputra sendiri. Sistem pendidikan kolonial sebagai sebahagian daripada sistem pemerintahan kolonial yang lebih luas, telah menghalang mereka dari memahami dengan sepenuhnya arus perkembangan sejarah masyarakat dan budaya Melayu. Keduaanya pula, mereka terpaksa berhadapan dan kadang-kadang tenggelam dalam "lautan" masyarakat intelektual imigran



yang tidak punya orientasi yang berteraskan negara ini apatah lagi simpati dengan aspirasi kebangsaan bumiputra.

Lebih 10 tahun pertama kemerdekaan Tanah Melayu merupakan zaman kegairahan golongan masyarakat imigran mencabar supaya diadakan "debat terbuka" guna menyoalkan dasar-dasar kebangsaan yang selaras dengan perjuangan mendaulatkan kembali kedudukan sosio-ekonomi dan sosio-budaya bumiputra di tanah kelahirannya. Sendirinya ini memperlihatkan manifestasi dari kedudukan *superior* bukan Melayu dalam masyarakat intelektual negara ini. Dan kedudukan *superior* ini telah mereka pergunakan dengan sepenuhnya di saat masyarakat bumiputra masih belum berupaya menyahut cabaran berhujah secara terbuka itu. Dalam banyak hal, ketiadaan kebolehan untuk "mengartikulasikan" secara yang menyakinkan di kalangan masyarakat Melayu itu, telah menyebabkan ramai daripada kita terperangkap dengan hujah-hujah yang sekaligus cuba menafikan kedudukan sosio-ekonomi dan sosio-budaya bangsa Melayu yang berbeza dengan kaum-kaum imigran.

Dalam bidang ekonomi umpamanya, peruntukan untuk memperbaiki dan mengimbangkan kedudukan sosio-ekonomi Melayu kerap kali "terlukis" sebagai usaha-usaha untuk memberi "keistimewaan", memberi bantuan "khas" kepada masyarakat Melayu. Orang Melayu terperangkap ke dalam psikologi "meminta-minta" dan terpaksa berterima kasih kepada golongan yang mampu memberikan "sedekah" itu. Orang Melayu buat masa itu, belum dapat menyedari bahawa dari segi sejarahnya, mereka sekadar menuntut pemulangan "hutang" negara kepada mereka, sebagai sifatnya golongan masyarakat yang telah dinafikan di tanah airnya sendiri dari segala macam bentuk pembangunan. Psikologi "meminta-minta" yang merendahkan harga diri, seharusnya berubah kepada psikologi yang "bermaruah" berani menuntut hak.

Dalam bidang keutuhan politik bumiputra dan kedaulatan budayanya, sekali lagi masyarakat Melayu telah terperangkap dengan hujah-hujah yang berselindung di bawah cangkata *Malaysian Malaysia*. Kepimpinan bukan Melayu, dengan kebolehan artikulasinya yang cekap telah menerapkan satu definasi yang khusus – satu definasi yang cuba menafikan sejarah dan tradisi sosio-politik negara ini yang berlanjutan. Definasi yang cuba diterapkan oleh mereka itu mem-

oawa implikasi menyingkirkan dan merendahkan martabat orang-orang Melayu sebagai bumiputra yang sah. Seluruh tradisi sosio-politik dan sosio-budaya Melayu yang menjadi teras negara ini zaman berzaman cuba dinafikan. Dalam banyak hal difinasi serupa ini tidak ada bezanya dengan gagasan *Malayan Union* yang dibawa oleh penjajah Inggeris [lihat di dalam].

Pada masa itu orang-orang Melayu masih belum berupaya menangkis hujah-hujah seperti itu. Orang Melayu belum berupaya "mengartikulasikan" hakikat sejarah negara kita yang sebenar. Orang Melayu belum berupaya menyatakan dengan tegas bahawa difinasi *Malaysian Malaysia* seumpama itu adalah salah. Orang Melayu masih belum berupaya menyatakan bahawa difinasi *Malaysian Malaysia* wajib berpijak kepada hakikat dari keseluruhan sejarah negara ini [lihat didalam]. Orang Melayu belum berupaya meryatakan bahawa *Malaysian Malaysia* wajib bererti memalaysiakan segala sesuatu yang bersifat asing kepada Malaysia — dan bukan menjunjung dan mempertinggikan martabat sifat-sifat asing dalam bentuk asingnya yang mutlak sebagai setaraf dengan cici-cici asli Malaysia.

Orang-orang Melayu belum dapat mengartikulasikan difinasi *Malaysian Malaysia* dengan penuh yakin, belum berani berkata, "Aku juga memperjuangkan *Malaysian Malaysia* tapi dengan difinasi yang berteraskan hakikat dari keseluruhan sejarah negara ini yang berlanjutan." [Lihat didalam]. orang Melayu belum berupaya menegaskan bahawa tidak ada alternatif kepada difinasi ini.

Dalam bidang kebangkitan tradisi budaya Melayu sebagai teras kepada keperibadian negara, hujah-hujah yang pada lahirnya amat kemas dan manasabah telah disogokkan bagi menumpaskan usaha-usaha ke arah matalamat tersebut. Terlalu lama orang-orang Melayu terperangkap ke dalam hujah-hujah seperti "semangat perlembagaan" yang semata-mata menekankan tentang kebebasan bahasa dan budaya. Terlalu lama orang-orang Melayu telah membiarkan golongan seperti itu bersikap *selective* terhadap perlembagaan negara dan sikap dan perbuatan seumpama itu hampir tidak pernah dibendung secara yang berkesan. Pengakuan tentang kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa resmi umpamanya kerap kali diperkosa dengan penggunaan bahasa-bahasa asing

yang lebih menonjol. Seolah-olah menandakan pengakuan yang bersifat *tokenism* [lihat di dalam]. Dan yang amat menakutkan sekali ialah hujah masyarakat imigran, bahawa penerimaan Bahasa Melayu sebagai bahasa resmi itu adalah lambang dari sikap tolak ansur mereka. Seolah-olah mereka pada waktu itu (sebelum wujudnya perlembagaan) yang rata-rata belum mendapat pengiktirafan sebagai warganegara, sudah berhak menentukan apa yang layak menjadi aspirasi rakyat negara ini.

Dalam pada itu pula, pandangan orang-orang Melayu terhadap masyarakatnya sendiri amat menyedihkan. Asuhan dan didikan formal yang mereka terima telah dirancang hingga menghalang mereka daripada menghayati secara yang seimbang akan perkembangan sejarah masyarakatnya sendiri. Mereka terpesona dan terperangkap dalam persimpangan jalan perkembangan pesat pembangunan kolonial yang berlaku di luar alam budaya penghidupannya. Dan selama berpuluh-puluh tahun, masyarakat Melayu terbiar dan tertinggal kebelakang dalam arus pembangunan di tanah airnya sendiri iaitu pembangunan yang semata-mata tertumpu di kawasan penempatan masyarakat imigran yang telah diimpot secara besar-besaran itu.

Dalam keadaan seperti ini, lahirlah daripada kalangan masyarakat Melayu, golongan yang mulai insaf akan kedaifan masyarakatnya. Mereka mula menyarankan idea-idea bagi membangkitkan kesedaran sosial yang lebih meluas. Atas keinginan untuk menyedarkan bangsanya, kritikan demi kritikan terhadap masyarakat Melayu mulai diutarakan. Dalam kebingungan mencari sebab musabab kedaifan Melayu itu, masyarakat Melayu sendiri menjadi sasaran bidasan-bidasan dari golongan "*intelektuilnya*". Dengan penuh nafsu mereka mengutuk hampir segala suatu yang dikatakan "*bersifat*" Melayu — malas, suka hiburan dan membuang masa, hasad dengki, kurang tenaga berfikir, tidak tahu mengejar peluang dan lain-lain lagi. Dalam perkataan lain, seluruh cara kehidupan masyarakat Melayu itu, bahkan kebudayaan Melayu itu sendiri salah belaka, menjadi faktor yang membelenggu masyarakatnya di tahap kemiskinan dan kemunduran. Mengutuk Melayu itu menjadi suatu yang *fashionable* dan untuk puluhan tahun, generasi demi generasi masyarakat Melayu semata-mata terdedah kepada kutukan-

kutukan seumpama itu yang datangnya dari orang Melayu sendiri.

Dari satu segi perkembangan seumpama ini telah memperangkap masyarakat Melayu ke dalam cara berfikir yang menyalahkan golongan yang menjadi mangsa. Kerana dalam konteks keseluruhan perkembangan ekonomi dan politik tanah air, masyarakat Melayulah yang menjadi mangsa perancangan ekonomi dan politik negaranya. Terperangkap ke dalam cara berfikir yang *blaming the victims* ini dapat melindungi golongan-golongan yang menjadi penindas atau *victimisers* dari tanggungjawab turut serta bekerjasama memperbaiki kesejahteraan golongan yang tertindas.

Dari satu segi yang lain pula, kutukan-kutukan seumpama itu memperangkap pemikiran Melayu ke arah mempercayai bahawa kebudayaan mereka adalah kebudayaan miskin, iaitu kebudayaan yang telah membelenggu masyarakat Melayu di tahap kemiskinan dan kedaifan. Kepercayaan bahawa mereka mewarisi kebudayaan miskin atau *a culture of poverty* itu dengan sendirinya dapat merendahkan harga diri masyarakat Melayu dan melemahkan *confidence* mereka. Walhal dari segi sejarah hampir tidak ada satu masyarakat pun yang dapat mengembling tenaga untuk kebangkitannya tanpa mempunyai maruah dan *confidence* yang jitu. Di samping itu pula kepercayaan seumpama ini menghalalkan atau *legitimises* kedudukan golongan yang menindas mereka. [lihat di dalam]. Dan lebih dahsyat dari ini, kekerapan orang Melayu membuat kutukan dan ramalan yang buruk mengenai Melayu itu boleh menjerumuskan masyarakat Melayu ke dalam rialiti *self-fullfilling prophecy*. Barang dijauhkan Tuhan!

Segala-gala ini nampaknya telah menyumbang ke arah lahirnya sikap *apologetic* yang terdapat di kalangan kepimpinan dan golongan yang dimandatkan untuk melaksanakan program pembangunan nasional bagi mengimbangkan terutamanya kedudukan sosio-ekonomi bumiputra. Inilah asas munculnya keraguan sama ada kekuasaan politik yang masih ada itu diseimbangkan dengan keazaman politik atau *political will* untuk mencapai matlamat aspirasi kebangsaan Melayu yang menjadi teras kepada aspirasi rakyat seluruhnya.

Pada saat-saat yang akhir ini pula, mulai kedengaran hujah-hujah baru disuarakan bagi melemahkan keazaman

untuk mencapai matalamat di peringkat kebangsaan seperti itu. Nilai-nilai universal dan kemanusiaan yang "longar" mula diketengahkan oleh golongan-golongan tertentu untuk mempersenda prioriti mengubah warisan pembangunan yang berorientasi kolonial kepada yang berorientasi kebangsaan.

Memperjurangkan matalamat kebangsaan dianggap terlalu kecil, terlalu sempit. Masalah bahasa umpamanya sebagai sebahagian dari usaha mendaulatkan kebudayaan peribumi di pusat kelahirannya dianggap enteng berbanding dengan nilai universal yang melihat bahasa, tak kira bahasa apa, semata-mata satu alat hubungan manusia. Begitu juga dengan masalah memberi orientasi kebangsaan kepada sistem pendidikan negara dianggap terlalu kebelakang, tetapi wajib memautkannya pertama-tama kepada ideal kemanusiaan sejagat. Dalam bentuknya yang lebih khusus nampaknya kanak-kanak Malaysia harus kenal kepada katakanlah Shakesphere terlebih dahulu sebelum kenalkan Tun Sri Lanang. Dan melanjutkan lagi hujah seumpama ini, nampaknya Tanah Melayu harus menjadi negara pertama di dunia membuang bendera negaranya, dan diganti dengan bendera bangsa-bangsa bersatu!

Dari satu segi hujah seumpama ini adalah teknik terakhir yang masih ada di kalangan golongan tertentu yang berusaha menetralkan keazaman masyarakat bumiputra mencapai cita-cita kebangsaannya. Dalam konteks negara Malaysia yang sedang membangun ini, prioriti membina kesejahteraan yang seimbang di kalangan kepelebagaian rakyatnya dan membina kecintaan terhadap tanah airnya dapatlah diumpamakan dari kata-kata hikmat, *charity begins at home*. Iaitu kemurahan hati sama ada dari segi benda atau jiwa adalah bermula dari keluarga sendiri. Membina kesejahteraan dan menjalin kecintaan dalam keluarga menjadi asas kepada pertumbuhan kesejahteraan dan kecintaan di peringkat perkumpulan atau masyarakat dan seterusnya ini menjadi asas kepada pertumbuhan kesejahteraan dan persaudaraan di peringkat kebangsaan. Maka di setiap tahap perkembangannya ini sedikit sebanyak memerlukan kerelaan pengorbanan kepentingan sama ada keluarga, kumpulan atau masyarakat yang menganggotai sesuatu bangsa itu. Dan akhirnya, kejayaan mengatasi masalah di peringkat kebangsaan itulah men-

jadi jaminan akan diterapnya nilai-nilai kemanusiaan sejagat yang melampaui batas-batas kenegaraan. Dalam hubungan ini tidakkah menjadi kepentingan golongan yang mengaku memperjuangkan nilai-nilai kemanusiaan tinggi bahawa prioriti dan azam menyelesaikan masalah di peringkat kebangsaan itu tidak diganggu-gugat? Maka dalam konteks seperti inilah, kegairahan menggunakan nilai dan konsep universal untuk mempersenda dan memperli prioriti menyelesaikan masalah di peringkat kebangsaan itu, lebih merupakan hujah terakhir dari golongan yang merasakan terancam dengan pendaulatan kembali kedudukan sosio-ekonomi- budaya bumiputra.

Dalam banyak hal, dari segi sejarah nilai yang kita "terima" sebagai bersifat universal itu pada hakikatnya berasal dari nilai-nilai kebangsaan yang telah muncul di setengah-setengah negara barat. Penindasan sosio-ekonomi dan keugamaan yang telah mereka alami telah melahirkan perkembangan pemikiran baru di kalangan masyarakat negara-negara tersebut dan pengalaman seumpama itu telah mewarnakan konsep dan semangat nilai-nilai kebangsaan mereka. Kemunculan negara-negara barat sebagai kuasa-kuasa besar penjajah di dunia terutama selepas abad ke 19 telah mempopularkan idea-idea kebangsaan mereka yang baru itu, melewati batas-batas kenegaraan mereka sendiri dan akhirnya telah diterapkan dalam fikiran kebanyakan masyarakat sebagai nilai-nilai sejagat. Pada hal, setengah daripada nilai-nilai seumpama itu tidak semestinya sesuai dengan negara-negara lain yang mempunyai pengalaman dan perkembangan sejarah yang berbeza.

Dalam hubungan ini usaha memelihara pelanjutan tradisi keutuhan kebudayaan bumiputra itu dapat juga diinsafi dalam konteks kemanusiaan yang lebih luas. Satu-satu tradisi dan tamaddun yang unik dibangunkan oleh sesuatu masyarakat itu adalah sebahagian dari khazanah kekayaan pengalaman dan dayacipta manusia. Memelihara perkembangannya yang positif adalah satu tugas kemanusiaan yang murni. Kalaupun misalnya pemeliharaan keanekaan ragam binatang liar di hutan itu dianggap satu sifat kemanusiaan yang paling tinggi, maka apatah lagi memelihara dan memperkembangkan satu ciptaan tradisi kehidupan manusia yang telah disesuaikan dengan ecology tempatannya zaman berzaman.

Buku kecil ini merupakan satu usaha menggalurkan dalam bentuk yang semudah mungkin, sebahagian daripada persoalan-persoalan yang telah dikemukakan oleh kaum-kaum bukan bumiputra mengenai perkara-perkara yang menyetuh tentang masalah ekonomi, politik dan kebudayaan tanah air. Setengah daripadanya barangkali sudah tidak kedengaran lagi namun ianya dikemukakan semula sebagai santapan kepada jenerasi baru yang mungkin tidak terdedah dengan perdebatan mengenainya. Rangka sejarah tanah air yang luas telah digunakan dalam kebanyakan persoalan dan penjelasan yang dikemukakan.

1981

Malik Munip

Jabatan Sejarah  
Universiti Malaya

## BAHAGIAN PERTAMA

### Melayu: Bumiputra atau Imigran

- Chong:** *Kenapakah orang Melayu menganggap dirinya sebagai bumiputra?*
- Awang:** Sebab di sinilah tanah tumpah darah mereka turun temurun.
- Muthu:** *Tetapi datuk nenek aku pun sudah berpuluh bahkan beratus tahun tinggal di sini. Kenapa aku bukan bumiputra?*
- Awang:** Kerana kau berasal dari tempat-tempat lain. Kau merupakan seorang imigran yang berpindah ke mari.
- Chong:** *Kenapa pula kami imigran? Bukankah datuk nenek engkau juga berasal dari tempat lain? Ada yang datang dari Sumatra, Riau, Jawa, Borneo dan lain-lain.*
- Awang:** Benar kata kau tu Chong. Tetapi kami berpindah dalam alam budaya yang sama. Tempat-tempat yang engkau sebutkan itu seperti Sumatra, Riau, Borneo bahkan banyak pulau-pulau yang lain itu biasanya kita sebut gugusan pulau-pulau Melayu, atau dalam bahasa Inggerisnya *the Malay archipelago*.
- Muthu:** *Apa maksud engkau dengan istilah alam budaya tu?*
- Awang:** Setahu aku, dalam dunia ini banyak terdapat kawasan-kawasan yang luas yang terdiri dari alam budaya yang berbeza-beza. Ambil umpamanya di Timur Asia itu, di situ kita dapat benua China yang besar yang sering dirujuk sebagai alam budaya China. Begitu juga di bahagian barat kita, terdapat benua India yang juga dianggap sebagai kawasan alam budaya India, atau kalau ta' silap aku dalam bahasa Inggeris disebut *geo-cultural area*. Maka di sini, di gugusan pulau-pulau Melayu ia dirujuk sebagai *the Malay world* atau alam Melayu atau alam budaya Melayu.
- Chong:** *Jadi, bagaimana engkau hubungkan ini dengan*



- Awang: *istilah imigran dan bumiputra tadi?*  
 Biarlah aku mulakan begini. Setahu aku hampir semua manusia dalam dunia ini ada mengalami proses berpindah-pindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Tetapi ini tidak pula bererti bahawa tidak ada orang yang boleh dianggap sebagai bumiputra. Tadi aku ada menggunakan nilaitara, **perpindahan dalam alam budaya yang sama tidak menjadikan seseorang itu imigran, tetapi tetap bumiputra di kawasan itu.** Ambil misalnya, alam budaya Cina yang luas itu. Di dalamnya terdapat berpuluh-puluh puak yang mempunyai bahasa dan cara hidup yang berbeza-beza dan keadaan penempatannya juga berselebar kadang-kadang beribu batu. Keadaan ini serupa juga seperti dalam alam budaya India. Tetapi seseorang Hailam umpamanya yang berpindah ke kawasan Tiuchew, tetap menjadi bumiputra negeri China kerana dia berpindah dalam alam budaya China. Atau seorang yang berpindah dari Madras ke Bombay yang hampir 1000 batu jaraknya, tetap juga menjadi bumiputra India kerana ia berpindah dalam alam budaya yang sama iaitu alam budaya India.
- Muthu: *Jadi bila pula seseorang itu menjadi imigran?*  
 Awang: Iaitu apabila ia berpindah keluar dari alam budayanya yang asal, dan diam dalam alam budaya yang baharu. Dan dalam hal seperti ini, jarak jauh atau dekat tidak menjadi soal.
- Chong: *Apa maksud engkau?*  
 Awang: Maksud aku ambil misalnya seorang China yang menyeberangi sebuah sungai yang memisahkan negeri China dengan Vietnam. Jarak luas sungai itu mungkin beberapa batu saja. Tetapi dia sudah masuk ke alam budaya lain, iaitu alam budaya Vietnam. Dia menjadi seorang imigran di Vietnam.
- Muthu: *Tetapi setahu aku, kawasan yang kita katakan alam budaya Melayu ini amat muda umurnya, berbanding dengan alam budaya yang lain. Bukankah orang-orang Melayu pernah dikatakan*

*berasal dari Yunan di utara iaitu kira-kira 2000 tahun yang silam?*

Chong:

*Kalau begitu yang layak disebut bumiputra hanyalah orang-orang sakai, Temiar atau orang asli yang lain sahajalah?*

Awang:

Kedua-dua soalan engkau ini memang baik dan yang paling selalu menimbulkan kekeliruan. Tapi ada dua perkara yang mustahak mengenai soal ini; iaitu tentang jangkamasa atau *period* kedatangan orang Melayu ke tempat ini, dan keduanya menilai konsep alam budaya itu sendiri. Pertamanya cuba kita perhatikan jangkamasa yang disebut oleh Muthu tadi. Kenapa harus kita gunakan sekadar 2000 tahun? Kenapa tidak 4000 tahun, 10,000 tahun atau puluhan ribu tahun yang silam? Kalau kita ambil jangkamasa yang tidak terhad seperti puluhan ribu tahun yang silam, kita tidak dapat menduga dengan tepat asal usul sesuatu puak itu. Ambil misalnya 50,000 tahun yang silam, siapa dapat menafikan bahawa orang-orang China di negeri China sendiri telah berpindah dari tempat-tempat lain? Dan ini tidak bererti bahawa pada hari ini orang China bukan bumiputra negeri China! Orang-orang Inggeris umpamanya lebih 2000 tahun yang silam telah berpindah dari benua Eropah. Tetapi tidak pula bererti orang-orang Inggeris tidak punya hak bumiputra di England! Semuanya ini bererti bahawa menyoalkan jangkamasa yang tidak terhad atau *unlimited time frame* tidak ada erti. Akhir-akhirnya orang akan berkata kita berasal dari benih yang sama, Nabi Adam.

Muthu:

*Ah! bukankah ini cara berfikir yang paling sihat. Kita semua sama rata, manusia biasa.*

Awang:

Mungkin itu betul. Ini mungkin yang ideal. Tetapi kita berhadapan dengan satu realiti yang berbeza. Kita berhadapan dengan realiti bahawa wujud kepelembagaan bangsa dan kepelembagaan cara hidup atau tamaddun yang berbeza. Dan tiap-tiap satunya punya hak berdaulat di tempat

masing-masing. Dan bukankah ini memperlihatkan khazanah kekayaan manusia! Memelihara dan memperkembangkan tamaddun yang wujud di tempat kelahirannya adalah sifat yang amat beradab dari segi kemanusiaan.

Muthu: *Jadi, jangkamasa yang macam mana boleh kita gunakan?*

Awang: Barangkali istilah jangkamasa itu sendiri tidak tepat. Yang perlu ialah perihal wujudnya dalam tempoh yang tertentu, mungkin panjang mungkin pendek, satu tamaddun yang tertentu dan berbeza di satu-satu kawasan yang tertentu. Lebih dari itu, kewujudan tamaddun tersebut diakui dan diiktiraf pula oleh tamaddun-tamaddun lain. Di alam Melayu, kewujudan tamaddun Melayu ini adalah satu realiti, dan sejak ratusan tahun ianya diakui oleh tamaddun-tamaddun lain, sama ada di barat atau timur yang mempunyai hubungan dengan dunia Melayu. Dalam pada itu sungguhpun tamaddun Melayu itu amat muda, tapi ia merupakan hasil pertama sebuah masyarakat membina cara hidup yang disesuaikan dengan alam sekeliling atau *ecologynya*. Segala sungai dan laut segala pokok dan daun, segala unggas dan margastua, segala gunung dan bukit ada nama Melayunya, jauh lebih lengkap dari nama-nama yang terdapat dalam peta kita yang termoden. Dan nama-nama Melayu inilah nama-nama yang sah terpakai hingga sekarang. Dan inilah juga satu contoh konkrit kenapa kawasan kita ini dirujuk sebagai alam Melayu.

Chong: *Tapi engkau belum menjelaskan soalan aku bahawa bukankah hanya orang-orang asli saja yang layak dirujuk sebagai bumiputra.*

Awang: Memang benar mereka merupakan sebahagian daripada kepelembagaan puak bumiputra. Tapi harus disedari bahawa konsep alambudaya lebih kompleks dari hanya sekadar kewujudan bentuk-bentuk kebudayaan yang simple yang terdiri. Ianya merangkum lebih dari itu. Ianya mengan-

dungi ciri-ciri kemasyarakatan yang telah berkembang ke peringkat tamaddun yang lebih tinggi atau yang dipanggil *civilisation*.

**Chong:** *Apakah orang-orang asli itu belum mencapai peringkat perkembangan budaya yang layak diistilahkan sebagai tamaddun?*

**Awang:** Saudara terpaksa menerapkan masalah ini ke dalam konteks sejarah yang lebih luas. Di gugusan pulau-pulau Melayu, tamaddun Melayu merupakan tamaddun yang paling awal muncul, bertapak dan berkembang. Ciri-ciri peradaban atau *civilisation* mulai terbina. Sistem sosio-politik Melayu mulai berjaya merangkum kepulauan ini dan memberinya entiti kenegaraan yang jelas. Pengucapan masyarakatnya mulai bertambah sophisticated terutama dalam bentuk bertulis, meluahkan daya pemikiran yang halus terutamanya setelah kedatangan Islam.

**Muthu:** *Bukankah ini sekaligus mengenenpikan atau bercanggah dengan budaya orang-orang asli?*

**Awang:** Sebaliknya proses penyesesuaian dan penerimaan yang berlaku. Dalam sistem politik Melayu yang lama, orang laut umpamanya menjadi sebahagian dari jentera pemerintahan tradisional. Dalam sejarah tidak ada bukti yang jelas pernah wujud persengkitaan antara masyarakat orang asli dengan masyarakat Melayu umumnya. Lagi pun dari segi fizikal, perbezaan pokok hampir tidak ada di antara orang Melayu dengan orang-orang asli yang lain.

**Muthu:** *Tapi aku masih belum yakin dengan penjelasan engkau. Dari segi cara hidup dan bahkan rupa sekalipun orang-orang asli itu amat berbeza dengan orang Melayu.*

**Awang:** Engkau mesti ingat bahawa kehadiran orang asli ini bukanlah satu fenomena yang terdapat di Tanah Melayu sahaja. Di tempat-tempat lain pun orang-orang aslinya wujud. Di India atau di negeri China pun ada orang-orang asli atau dipanggil dalam bahasa Inggeris *aborogines*. Dan dalam banyak hal cara hidup dan rupaben-

tuk mereka dapat dibezakan dengan orang-orang India atau orang-orang China yang lain. Namun demikian ini tidak pula bererti bahawa orang-orang India dan China yang lain itu bukan bumiputra untuk negara-negara tadi. Di negara kita pula pemisahan orang-orang asli dari sebahagian daripada puak Melayu itu lebih banyak akibat penjajahan. Di Malaysia Timur umpamanya, penjajah gagal merujuk mana-mana puak bumiputra sebagai orang asli.

Chong: *Tetapi Awang, apa yang engkau jelaskan itu hampir seluruhnya berdasarkan sejarah masa lampau. Apa yang kita hadapi sekarang ialah realiti hari ini. Sama ada bumiputra atau tidak, kita adalah warganegara, setaraf, tidak ada beza antara satu sama lain. Yang berbeza hanyalah antara cara hidup kumpulan-kumpulan masyarakat 'berbilang kaum' sahaja.*

Awang: Istilah setaraf atau sama rata atau lain-lain itu kerap kali mengkaburi beberapa hakikat sejarah yang masih berlanjutan hingga hari ini. Kita ambil umpamanya masyarakat bumiputra dengan masyarakat bukan bumiputra. Sekali lagi satu perbezaan yang amat penting harus disedari, iaitu hakikat bahawa di Tanah Melayu, hanya bumiputra sahaja yang layak dirujuk sebagai masyarakat yang lengkap. Atau dalam bahasa Inggeris *a whole society*. Masyarakat imigran di Tanah Melayu, bukanlah masyarakat yang lengkap.

Muthu: *Siapa kata masyarakat imigran tidak lengkap? Bukankah tamaddun China atau India itu lebih tua dan bahkan dikatakan lebih maju daripada banyak tamaddun-tamaddun lain di Asia? Dan bukannya kedua-kedua tamaddun ini sering dianggap amat kuat mempengaruhi perkembangan tamaddun lain terutama di Asia Tenggara?*

Awang: Ya, memang ramai sarjana-sarjana yang berpendapat seperti itu. Tetapi kita merujuk kepada keadaan di Tanah Melayu dan bukan di tempat-

tempat lain. Di Tanah Melayu hanya masyarakat bumiputra sahaja yang mempunyai rangka kemasyarakatan yang lengkap yang boleh dijadikan asas pembentukan sebuah negara. Struktur sosio-politik Melayulah yang menjadi rangka asas pembinaan negara kita iaitu dari peringkat Raja Melayu membawa kepada rakyat jelata, rakyat Raja Melayu. Tetapi masyarakat atau kaum-kaum imigran yang lain itu, mereka lebih merupakan masyarakat "serpihan" dari masyarakat asal yang lengkap yang telah terpelanting ke negeri barunya iaitu Tanah Melayu. Dan di Tanah Melayu tidak ada raja lain daripada raja Melayu. Dalam konteks seperti inilah istilah seperti "setaraf" itu perlu difahami.

**Chong:** *Adakah maksud engkau ada perbezaan "taraf" antara seorang bumiputra dengan bukan bumiputra?*

**Awang:** Oh! Tidak. Kalau sekadar sebagai rakyat, mengejar segala macam peluang kehidupan dalam semua bidang, ekonomi, sosial atau politik kita semua adalah setaraf.

**Muthu:** *Jadi, dari segi apa pula masalah "setaraf" itu perlu difahami?*

**Awang:** Masalah "taraf", atau masalah kedudukan masyarakat bumiputra dengan masyarakat bukan bumiputra ini boleh dilihat dalam dua peringkat; peringkat individu sebagai rakyat dan anggota kumpulan *Componen* masyarakat yang tertentu dan di peringkat kebangsaan.

Di peringkat yang pertama masalah taraf dan peluang kebebasan tidaklah rumit. Tetapi, di peringkat kebangsaan, kedudukan masyarakat bumiputra dengan masyarakat bukan bumiputra atau imigran, adalah berbeza.

**Chong:** *Bagaimana pula berbeza?*

**Awang:** Tadi telah aku katakan, bahawa berbeza dengan masyarakat imigran, di Tanah Melayu masyarakat Melayu atau bumiputra merupakan masyarakat yang lengkap atau *whole society*. Kerana

- Muthu: itu masyarakat Melayu menjadi masyarakat induk, masyarakat yang menjadi wadah kepada pembentukan masyarakat kebangsaan kita. Ia menjadi teras kepada keperibadian nasional kita. *Ah! Ini tentunya tidak adil. Di Amerika umpamanya, kita juga berhadapan dengan satu situasi, di mana terdapat kepelembagaan komponen masyarakat menganggotai masyarakat kebangsaannya. Tetapi di sana tidak ada pemilihan masyarakat peribumi Red Indian atau mana-mana masyarakat lain umpamanya sebagai masyarakat induk. Sekurang-kurangnya dari segi teori, kedudukan orang German adalah setaraf dengan kedudukan orang Perancis, Inggeris bahkan Dayak Merah sekalipun. Aku percaya keadilan inilah salah satu faktor penting menyumbang ke arah kekuatan masyarakatnya sekarang.*
- Awang: Memang benar orang selalu mengambil contoh dari pengalaman sejarah Amerika apabila menilai perkembangan di Tanah Melayu. Tetapi pada hakikatnya kecenderongan berbuat begitu menandakan betapa jahilnya kita tentang sejarah tanahair sendiri. Bahkan kekerapan berbuat demikian adalah manifestasi yang selaras dengan taraf kekeliruan pemahaman tentang beberapa realiti penting sejarah kita.
- Chong: *Maksud engkau?*
- Awang: Dalam dunia ini hanya ada sebuah negara sahaja daripada lebih 200 buah negara yang dipanggil Amerika Syarikat. Kenapa kita perlu mengambil contoh dari negara Amerika yang mempunyai pengalaman sejarah yang amat berbeza sekali? Pertamanya, di Amerika tradisi yang lahir sejak kira-kira dua ratus tahun yang silam hampir seluruhnya merupakan tradisi masyarakat imigran. Iaitu tradisi yang dibawa bersama-sama oleh orang-orang Eropah waktu mereka berhijrah ke benua Amerika. Tradisi masyarakat peribumi Dayak Merah hampir terputus samasekali tidak berlanjutan menjadi teras kepada perkembangan

sejarah rakyat Amerika. Peperangan dan pembunuhan merupakan sebahagian dari kegiatan orang-orang Eropah menakluk dan memusnahkan tradisi Bumiputra Amerika. Selain daripada itu pula, kita tidak ada bukti yang jelas sama ada sebelum kedatangan orang-orang Eropah, orang-orang Dayak Merah di Amerika itu telah berjaya melahirkan satu bentuk tamaddun yang dapat dijadikan asas kenegaraan Amerika yang jelas, dengan sistem pemerintahan atau kerajaan tradisionalnya yang luas di benua itu. Kerana itulah, apabila orang-orang imigran di Amerika berjaya mencapai kemerdekaannya dari pemerintahan Inggeris, mereka menganggapnya sebagai tarikh kelahiran satu bangsa Amerika yang baharu. Dan semua komponen masyarakat Amerika mempunyai taraf sosial yang sama.

**Muthu:**

*Jadi, apa pula bezanya dengan sejarah negara kita? Bukankah seperti bumiputra di Tanah Melayu kaum Dayak Merah masih wujud di Amerika?*

**Awang:**

Perbezaannya amat pokok sekali. Pertamanya masyarakat Bumiputra di Tanah Melayu telah pun mempunyai satu tamaddun yang jelas sebelum kedatangan barat ataupun kedatangan kaum-kaum imigran yang lain. Sudah wujud umpamanya tradisi politik bumiputra yang mempunyai sistem kerajaan dan jajahan takluk yang jelas. Tradisi sastera dan intelektual juga telah mencapai taraf yang mantap. Bahasanya juga telah berkembang menjadi bahasa perantaraan atau bahasa internasional atau "lingua franca". Perkembangan ugama Islam umpamanya telah menerapkan satu personaliti yang kukuh kepada masyarakat alam Melayu, memberinya daya kekuatan mempertahankan diri dari dilanda oleh pengaruh luar. Kedatangan barat pula tidak bererti terputusnya tradisi bumiputra alam Melayu ini. Bahkan dalam banyak hal, kuasa-kuasa barat itu, sepertilah kuasa-kuasa timur yang lain, mengakui kesahihan atau



*legitimacy* sistem kenegaraan orang-orang Melayu. Mereka terpaksa merujuk kepada Raja-raja Melayu untuk membuat apa-apa kegiatan di alam Melayu ini. Dan Raja-raja Melayu adalah lambang kepada kewibawaan sistem kenegaraan kawasan ini.

Lebih penting dari semua ini ialah juga memahami bahawa tradisi peribumi yang berlanjutan itu tidak sekadar merupakan satu faktor yang berterusan semata-mata. Tetapi tradisi bumiputra di Tanah Melayu terus berlanjutan sebagai faktor yang **definitif** dalam perkembangan masyarakat kebangsaan kita di semua bidang. Dan sifat definitif ini berbeza samasekali dengan keadaan tradisi bumiputra Dayak Merah di Amerika.

Chong: *Apa maksud engkau dengan istilah faktor yang definitif itu?*

Awang: Dalam konteks perkembangan sejarah sesuatu bangsa, **faktor definitif** itu merupakan faktor yang terpenting sekali. Ia itu faktor yang paling berkesan menentukan corak, bentuk bahkan 'warna' perkembangan masyarakat dari semasa kesemasa dan dalam semua bidang penghidupan yang penting.

Di Amerika memang masih terdapat kelompok-kelompok masyarakat orang-orang Dayak Merah di sana sini. Dalam banyak hal mereka mendiami kawasan yang sudah direzabkan untuk mereka. Dari segi ini penerusan kehadiran mereka layak dirujuk sebagai salah satu 'faktor' yang berlanjutan dalam perkembangan masyarakat Amerika. Tetapi dari segi keseluruhan tradisi Amerika, dari segi bilangan dan perlibatan mereka dalam semua bidang penting kehidupan masyarakat Amerika, masyarakat Bumiputra Dayak Merah ini memainkan peranan yang amat kecil sekali. Tradisi sosio-politik Amerika yang ada hampir menafikan samasekali akan tradisi bumiputeranya. Bilangan bumiputeranya amat terhad. Perlibatan mereka dan pe-

ranannya dalam bidang politik, sosial dan ekonomi hampir tidak ada langsung. Tidak ada umpamanya, kumpulan anggota kongress, atau senator, atau ahli-ahli perniagaan atau kumpulan golongan intelektual yang berpengaruh terdiri daripada masyarakat bumiputra Dayak Merah. Masyarakat bumiputera di Amerika sungguhpun masih ada, masih berlanjutan, tetapi memainkan peranan yang amat **marjinal** dalam menentukan corak perkembangan masyarakat Amerika seluruhnya. Mereka bukan faktor yang definitif.

Tetapi perkembangan sejarah di Tanah Melayu amat berbeza sekali. Masyarakat bumiputera di sini bukan setakat berlanjutan tetapi masih menjadi **faktor berlanjutan yang definitif**, faktor penentu yang penting mencorakkan perkembangan masyarakat kebangsaan kita. Tradisi bumiputra Melayu terus menjadi asas pembentukan sistem kenegaraan kita yang menyeluruh. Monarki Melayu, adat-adat rasmi Melayu, bahasa Melayu ugama kepercayaan Melayu terus berkekalan menjadi faktor penting penghidupan masyarakat kita. Dari segi bilangan dan perlibatan di dalam bidang kekuasaan politik dan bidang penghidupan yang lain, masyarakat bumiputra masih memainkan peranan yang sangat penting. Dalam lain perkataan, tradisi mereka, peranan dan perlibatan mereka menjadi penentu kepada corak perkembangan masyarakat kebangsaan kita. Masyarakat Bumiputra Melayu di Tanah Melayu menjadi faktor yang **berlanjutan dan definitif**.

**Muthu:**

*Wah! Nampaknya panjang sungguh penjelasan engkau ini. Tentunya masalah faktor berlanjutan dan definitif ini mempunyai implikasi-implikasi penting yang lain?*

## Sejarah Bangsa Melayu : Asas Sejarah Kebangsaan

- Awang: Memang sebenarnya kata engkau itu. Terutamanya apabila kita terapkan dalam perspektif sejarah kebangsaan kita, kerana di sini juga terdapat kekeliruan yang menimbulkan salah faham terutama di antara masyarakat bumiputra dengan bukan bumiputra. Umpamanya tentang usaha kita menulis sejarah kebangsaan negara yang berteraskan sejarah bumiputra iaitu sejarah orang-orang Melayu.
- Chong: *Lagi-lagi aku dengar istilah berteraskan sejarah bumiputra. Kenapa begitu? Bukankah sejarah orang-orang India atau sejarah orang-orang China itu lebih tua? Adakah ini bererti mengeneipikan sejarah mereka?*
- Awang: Masalah sejarah orang China atau India lebih tua, atau masalah mengeneipikan sejarah mereka tidak timbul. Masalah kita yang pokok ialah kita menulis sejarah Kebangsaan Tanah Melayu dan bukan sejarah kebangsaan negara-negara lain!
- Muthu: *Jadi apa perlunya kita gunakan sejarah bumiputra Melayu sebagai teras atau asas sejarah kebangsaan?*
- Awang: Ini bukan masalah perlu atau tidak perlu. Sejarah orang-orang Melayu sebagai teras sejarah kebangsaan kita itu adalah hakikat, sama ada kita suka atau tidak.
- Chong: *Mana dia hakikat itu? Ada dia di dalam buku atau hanya dalam dongengan saja?*
- Awang: Ah ha! Aku dah sangka saudara akan menyoalkannya begitu. Di sini aku cuba mengelakkan dari terceburlah ke dalam perdebatan tentang konsep sejarah yang meleret-leret itu. Memadailah aku hadkan kepada soalan engkau saja. Harus diingat sejarah dalam ertikata terakhir adalah "gambaran" yang terjelma dalam pemikiran kita. Apa yang ditulis atau apa yang disebut itu sekadar memberi maklumat yang

membolehkan kita tahu membuat "gambaran" sejarah itu. Berapa banyak perkara umpamanya, yang kita tidak tahu, tidak tertulis, tetapi perkara-perkara itu wujud. Jadi masalah kita dalam konteks sejarah kebangsaan negara ialah mempelajari dan memahaminya.

**Muthu:** *Berbalik kepada soalan aku tadi, apa justifikasi menggunakan sejarah buniputra Melayu sebagai teras sejarah Kebangsaan?*

**Awang:** Sebagai satu hakikat, ia tidak perlu justifikasi. Tapi untuk penjelasan, biarlah aku katakan begini, Sejarah adalah satu yang mempunyai dimensi masa. Sejarah menyorot perkembangan dari satu masa ke satu masa. Dalam perkataan lain sejarah mempunyai kronoloji, ada awal dan ada akhir, iaitu sejarah mempunyai unsur persembungan atau *continuity* yang penting. Iaitu "unsur continuity" yang menjadi asas penentu perkembangan satu-satu masyarakat dari satu masa ke satu masa.

**Chong:** *Bukankah itu bererti banyak faktor-faktor penting yang terus menerus menyumbang ke arah perkembangan masyarakat kita? Ambil misalnya masyarakat imigran China dan India. Kedatangan mereka telah memberi kesan yang amat menyeluruh sekali kepada masyarakat Tanah Melayu, sama ada dari segi politik, sosial atau terutamanya segi ekonomi. Begitu juga pihak penjajah Eropah sendiri. Mereka telah memainkan peranan yang amat berkesan menentukan corak perkembangan sejarah masyarakat kita. Kenapa tidak kita gabungkan semuanya sebagai landasan untuk membina sejarah kebangsaan kita?*

**Awang:** Tetapi engkau lupa bahawa seperti yang aku katakan tadi, sejarah mempunyai permulaannya, tidak boleh muncul dengan tiba-tiba sahaja. Dalam konteks sejarah kita, unsur persambungan atau *continuity* hanyalah sejarah peribumi orang Melayu. Untuk lebih mudah aku katakan begini; sebelum kedatangan Barat, orang-orang Melayu

telah ada. Kemudian Portugis datang dan Portugis pergi. Melayu tetap ada. Kemudian Belanda dan Inggeris datang dan pergi. Melayu tetap ada. Kemudian orang-orang China dan India datang. Dan banyak daripada mereka tidak pergi. Tetapi sebelumnya mereka tak ada. Jadi yang jelas, sepanjang-panjang masa sejarah yang dilalui itu, hanya masyarakat Melayu sahaja yang telah pertama bertapak dan terus menerus bertapak dan berkembang di negara kita. Kerana itulah aku katakan bahawa unsur *continuity* yang menjadi teras dan mendasari perkembangan sejarah negara kita ialah masyarakat Melayu. Kerana itulah juga sejarah masyarakat bumiputra Melayu itu menjadi teras kepada sejarah kebangsaan kita. Ia memberi akar kepada masyarakat kita supaya tidak terombang ambing.

Muthu: *Kenapa engkau gunakan istilah "memberi akar" itu?*

Awang: Sebab terlalu banyak terdapat kekeliruan mengenai perkara ini, dan kita kurang pasti sama ada kekeliruan itu disengajakan atau tidak, ataupun untuk setengah-setengah pihak kekeliruan dijadikan toping untuk menolak perkara yang hak. Lihat umpamanya mengenai sambutan hari ulang tahun kemerdekaan kita. Di sini sekali lagi selalu terdapat tanggapan yang seolah-olah menafikan "akar" kenegaraan kita. Kerap kali umpamanya hari ulang tahun kemerdekaan kita itu dirujuk sebagai ulang tahun "kelahiran" negara dan bangsa kita. Rujukan seperti ini menasabah untuk negara seperti Amerika, di mana seperti dikatakan di atas tadi, mereka telah membangunkan satu tradisi yang samasekali baru yang *terputus* daripada tradisi peribumi-nya. Tetapi di tempat kita berbeza sekali. Sejarah dan tradisi bumiputra masih berlanjutan menunjangi perkembangan masyarakat kita. Inilah yang menjadi akar tunjang kita dan telah wujud jauh lebih lama sebelum penjajahan Inggeris yang berleluasa. Kerana itu apabila kita

berjaya mengusir mereka keluar, ia menandakan **bukan kelahiran** kita sebagai satu bangsa. Kita sudah lahir jauh lebih lama sebelumnya. Tetapi semata-mata menandakan **Kelahiran semula** atau “rebirth” nusa dan bangsa kita.

**Chong:** *Jadi, kalau sejarah bangsa Melayu menjadi teras, bagaimana pula kita melihat kedudukan sejarah kaum-kaum imigran?*

**Awang:** Seperti saya katakan di atas tadi, dalam konteks sejarah Tanah Melayu dan perkembangan kenegaraannya kaum-kaum imigran adalah merupakan masyarakat yang tidak lengkap, atau masyarakat “serpihan” yang menempel kepada tubuh atau *entity* kenegaraan yang sedia ada yang telah dilahirkan oleh masyarakat Melayu. Oleh kerana itu dalam konteks sejarah kebangsaan kita, sejarah kaum-kaum imigran mesti bersandar atau merujuk kepada sejarah Melayu. Sejarah kaum China atau kaum India di Tanah Melayu tidak boleh diberi *treatment* sebagai satu *entity* yang tersendiri. Kalau tidak ianya merupakan semata-mata sejarah perkauman. Dan ini amat merbahaya boleh menimbulkan salah tanggapan yang berterusan.

**Muthu:** *Rasa aku penerangan engkau ini terlalu abstract untuk dapat dijemakan dan dilaksanakan. Dan kalau dapat difahami pun tidak bererti kaum-kaum imigran akan menerimanya.*

**Awang:** Memang betul, ramai orang-orang yang menganggap diri mereka sebagai *students of history*, mengatakan bahawa sejarah itu agak terlalu sophisticated untuk terus dapat disedari akan kepentingannya. Maklumlah pula, sejarah lebih merupakan gambaran yang membentuk rangka pemikiran kita, daripada merupakan benda yang konkrit seperti makanan yang boleh dimakan atau jambatan yang boleh dipijak. Namun tidak ada orang yang dapat lari dari dipengaruhi oleh sejarah, kerana segala tindak tanduk individu secara sedar atau tidak dipengaruhi oleh “rangka pemikirannya”. Dan secara kolek-

tif, "rangka pemikiran" satu-satu masyarakat akan melahirkan pola tindak tanduk yang sama. Maka kalau di Tanah Melayu, gambaran sejarah yang melahirkan "rangka pemikiran" kaum-kaum imigran terus menerus bercanggah dengan "rangka pemikiran" sejarah masyarakat induk bumiputra, maka penilaian tentang masalah-masalah kebangsaan akan melahirkan pola tanggapan, *appreciation*, dan tindakan kolektif yang bercanggah.

Seorang sarjana Sejarah yang agak terulung di tanahair kita pernah mengatakan pada satu masa dahulu bahawa salah satu masalah pokok yang dihadapi oleh masyarakat kita yang mempunyai sejumlah besar kaum-kaum imigran adalah bertitik-tolak pada masalah ini.

Chong: *Bolehkah engkau berikan contoh-contoh yang jelas mengenai masalah rangka pemikiran sejarah ini?*

Awang: Contoh pertama sebenarnya telah aku berikan di atas tadi iaitu mengenai dengan masalah *continuity* dan **kelahiran semula bangsa** kita selepas tercapainya kemerdekaan. Sebenarnya berkaitan dengan kedua-dua idea *continuity* dan kelahiran semula bangsa kita itu terdapat berbagai-bagai implikasi lain. Kedua-dua idea ini sebenarnya amat penting dalam menentukan "rangka pemikiran sejarah".

Di satu pihak umpamanya akan terdapat golongan yang mempunyai rangka pemikiran sejarah Tanah Melayu yang bertitik-tolak dari penjajahan Inggeris. Mereka melihat teras-teras kenegaraan kita yang ada seperti dalam sistem pemerintahan dan kesan-kesan perkembangan sosio-ekonomi dan kemasukan kaum-kaum imigran akibat Inggeris. Dalam konteks yang lebih besar mereka melihat bahawa Inggeris memulakan satu tradisi penghidupan yang baru samasekali kepada masyarakat kita. Maka ditambah pula oleh sistem pengasingan di antara Melayu dengan kaum imigran dalam semua bidang

penghidupan, pertembungan sosial yang bermakna di antara dua golongan ini hampir tidak ada. Dalam bidang kegiatan ekonomi atau bidang sosial seperti pelajaran yang hampir tidak merujuk samasekali kepada negara ini, masyarakat imigran tidak sedar apatah lagi faham, dengan tradisi tempatan yang wujud. Inggeris adalah lambang kekuasaan pemerintah yang memayungi mereka, dan inilah menjadi rujukan mereka. Maka akhirnya, dari rangka pemikiran sejarah seperti ini, iaitu rangka pemikiran yang bertitik-tolak dari kehadiran kuasa kolonial, mereka tak mungkin dapat memahami misalnya, taraf kedudukan tradisi dan budaya bumiputra yang berbeza dengan taraf kedudukan tradisi masyarakat imigran. Kerana itu mereka cuba menentang misalnya bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal, atau kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan kebangsaan. Maka kalau kita sedar bahawa rangka pemikiran seperti itu lahir akibat pelaksanaan dasar penjajahan, tak dapat tiada rangka pemikiran ini merupakan warisan penjajahan atau dalam bahasa Inggeris disebut *colonial legacy*. Dan *legacy* kolonial ini masih terbawa-bawa hingga ke hari ini.

**Muthu:** *Apa maksud engkau dengan kenyataan bahawa 'legacy' kolonial itu masih terbawa-bawa hingga ke hari ini?*

**Awang:** Engkau lihat sahajalah misalnya dari golongan yang cuba memperjuangkan konsep-konsep seperti *Malayan Union* atau *Malaysian Malaysia*. Sungguhpun konsep yang pertama itu dibawa oleh kolonial Inggeris dan konsep kedua oleh orang-orang keturunan imigran yang telah diberi keistimewaan menjadi warganegara yang merdeka, namun dalam banyak hal, prinsip-prinsip yang dibawa adalah serupa, terutama sekali dari segi budaya dan pembinaan keperibadian kebangsaan kita. Cuba kita perhatikan difinasi *Malaysian Malaysia* yang cuba diperjuangkan itu. Ianya cuba dirangkum dalam satu istilah yang



amat menarik — hak sama rata. Maka itu, bahasa China atau bahasa India setaraf dengan bahasa Melayu, sistem persekolahan boleh dan mesti menggunakan bahasa pengantar berbilang bahasa, ciri-ciri kebudayaan kaum-kaum imigran setaraf dengan ciri-ciri kebudayaan bumiputra, seperti katakanlah tarian naga setaraf dengan tarian inang dan lain-lain lagi. Bahkan memperjuangkan kedaulatan tradisi bumiputra Melayu di Tanah Melayu disogokkan sebagai perkauman dan bukan kebangsaan. Semuanya ini akan kelihatan anihnya apabila dibandingkan dengan perkembangan negara-negara lain di Asia Tenggara terutamanya. Seolah-olah misalnya adalah perkauman menjadikan tarian atau bahasa masyarakat bumiputera Indonesia sebagai bahasa rasmi Indonesia atau tarian kebangsaannya, tetapi sebaliknya “demi hak sama rata” bahasa China pun mesti menjadi salah satu bahasa rasmi kerana di Indonesia terdapat berjuta juga ramainya rakyat kaum Cina.

Dalam bidang ekonomi dan sosial pula difinasi Malaysian Malaysia menentang peruntukan membantu orang Melayu yang sudah sekian lama terbiar dan tersisih, dan menjadi golongan yang paling tercicir. Atas dasar “bantuan harus diberi kepada yang memerlukan tanpa mengira kaum”, sesungguhnya satu dasar yang tidak perkauman atau *non-racial*, hak-hak “keistimewaan” bumiputra cuba ditentang. Namun dasar yang dikatakan *non-racial* dalam bidang bantuan dan pembangunan itu agak aneh bila diterapkan ke dalam usaha memperjuangkan supaya ciri-ciri perkauman seperti bahasa dan budaya yang beraneka ragam itu dipupuk dan dipelihara.

Jadi pada keseluruhannya difinasi Malaysian Malaysia seperti di atas ini adalah difinasi yang cuba menafikan hakikat perkembangan sejarah dan tradisi kenegaraan yang diwarisi turun temurun. Ia merupakan difinasi yang dicetuskan dari

"rangka pemikiran kolonial".

Chong:

Tadi engkau mengatakan ada dua "rangka pemikiran" sejarah yang terdapat di kalangan kita. Apa yang engkau jelaskan itu pada aku lebih merupakan "rangka pemikiran" yang terdapat di kalangan masyarakat imigran. Apa pula agaknya rangka pemikiran yang satu lagi itu? Dapatlah kedua-dua disatukan?

Awang:

Rangka pemikiran sejarah yang satu lagi umumnya terdapat di kalangan masyarakat bumiputra. Rangka pemikiran sejarah mereka menjangkau jauh lebih lama sebelum Inggeris, bahkan sebelum kedatangan kuasa-kuasa barat yang lain sekalipun. Mereka merasakan dan menghayati tradisi kemasyarakatan dan kenegaraan mereka yang berlanjutan dari semasa ke semasa. Kehadiran kuasa-kuasa kolonial itu merupakan gangguan sementara dalam perjalanan perkembangan sejarah mereka. Seperti mana-mana tradisi manusia yang terbuka evolusi perubahan tetap berlaku, dan begitu juga kepada masyarakat peribumi Melayu. Dan mereka menerima hakikat ini. Mereka memahami umpamanya akan hakikat bahawa gangguan sementara dari kehadiran Kolonial Inggeris itu, telah meninggalkan banyak ciri-ciri baru dalam kehidupan kebangsaannya, sepertilah dalam sistem pemerintahan dan terutamanya kehadiran sama kaum-kaum imigran. Namun perubahan-perubahan ini tidak pula bererti terputusnya akar dan tradisi yang menunjangi masyarakat bumiputra. Perubahan-perubahan baru yang berlaku itu lebih merupakan proses penyesuaian kepada tradisi dan sistem yang ada daripada proses "penafian" atau *rejection* akan tradisi dan sistem itu sendiri. Bahkan penyesuaian dengan ciri yang baru itu memperkukuh rangka tradisional yang ada. Engkau lihat misalnya sistem kenegaraan kita atau lebih khusus, sistem pentadbiran kita. Dalam banyak hal ianya membawa banyak pembaharuan. Tetapi dari segi rangka asas sosio-politik

di mana pembaharuan-pembaharuan itu diterapkan, ianya masih berwadahkan rangka tradisi sosio-politik Melayu. Tentunya ini menunjukkan kedinamikan tradisi bumiputra itu sendiri. Dalam konteks yang lebih luas banyak ciri-ciri asas tradisi bumiputra itu yang terus menerus wujud dan berkembang, seperti bahasa dan tulisan Melayu, aliran pemikiran dan tradisi intelektual mereka, ugama mereka dan lain-lain lagi.

Maka semuanya ini menerapkan satu "rangka pemikiran" sejarah yang berbeza pada asasnya dengan rangka pemikiran sejarah yang terhad jangkamasanya sekadar kedatangan Inggeris. Kerana itu persepsi mereka mengenai masalah perkembangan dan pembangunan tanahair lebih diasaskan di atas realiti sejarah yang pernah dilalui.

Chong: *Apa maksud engkau tentang istilah diasaskan di atas realiti sejarah yang dilalui itu? Cuba berikan contoh yang jelas.*

Awang: Lihat umpamanya tentang konsep *Malaysian Malaysia* tadi. Sebenarnya difinasi yang diasaskan atas apa yang cuba diistilahkan sebagai "hak samarata" itu merupakan difinasi dari kacamata orang-orang yang mempunyai "rangka-pemikiran" sejarah kolonial. Mereka merupakan golongan yang sudah begitu sebatu dengan cara hidup zaman kolonial yang memisahkan mereka dari realiti tradisi tempatan.

Tetapi bagi masyarakat Bumiputra *Malaysian Malaysia* mempunyai difinasi yang berbeza. Iaitu difinasi yang tidak menafikan tradisi sejarah dan kenegaraan tempatan, difinasi yang diasaskan di atas rangkuman sejarah kebangsaan alam Melayu yang berlanjutan dari zaman ke zaman. Ini bererti *Malaysian Malaysia* diberikan difinasi kebangsaan, difinasi yang terpisah dari ciri-ciri difinasi kolonial.

Muthu: *Apa maksud engkau dengan difinasi kebangsaan yang terpisah dari ciri-ciri difinasi kolonial?*

Awang: Ia itu, *Malaysian Malaysia* mestilah bererti me-

nerapkan ciri-ciri kebangsaan Malaysia kepada kehidupan masyarakat Malaysia. Ciri-ciri yang asing dengan negara Malaysia mestilah diubah-suaikan.

**Chong:** *Boleh engkau jelaskan dengan lebih tepat dan konkrit?*

**Awang:** Kita harus sedar bahawa kolonialisma telah membawa berbagai-bagai perubahan dalam semua bidang. Setengah daripada perubahan-perubahan itu tersangat asing dan bercanggah sama sekali dengan keperibadian dan kepentingan negara ini. Kemasukan orang-orang imigran yang besar jumlahnya itu pula telah memperkuatkan unsur-unsur asing yang dikesani dari pemerintahan kolonial. Dalam konteks seperti ini, proses "memalaysiakan" semua sifat-sifat *non-Malaysian* mesti dilakukan. Dalam ertikata yang lebih konkrit, beberapa contoh boleh dibuat. Misalnya masyarakat imigran mesti berhenti berfikir sebagai imigran. Orientasi pemikiran mereka yang dipupuk di zaman penjajahan ke arah kepentingan penjajah dan negara asal mereka harus diubah. Orientasi mereka, harus merujuk kepada negara ini, dan ini amat perlu dengan tradisi tamaddun kita yang mempunyai nilai tinggi tentang budi bahasa. Maka itu wujudnya prinsip "Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung" yang bererti tanpa berbuat demikian dianggap tidak beradab atau *uncivilised* atau kurang ajar. Masyarakat imigran wajib berfikir seperti masyarakat di Malaysia dan bukan sebagai masyarakat negeri China atau masyarakat negeri India di seberang laut. Kita tidak boleh menerima masyarakat imigran dalam sifatnya sebagai *an extension* kepada tradisi tempat asal mereka. Tetapi hanya sebagai masyarakat serpihan yang akan memperkembangkan atau sebagai *an extension* kepada teras tradisi negara kita. Atau dalam perkataan lain, segala unsur-unsur asing tidak dipelihara untuk "menyanyi" unsur tempatan tetapi diubahsuai su-

paya “memperkaya” tradisi kita. Inilah proses yang akan menghilangkan sifat “serpihan” masyarakat imigran dan menjadikannya “sebahagian” dari masyarakat kebangsaan dan dengan identiti kebangsaan yang kukuh.

Muthu: *Adakah kita mempunyai identiti kebangsaan? Bukankah masyarakat China atau India mempunyai cara hidup yang berbeza? Mungkinkah mereka dapat mengubahsuaikan tradisi mereka dengan tradisi asas masyarakat bumiputra Melayu? Bukankah mereka berhak memelihara budaya mereka sendiri?*

Chong: *Izinkan aku mencelah. Bukankah dikatakan bahawa tradisi dan tamaddun orang-orang China dan India itu lebih tua dan “lebih tinggi” tarafnya? Bagaimana mereka sanggup meresapkan diri dengan tradisi Melayu yang lebih “mundur”?*

Awang: Bertubi-tubi soalan engkau berdua ini. Biarlah aku jelaskan satu persatu. Pertamanya identiti kebangsaan itu bolehlah disifatkan sebagai personaliti sesebuah negara, yang muncul dan berkembang mengikut zaman. Ia tidak muncul dengan tiba-tiba. Tadi aku telah jelaskan bahawa:

a) Tradisi tamaddun masyarakat bumiputra Melayu telah wujud jauh lebih lama sebelum kedatangan barat. Dan tradisi ini masih menjadi **faktor difinitif yang bersambungan.**

b) Tamaddun Melayu ini telah melahirkan satu tubuh kenegaraan dengan sifat-sifat tempatan dunia Melayunya yang unik.

Dari kedua-dua inilah yang telah membina satu ‘entity’ kenegaraan Melayu atau identiti kebangsaan Melayu. Dan identiti ini tidak pernah terputus sekalipun terdapat adanya gangguan sementara penjajahan yang pernah “menyamarkan” kewujudannya. Dalam konteks yang lebih luas, identiti yang berteraskan Melayu inilah sahaja yang dapat membezakan kita dengan negara-negara lain. **Kita kenal seseorang itu**

rakyat Tanah Melayu kerana sifat kemelayuannya.

Tetapi masalah sekarang ialah hakikat kehadiran komponen-komponen masyarakat imigran yang besar yang terus menerus melanjutkan tradisi mereka tanpa merujuk kepada identiti kebangsaan yang sedia ada. Mereka seolah-olah melanjutkan identiti "keimigranan" menyaingi identiti negaranya sendiri iaitu Tanah Melayu. Mesti juga disedari bahawa nisbah bilangan mereka yang besar dan keengganan mereka menerima tidak bererti boleh menafikan hakikat kewujudan identiti negara yang sedia ada. Di samping itu pula, sama ada berkekalan sikap keengganan masyarakat imigran menerima identiti Melayu sebagai teras atau wadah identiti kebangsaan wajib dilihat dalam konteks sejarah kita yang semasa. Kerajaan Inggeris umpamanya sebagai satu kuasa dunia yang terkuat pernah dalam tahun 1946 melalui gagasan Malayan Union mencuba mewujudkan identiti baru Tanah Melayu yang terputus dari identiti kebangsaannya turun temurun. Malayan Union gagal dan hampir mencetuskan suasana kacau bilau. Begitu juga halnya dengan gagasan Malaysian Malaysia dekad 60an. Yang pasti ialah, cabaran-cabaran seumpama itu hanya mempercepat proses kesedaran bumiputra Melayu dan kelahiran kepimpinan mereka yang lebih *nationalistic* dan tegas. Di samping itu juga sama ada keengganan masyarakat imigran menerima identiti Melayu sebagai teras itu disebabkan oleh sentimen perkauman mereka masih boleh dipersoalkan.

Chong:  
Awang:

*Apa maksud engkau dengan ayat terakhir itu? Pertamanya, andaian bahawa keengganan mereka itu disebabkan tamaddun mereka lebih tinggi dari tamaddun Melayu, adalah andaian yang boleh diperdebatkan. Dalam sejarah terdapat banyak peristiwa di mana berlaku proses penyerapan atau *absorption* masyarakat imigran*

China ke dalam masyarakat kebangsaan bumiputra seperti di Siam atau di Indonesia. Dan ini tidak pula bererti bahawa tamaddun China itu lebih rendah mutunya daripada tamaddun Siam atau Indonesia. Bahkan di Tanah Melayu sendiri proses yang hampir serupa pernah berlaku seperti di kalangan orang-orang China Selat yang dipanggil Baba.

Keduanya pula, kebanyakan daripada penduduk imigran di Tanah Melayu, adalah berasal daripada golongan masyarakat bawahan di negeri-negeri asal mereka. Mereka datang kemari sebagai buruh-buruh kasar iaitu mengisi keperluan tenaga buruh yang dikehendaki untuk perkembangan ekonomi kolonial. Sukar dipercayai bahawa golongan ini pernah terdedah dan terlibat dan dapat menghayati atau *internalised* ketinggian dan kehalusan mutu kebudayaan mereka di negeri asal.

Chong: *Izinkan aku mencelah. Dapatkah kiranya aku membuat contoh mengenai masyarakat kita ini sebagai berikut. Pertama, ketiga-tiga komponen terbesar daripada masyarakat Melayu, China dan India itu serupalah ibarat tiga buah sungai yang mengalir seiring menuju ke sebuah tasek. Dan tasek itulah sebenarnya masyarakat kebangsaan kita.*

Awang: Sekaligus contoh atau analogy engkau ini mengahkirkan kekeliruan tentang kedudukan tradisi dan identiti bumiputra Melayu sebagai teras atau wadah pembentukan identiti kebangsaan. Engkau seolah-olah merujuk bahawa tiap-tiap sungai atau dalam perkataan lain, tiap-tiap komponen masyarakat kita mempunyai taraf kedudukan tradisi dan budaya yang sama.

Tetapi analogy engkau itu sendiri boleh diubahsuai untuk memberi gambaran yang tepat. Pertamanya, masyarakat kita itu merupakan sebatang sungai yang besar mengalir. Kemudian terdapat dua anak sungai yang mengalir ke dalamnya. Sungai yang besar itu ialah

ibarat kepada masyarakat bangsa Melayu yang telah lebih dahulu wujud dan anak-anak sungai pula adalah ibarat kepada komponen-komponen serpihan masyarakat imigran yang lain itu.

**Muthu:** *Tetapi engkau belum menjawab soalan aku yang awal tadi iaitu, bukankah masyarakat imigran itu mempunyai hak memelihara tradisi, budaya dan bahasa mereka? Dan apahal kalau mereka terus juga enggan membuat ubahsuaian dengan rangka budaya tempatan?*

**Awang:** Memang benar, masyarakat imigran di Tanah Melayu itu mempunyai hak memelihara cara hidup mereka dan hak ini pun terjamin dalam perlembagaan kita. Tetapi ada perbezaan pokok di antara memelihara untuk keperluan *personal* dan *private* kaum imigran itu sendiri dengan memelihara dan memperkembangkan hingga menyaingi atau *competing* dengan teras kebudayaan kebangsaan kita. Di peringkat *private* dan *personal* atau dalam perkataan lain, di peringkat perkumpulan kaum-kaum imigran itu sendiri, mereka berhak mempraktikan apa saja ciri budaya mereka. Tetapi di peringkat kebangsaan, mereka mesti membuat adaptasi supaya tidak bercanggah dengan ciri-ciri utama teras identiti kebangsaan itu.

**Chong:** *Istilah-istilah seperti adaptasi atau proses penyerapan atau 'absorbtion' itu mudah disebut. Bolehkah engkau jelaskan secara yang lebih konkrit?*

**Awang:** Memang benar, dari segi falasafahnya memang lebih mudah diperkatakan, tetapi dari segi perlaksanaannya agak lebih rumit. Dan kita terpaksa mengakuinya. Namun beberapa perkara dan contoh dapat dijelaskan. Pertamanya istilah adaptasi itu berbeza dengan istilah penyerapan. Apa yang penting ialah proses adaptasi atau ubahsuaian dan bukan penyerapan atau *absorb-tion* seperti di setengah-setengah negara. Namun dalam sebuah masyarakat terbuka seperti kita,



ianya merupakan satu proses yang *natural* dan bukan dipaksakan.

Sebagai contoh kita ambil misalnya tarian naga China. Dalam bentuknya yang asli, ianya merupakan sebuah kegiatan senitarian China, iaitu satu expression budaya masyarakat imigran. Dalam bentuknya yang asli ia tak mungkin dapat diterima sebagai bahagian dari expression budaya masyarakat kebangsaan. Tetapi melalui usaha adaptasi, ia mungkin akhirnya dapat diterima sebagai sebahagian dari ciri identiti negara. Katakan misalnya, musik yang mengiringi tarian itu diubahsuaikan dengan musik tempatan. Atau wajah naga itu sendiri disesuaikan dengan konsepsi naga tempatan.

Chong: *Kalau proses adaptasi seperti itu berlaku, maka dimanakah 'originality' tarian naga itu? Hilanglah keaslian atau 'authenticity'nya?*

Awang: Kita harus ingat, bahawa kita berbicara untuk melahirkan satu tarian naga yang dapat "diidentifikasi" sebagai expression budaya Tanah Melayu. Atau dalam perkataan lain bukan lagi tarian naga China tapi tarian naga Tanah Melayu. Jadi kalau ingin melihat yang original kenalah pergi melihat di tanah tempat kelahirannya. Sebagai **Tarian Naga Tanah Melayu**, keasliannya bertolak dari proses adaptasi tadi.

Muthu: *Kalau begitulah kata engkau, apakah ada ertinya hak memelihara budaya, bahasa dan agama masyarakat bukan bumiputra itu?*

Awang: Sepertilah aku katakan tadi, hak kebebasan itu ada. Misalnya Orang China boleh mempraktikkan tarian naga mereka dalam bentuk aslinya dan sechina-chinanya yang mungkin. Tetapi ini adalah expression budaya masyarakat China untuk keperluan dalam lingkungan masyarakatnya sendiri. Ianya tidak boleh ditunjukkan hingga bersifat **menyaingi** teras kebudayaan kebangsaan kita.

Chong: *Bukankah sering dikatakan, bahawa usaha-usaha untuk membina dan melaksanakan idea budaya*

dan tradisi bumiputra Melayu itu sebagai teras kebudayaan/identiti kebangsaan mendorong tindakan yang bertentangan atau "backlash" dari masyarakat imigran? Iaitu mereka akan cuba mewujudkan kebangkitan semula budaya atau "cultural revival" masyarakat imigran?

Awang:

Tadi aku ada menggunakan istilah proses yang **natural** dalam adaptasi expression budaya masyarakat imigran ke dalam wadah kebudayaan kebangsaan. Ditinjau dari segi tempat kelahiran dan perkembangannya, kebangkitan identiti yang berteraskan identity bumiputra adalah juga satu proses yang natural, dan ini berbeza dengan kebangkitan budaya asing, atau budaya golongan imigran. Memperjuangkan kebangkitan budaya imigran hingga melampaui batas lingkungan masyarakat imigran itu sendiri adalah **tidak natural** dan akan dilihat sebagai cabaran kepada kewibawaan sistem budaya yang menunjangi identiti kenegaraan itu sendiri. Bukan saja ia akan dilihat sebagai cabaran tetapi lambat laun akan ditafsir sebagai pengkhianatan terhadap nilai budaya yang memberi kestabilan masyarakat kebangsaan. Ambil misalnya nilai terkandung dalam ungkapan kata, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Sesungguhnya, ini merupakan salah satu prinsip utama yang menjadi **ikatan sakral** masyarakat kita sebagai satu bangsa, dan mencabar prinsip ini bererti sekaligus mencabar harga diri dan maruah bangsa itu. Sekarang ini pun sudah mulai muncul saranan supaya masyarakat bumiputra Melayu harus "**bersikap kurang ajar**". Dari satu segi ini merupakan manifestasi pertama dari wujudnya cabaran terhadap prinsip tadi. Dan penerusan cabaran seumpama itu tak dapat tiada akan melahirkan perkembangan manifestasi seumpama itu yang lebih hebat.

Tetapi lebih penting mengenai kebangkitan budaya masyarakat imigran yang **melampaui** batas keperluan lingkungan masyarakatnya ialah dari

segi perlembagaan. Dari segi sejarah, kebangkitan seumpama ini adalah bertentangan dengan semangat kebudayaan atau *cultural spirit* perlembagaan itu sendiri.

Chong: *Apa maksud engkau dengan semangat kebudayaan perlembagaan itu? Bukankah kebebasan budaya itu terjamin dalam perlembagaan kita? Bukankah ini semangat perlembagaan?*

Awang: Dari segi sejarah, semangat atau *spirit* perlembagaan bukanlah semudah yang engkau katakan. Ia merupakan satu istilah yang kompleks yang merangkumi di dalamnya keseluruhan kandungan perlembagaan, latarbelakang sejarahnya dan perkembangannya.

Muthu: *Maksud engkau?*

Awang: Semangat perlembagaan merupakan satu "cetus" dari keseluruhan atau *totality* perlembagaan. Bererti kita terpaksa mengkaji dari A sampai Z mengenai perlembagaan kita barulah dapat kita menjelmakan apa yang dikatakan semangatnya.

Kita tak boleh mengambil sepotong ceraian atau mengambil satu perkara (*article*) dalam perlembagaan dan mengatakan itulah semangatnya. Serupalah seperti kita tidak boleh mengambil sepotong ayat atau surah dalam kitab suci, dan mengatakan bahawa itu adalah semangat kitab suci itu. Berbuat demikian adalah membuat tafsiran yang *out of context*. Jadi terpaksalah kita memahami keseluruhan isi kitab suci barulah mungkin dapat dirasai, difahami dan dihayati erti semangat kitab suci itu.

Chong: *Kalau berdasarkan konsep "totality" engkau itu, rasanya hampir tak ada orang yang dapat memahami semangat perlembagaan kita. Siapa di antara kita yang pernah membaca dan meneliti isi kandungan perlembagaan kita dari A sampai Z? Apatah lagi latarbelakang sejarahnya!*

Awang: Kata engkau itu memang ada kebenarannya kalau konsep *totality* itu ditafsir seluas-luasnya. Hanya Tuhan saja yang tahu. Tapi kita rak-

yat biasa dan dari segi sejarah kita boleh menggunakan beberapa garis kasar sebagai pedoman kita menyelami erti semangat perlembagaan kita.

Pertamanya cuba kita perhatikan rangka asas di mana perlembagaan kita itu diterapkan. Sungguhpun banyak unsur-unsur baru dalam sistem pemerintahan kita tetapi semuanya telah dibina disekeliling satu rangka kenegaraan yang telah wujud. Dan sekali lagi ternyata bahawa rangka kenegaraan yang menjadi wadah kepada perlembagaan kita adalah lanjutan dari tradisi sistem sosio-politik bumiputra Melayu. Bahkan semua ciri-ciri utama yang menjadi asas kenegaraan kita turun temurun terus terpelihara. Dalam kata-kata yang lebih tepat, monarki Melayu, adat-adat resmi Melayu, bahasa Melayu, ugama kepercayaan orang Melayu menjadi teras utama perlembagaan kita. Atau dalam bahasa yang lebih tepat lagi, hanya kebudayaan Melayu yang memberi kesahihan atau *cultural legitimacy* kepada perlembagaan kita.

Muthu:

*Jadi, dari keterangan engkau ini apakah yang dapat kita katakan sebagai semangat budaya perlembagaan kita? Bukankah ini agak bercanggah dengan peruntukan mengenai kebebasan budaya dalam perlembagaan itu?*

Awang:

Ini bererti bahawa semangat kebudayaan perlembagaan kita adalah semangat yang dilahirkan dan dicetuskan dari sistem budaya yang menjadi rangka asasnya, iaitu semangat kebudayaan Melayu. Dan inilah yang memberi identiti perlembagaan kita yang berbeza dari perlembagaan negara-negara lain. Dari segi sejarah dan budaya, penggubalan perlembagaan kita tidak diasaskan di atas konsep "masyarakat berbilang kaum".

Mengenai kebebasan budaya pula, peruntukan mengenainya terdapat hanya dalam satu ceraiian daripada satu perkara atau artikel dalam perlembagaan kita, yang bererti peruntukan ini ku-

rang daripada 1% keseluruhan perlembagaan. Kerana itu ia tidak seharusnya mengkaburkan kita tentang aspek yang lain-lainnya. Lagi pun pada lazimnya peruntukan seumpama itu terdapat dalam kebanyakan perlembagaan negara-negara lain di dunia.

Chong: *Bagaimana pula kalau masyarakat imigran menolak tafsiran bahawa semangat kebudayaan perlembagaan kita itu adalah kebudayaan bumiputra Melayu?*

Awang: Tidak ada alternatif dalam perkara menerima hakikat bahawa semangat kebudayaan perlembagaan itu ialah kebudayaan Melayu. Wajib juga disedari, bahawa selain daripada Wilayah Persekutuan, kebanyakan daripada kita tertakluk juga kepada perlembagaan negeri-negeri. Dan perlembagaan negeri-negeri Melayu adalah amat Melayu sifatnya. Tetapi lebih penting daripada ini ialah menyedari bahawa dari segi sejarah menolak semangat kebudayaan Melayu sebagai semangat kebudayaan perlembagaan, adalah mencabar kedaulatan raja sendiri.

Muthu: *Apa maksud engkau?*

Awang: Masyarakat imigran yang menjadi warganegara yang sah adalah pada hakikatnya menjadi rakyat raja Melayu. Ini bererti mereka wajib menjunjung kedaulatan raja itu. Dan ini bererti wajib mengakui kedaulatan sistem budaya yang melahirkan institusi raja itu iaitu sistem budaya Melayu. Seorang rakyat kepada raja Melayu tidak berhak mencabar kedaulatan sistem budaya yang melahirkannya. Dan kedaulatan raja ini juga diabadikan dalam **Rukun Negara Kita**.

Chong: *Jadi dari segi praktiknya, bagaimana dan setakat mana kita dapat melaksanakan prinsip kebebasan budaya tanpa mencabar kedaulatan budaya bumiputra Melayu?*

Awang: Sesungguhnya inilah yang merupakan soalan yang rumit dan memerlukan penelitian dan kajian terus menerus. Namun kita boleh membincangkannya dengan mengambil contoh da-

ripada unsur-unsur budaya yang penting. Ambil misalnya bahasa. Bahasa rasmi ialah bahasa Melayu tetapi bahasa-bahasa masyarakat imigran juga boleh digunakan dan dipelihara. Dari segi praktiknya penggunaan bahasa-bahasa lain itu boleh digunakan tetapi tidaklah begitu menonjol hingga merendahkan taraf atau *prestige* bahasa rasmi Melayu. Umpamanya dalam iklan tulisan dalam bahasa Melayu itu mesti lebih besar, lebih significant kedudukannya daripada tulisan dalam bahasa-bahasa lain.

**Chong:** *Tetapi ada kalanya demi keperluan komersial, kita terpaksa melayan kehendak bakal pengguna. Sesuatu yang difikirkan boleh menjejaskan sentimen golongan pengguna terbanyak, terpaksa dihindarkan. Bahasa umpamanya boleh dan kerap kali memberi kesan dan menimbulkan reaksi di kalangan kumpulan-kumpulan pengguna yang tertentu.*

**Awang:** Dalam masalah seumpama itu, kita harus mempunyai priority yang tertentu. Kepentingan maruah kebangsaan umpamanya tidak boleh digadaikan untuk keperluan komersial. Bahkan kita wajib berusaha mengorientasikan keperluan komersial supaya tidak bercanggah dengan teras keperibadian kita. Harus juga disedari bahawa masalah penggunaan bahasa dalam bidang komersial adalah sebahagian kecil dari implikasi luas semangat kebudayaan perlembagaan kita.

**Muthu:** *Apa maksud engkau dengan ayat terakhir itu?*

**Awang:** Ertinya, semangat kebudayaan perlembagaan kita mesti tercermin dalam penghidupan kita. **Pembangunan negara, sama ada diperingkat physical atau non-physical mesti menjadikan semangat budaya perlembagaan sebagai satu faktor penentu.** Suasana alam budaya yang terjelma harus melambangkan kedaulatan teras kebudayaan nasional. Ini akan memberikan identiti dan kesetabilan iklim budaya.

**Chong:** *Apa ertinya kesetabilan iklim budaya itu?*

**Awang:** Ertinya, pembangunan tidak harus melahirkan

suasana alam budaya yang asing kepada kita. Suasana alambudaya zaman penjajahan umpamanya telah melahirkan satu identiti 'rojak', identiti yang tidak punya ikatan antara satu komponen masyarakat dengan yang lain, identiti yang amat cucuk dengan dasar "pecah-pecah perintah". Identiti zaman kemerdekaan adalah berbeza. Identiti zaman kemerdekaan adalah identiti kebangsaan — identiti yang melambangkan perpaduan dan bukan perpecahan. Dan asas perpaduan ini amat jelas diilhamkan dari semangat budaya perlembagaan kita. Mengkhianati semangat budaya perlembagaan kita, serupalah dengan cabaran terhadap maruah masyarakat yang menjunjung semangat budaya perlembagaan itu sendiri. Dan cabaran seumpama ini adalah merupakan satu unsur yang mengancam kesetabilan kita.

Muthu: *Bolehkah engkau jelaskan dengan contoh-contoh konkrit mengenai pertalian antara semangat budaya perlembagaan dan suasana alam budaya pembangunan kebangsaan kita?*

Awang: Contoh-contoh konkrit dapat diperhati dalam proses pembangunan yang nyata, seperti proses pembandaran, reka bentuk perumahan, iklan-iklan yang terpampang, taman-taman rikriasi atau taman riathah, bangunan-bangunan yang rasmi dan tidak rasmi, istana dan kediaman pembesar dan lain-lainnya. Dalam perkataan yang tepat *cultural landscape* yang tercetus dari sifat-sifat umum pembangunan wajib membayangkan kedaulatan semangat budaya perlembagaan negara dan negeri-negeri. Ciri-ciri khusus kaum-kaum tertentu tidak boleh ditunjukkan hingga mencapai tahap yang menodai kedaulatan utama sistem budaya yang melahirkan lambang kedaulatan negara iaitu Raja kita.

Chong: *Bagaimana pula dengan konsep "tolak ansur" yang dianggap mendasari cara dan budibicara kita mengendalikan segala permasalahan kita?*

Awang: Ada dua perkara yang mesti difahami menge-

nai konsep tolak ansur ini. Pertamanya, kita mesti faham latarbelakang atau sejarah negara yang telah melahirkan konsep tolak ansur itu. Keduanya, ada had-had tertentu di mana konsep tolak ansur itu boleh dilaksanakan. Tolak ansur tidak boleh dilakukan hingga menggadaikan prinsip-prinsip utama negara. Kita hanya boleh melaksanakan tolak ansur yang bermaruah dari segi negara ini.

**Muthu:**

*Aku rasa penjelasan engkau ini samar-samar, dan jika dilihat dari dua pihak yang berbeza seperti masyarakat Melayu dengan bukan Melayu tentunya akan melahirkan dua tafsiran yang berbeza.*

**Awang:**

Aku percaya kemungkinan timbulnya dua tafsiran yang berbeza itu akibat pemilihan premise pemahaman yang berbeza. Jadi eloklah aku gunakan rangka penjelasan yang khusus. Pertamanya kita merujuk kepada cara mencapai persefahaman di antara dua kumpulan masyarakat kita iaitu masyarakat peribumi Melayu dan masyarakat imigran. Tolak ansur bererti wujudnya proses memberi dan menerima. Dari kacamata masyarakat Melayu mereka lebih banyak memberi daripada menerima.

**Chong:**

*Aku tidak setuju. Bukankah orang-orang bukan bumiputra umpamanya telah banyak berkorban seperti penerimaan mereka mengenai soal bahasa rasmi dan sebagainya?*

**Awang:**

Engkau lupa, bahawa berkorban bererti melepaskan sesuatu yang hak. Negara kita umpamanya telah wujud lama sebelum kedatangan Inggeris. Negara kita sudah beraja ertinya sudah bertuan. Segala hak adalah terpulang kepada warganegara yang sah negara kita, dan dari segi-segi sejarah, rakyat Tanah Melayu adalah rata-rata terdiri dari bumiputra Melayu. Kediaan mereka mengizinkan keistimewaan kelonggaran kerakyataan kepada masyarakat imigran adalah satu pengorbanan yang tidak ada tolok bandingnya. Dan kelonggaran ini tertakluk kepada



beberapa syarat. Amat penting menyedari bahawa orang-orang imigran tidak berhak menyoalkan syarat-syarat itu.

Muthu: *Kenapa tidak berhak?*

Awang: Kerana mereka bukan warganegara. Dan menyoalkan syarat-syarat itu selepas menjadi rakyat, adalah menyoalkan syarat-syarat yang menjadi asas kewarganegaraan itu sendiri. Harus diingat bahawa kerakyatan adalah satu keistimewaan dan bukan satu hak.

Chong: *Tetapi bila aku baca buku-buku sejarah, atau buku banci penduduk, pukul rata, bilangan orang-orang bukan bumiputra Melayu di Semenanjung boleh dikatakan hampir 50% daripada jumlah penduduk seluruhnya?*

Awang: Tapi engkau lupa bahawa sebahagian yang amat besar daripada mereka bukan rakyat atau warganegara Tanah Melayu. Kedudukan mereka samalah seperti pendatang-pendatang baru atau *refugees* yang dibawa masuk oleh Inggeris. Mereka tidak ada hak seperti rakyat Tanah Melayu sendiri. Bahkan ramai daripada orang-orang imigran itu datang untuk sementara sahaja atau *transit population*. Engkau lihat umpamanya seperti dalam pilihanraya umum Tanah Melayu yang pertama. Pengundi-pengundi bukan daripada orang Melayu hanya kira-kira 10% sahaja. Tetapi bilangan mereka dikatakan hampir 50% daripada jumlah besar penduduk Tanah Melayu.

Chong: *Tadi engkau mengatakan bahawa semangat budaya perlembagaan kita adalah kebudayaan Melayu. Tetapi pada hari ini nisbah bilangan warganegara yang sah daripada orang-orang bukan Melayu di Tanah Melayu sudah bertambah. Bukankah mereka akan meminta pengiktirafan yang lebih dari segi sumbangan budaya mereka untuk membina kebudayaan dan keperibadian kebangsaan kita? Bukankah memberi keutamaan yang berlebihan kepada kebudayaan Melayu akan melahirkan "ketidakadilan buda-*

ya" atau "cultural injustice" kepada masyarakat lain? Lagi pun kebebasan memelihara kebudayaan tiap-tiap kaum itu terjamin dalam perlembagaan kita?

**Awang:**

Sekali lagi aku tekankan, bahawa perlembagaan kita melalui peruntukan-peruntukan tertentu, adalah asas yang membolehkan sebahagian besar orang-orang bukan Melayu menjadi rakyat. Menyoalkannya adalah menyoalkan asas yang memberi mereka hak sebagai rakyat.

Keduanya, orang-orang bukan Melayu boleh menyumbangkan sebanyak-banyaknya yang mereka mahu dari segi budaya ke arah pembentukan kebudayaan kebangsaan. Tidak ada sekatan apa-apa. Tetapi soal pokoknya ialah sejauhmana kerelaan mereka membuat ubahsuaian atau "adaptasi budaya" mereka untuk diterapkan ke dalam wadah atau teras kebudayaan kebangsaan itu. Masyarakat Melayu akan menganggap usaha-usaha yang boleh merendahkan taraf dan martabat kebudayaan yang menjadi teras itu bukan sahaja setakat satu *cultural injustice* tapi satu penghinaan kepada sistem budaya yang melahirkan Raja kita.

Ketiganya, tidak ada proses pilih kasih atau *selective* dalam usaha menghayati perlembagaan kita. Umpamanya kita tidak boleh semata-mata mengexploit peruntukan mengenai kebebasan bahasa tanpa turut serta mengakui, menerima dan menghormati peruntukan mengenai Bahasa Rasmi. Dan Bahasa Rasmi negara kita, di negara kita sendiri, mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada bahasa-bahasa negara asing seperti Arab, Eskimo, India dan bahkan China sekalipun.

**Muthu:**

Tapi Awang, engkau harus ingat, bahawa ramai dari warganegara yang berasal dari keturunan imigran hanya menilai kandungan perlembagaan dari segi atau kacamata undang-undang atau "legal" sahaja. Mereka tidak menghiraukan 'implikasi budaya yang lebih luas.

- Awang: Sekali lagi aku jelaskan bahawa kita tidak boleh *selective* dalam menghayati perlembagaan kita, iaitu sama ada dari aspek pemilihan isi kandungan ataupun juga memilih aspek legal semata-mata. Kita mesti juga menghayati dari aspek budayanya. Harus kita ingat bahawa dalam Rukun Negara yang mengandungi prinsip-prinsip utama falsafah kebangsaan kita, "Keluhuran Perlembagaan" menjadi prinsip yang ketiga. Keluhuran perlembagaan membawa implikasi kekeramatan atau "*sanctity*". Dan bila ini diterapkan dengan prinsip-prinsip yang lain seperti Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara serta prinsip Kesopanan dan Kesusilaan, iaitu prinsip-prinsip yang menjadi lunas-lunas penting dalam cara kehidupan atau kebudayaan kita, maka aspek budaya dalam menghayati perlembagaan kita adalah amat penting.
- Chong: *Tapi dalam Rukun Negara kita terdapat jaminan tentang, "satu cara [hidup] yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak". Bagaimanakah pula cita-cita ini dapat dicapai?*
- Awang: Kita mesti ingat bahawa istilah liberal, sepertilah mana-mana istilah pun adalah satu istilah yang relatif, yang bererti kita harus membuat perbandingan. Maka untuk negara kita, dimana tradisi peribumi merupakan faktor yang berlanjutan dan difinitif, kita boleh membandingkan dengan negara-negara lain yang mempunyai ciri serupa ini, dan ditambah pula dengan ciri kehadiran masyarakat imigrannya. Dan kita boleh mengambil contoh dari negara-negara lain di Asia seperti Indonesia, Siam ataupun Burma. Kita akan dapati bahawa dasar dan pelaksanaan ke arah perpaduan negara-negara tersebut amat mirip kepada proses penyerapan atau *absorbition* ke dalam rangka budaya dan tradisi tempatan. Bahkan kerap kali pula tekanan-tekanan dalam berbagai bentuk digunakan. Dan hampir tidak ada pengakuan terhadap pemiliharaan ciri-ciri

budaya kaum-kaum pendatang. Tetapi di negara kita keadaannya amat berbeza. Kita mengharapkan proses "adaptasi" lebih daripada proses "penyerapan", dan ini pun dalam bentuk proses yang natural. Di peringkat kumpulan dan dalam lingkungan masyarakat imigran sendiri, terdapat jaminan kebebasan yang penuh untuk melanjutkan tradisi pengucapan budaya masing-masing.

**Chong:** *Tetapi aku percaya bahawa konsep liberal yang dimaktubkan dalam Rukun Negara itu wajib dihayati dalam konteks masyarakat kita yang berbilang bangsa.*

**Awang:** Dua perkara pokok harus aku nyatakan mengenai kenyataan engkau ini; pertama, perlembagaan kita digubal berdasarkan rangka asas tradisi sistem sosio-politik satu bangsa, iaitu bangsa Melayu. Perlembagaan kita tidak diasaskan diatas "premise" masyarakat berbilang bangsa.

Keduanya, tanpa pemahaman yang seimbang, istilah-istilah seperti berbilang bangsa, berbilang kaum, hatta istilah berbilang keturunan sekalipun akan mengelirukan tanggapan kita, dan mempunyai natijah atau implikasi yang amat buruk.

**Muthu:** *Adakah engkau cuba menolak rialiti negara ini? Bukankah masyarakat kita terdiri dari berbagai-bagai bangsa atau sering diistilahkan sebagai masyarakat majmuk?*

**Awang:** Aku akur, bahawa terdapat kepelembagaan ras dalam masyarakat kita. Dan ini memang terdapat dalam kebanyakan negara-negara di dunia kerana hampir tidak ada negara di dunia yang terdiri semata-mata dari satu ras sahaja. Tetapi dari segi sejarah tidak semua negara-negara itu boleh dirujuk sebagai masyarakat majmuk.

**Chong:** *Apa maksud engkau?*

**Awang:** Biarlah aku ringkaskan begini. Dari segi sejarah Masyarakat Majmuk berasal dari istilah *plural*

*society*. Istilah ini telah digunakan oleh seorang sarjana bagi merujuk perkembangan masyarakat di negara-negara yang pernah dijajah oleh kuasa-kuasa barat, khususnya di Indonesia dan di Burma. Di negara-negara itu kuasa-kuasa penjajah telah membawa masuk rakyat imigran dan menggalakkan mereka berjaya menguasai rangka pengeluaran pemasaran dan ekonomi negara-negara tersebut. Rakyat-rakyat asing itu, khususnya China di Indonesia dan orang-orang India di Burma, digalakkan juga meneruskan cara hidup dalam semua bidang yang terasing sama sekali dengan rakyat bumiputra. Memanglah ini amat selaras dengan dasar penjajahan, pecah-pecah perintah. Taatsetia masyarakat imigran ini pula hanya merujuk kepada pemerintah kolonial. Maka akhirnya lahirlah satu masyarakat majmuk, iaitu masyarakat yang hidup berdampingan tetapi berasingan.

Muthu: *Apakah implikasi dari penjelasan engkau ini?*

Awang: Ada dua implikasi penting mengenainya.

Pertama; masyarakat majmuk adalah satu warisan penjajah.

Kedua; sifat kemajmukan itu adalah sesuatu yang sementara wujudnya.

Chong: *Apa maksud engkau dengan implikasi yang kedua itu? Bukankah banyak "warisan" penjajahan yang menjadi peninggalan kekal kepada masyarakat yang dijajahnya?*

Awang: Masyarakat majmuk telah dimungkinkan oleh beberapa faktor yang dipaksakan kewujudannya oleh penjajahan. Terhapusnya penjajahan membawa terhapusnya faktor-faktor tadi dan sifat-sifat kemajmukan juga beransur-ansur hilang. Lagi pun sesuatu yang bercanggah dengan sifat-sifat kebangsaan yang "natural" lambat laun akan terkikis juga.

Muthu: *Apakah faktor-faktor yang engkau istilahkan sebagai dipaksakan oleh penjajahan itu?*

Awang: Untuk merengkaskan, faktor-faktor itu dapatlah dirumuskan sebagai keistimewaan-keistime-

waan yang amat menyeluruh dan luas atau *a wide and comprehensive privileges* yang diperuntukkan untuk masyarakat imigran, sekalipun kedudukan mereka bukan rakyat yang sah. Misalnya, galakan yang membolehkan masyarakat imigran memonopoli kegiatan ekonomi, pembinaan pusat-pusat bandar kolonial yang baru untuk mereka, dan pemusatan kegiatan kemajuan kolonial di kawasan mereka adalah sebahagian penting keistimewaan yang dinikmati oleh masyarakat imigran itu. Kerana itu pada lazimnya mereka menjadi *developed urbanised population* yang terasing dari rakyat jelata bumiputra yang terbiar, dan mempunyai orientasi kesetiaan kepada pemerintah kolonial, selain daripada negara asal masing-masing. Mereka melanjutkan keperibadian perkumpulan mereka yang tidak merujuk kepada keperibadian rakyat jelata.

**Chong:** *Apa terjadi setelah negara-negara itu merdeka?*  
**Awang:** Kemerdekaan membawa perubahan-perubahan yang amat hebat. Dari segi budaya, tradisi keperibadian masyarakat imigran yang dipupuk pada zaman penjajahan mulai bertembung dengan arus kemaraan nasionalisma rakyat negara-negara itu. Dan dalam masa kebangkitan nasionalisma, lazimnya rakyat amat sedar dan sensitif terhadap ciri-ciri budaya yang mengikat mereka sebagai satu bangsa, atau dalam perkataan lain, identiti mereka sendiri. Dan akhirnya kemerdekaan menandakan proses pupusnya sifat kemajmukan diganti dengan kemunculan semula identiti kebangsaan yang berteraskan aspirasi dan tradisi bumiputra negara-negara itu. Seharusnya kita mengambil iktibar dan tauladan dari pengalaman mereka.

**Muthu:** *Kenapa?*

**Awang:** Kerana Tanah Melayu berada di Asia Tenggara. Adalah lebih relevan kita mengambil contoh dari pengalaman yang sama dialami oleh negara-negara yang hampir daripada negara-negara yang

jauh.

Chong: *Tetapi kita mempunyai perbezaan pokok dengan negara-negara itu. Di negara kita nisbah bilangan masyarakat imigran amat besar!*

Awang: *Engkau harus ingat, bahawa "nisbah bilangan" adalah masalah "angka". Angka, sama ada kecil atau besar tidak boleh membetulkan benda salah, atau menyalahkan benda yang betul, ataupun menidakkan benda yang hak atau mengiakan benda yang bukan hak. Numbers do not right a wrong.*

Muthu: *Apa maksud engkau dengan kenyataan "benda yang hak" itu?*

Awang: *Misalnya, adalah menjadi hak memperjuangkan kedaulatan identiti sesuatu bangsa itu di bumi kelahirannya sendiri. Dan adalah bukan haknya memperjuangkan di bumi luar, kerana ini adalah satu perjuangan yang tidak *natural*, suatu yang dipaksakan.*

Chong: *Bolehkah engkau berikan contoh "perjuangan yang tidak *natural*" itu?*

Awang: *Misalnya, adalah tidak *natural* dan bukan hak memperjuangkan kedaulatan bahasa Melayu di negeri Siam, sekalipun terdapat berjuta-juta umat Melayu di sana. Sebagai rakyat Siam, mereka mesti mengakui kedaulatan bahasa Thai di negeri Siam. Bahkan di mesjid-mesjid orang Melayu pun, tulisan Siam itu dihormati. Perbuatan ini bukan tanda kelemahan, tapi tanda kekuatan nilai budi bahasa. Tanda beradab atau *sign of being civilised*.*

Muthu: *Tadi engkau mengatakan bahawa mengenai masyarakat majmuk kita harus mencari iktibar dari pengalaman negara-negara jiran. Jadi pada pokoknya apakah dia iktibar itu?*

Awang: *Pertamanya masyarakat majmuk itu wujud dalam konteks rangka kolonial, iaitu ianya bersifat sementara. Kita tidak boleh mengkekalkannya. Dari segi sejarah, kalau kita menggunakan masyarakat majmuk sebagai *premise* pembangunan negara, itu adalah bercanggah dengan*

proses sejarah itu sendiri.

Chong: *Engkau juga ada mengatakan tadi bahawa istilah seperti 'berbilang bangsa' itu boleh mengelirukan. Apa maksud engkau?*

Awang: Maksud aku kaum-kaum imigran di Tanah Melayu pada hakikatnya tidak layak dirujuk sebagai bangsa. Hanya masyarakat Melayu sahaja yang layak.

Muthu: *Kenapa?*

Awang: Aku katakan diawal-awal tadi bahawa di Tanah Melayu, masyarakat Melayu adalah masyarakat yang lengkap, yang telah melahirkan sistem sosio-politik kerajaan dan negeri sebagai satu *entity* kebangsaannya turun temurun. Tetapi, kaum-kaum imigran adalah masyarakat serpihan yang terpelanting dari masyarakat induknya di negeri asal. Kerana itu merujuk masyarakat Tanah Melayu sebagai berbilang bangsa adalah tidak kena pada tempatnya. Rujukan seperti ini **menaikkan taraf** masyarakat serpihan kaum imigran ke paras masyarakat bangsa Melayu yang menjadi induk. Dari segi budaya, istilah berbilang bangsa itu mencabar kedaulatan kebudayaan induk yang menjadi teras. Istilah masyarakat berbilang kaum juga mempunyai implikasi yang serupa.

Chong: *Maksud engkau?*

Awang: Tanpa penggunaan yang berhati-hati, istilah 'kaum' boleh hanya bermakna satu kumpulan atau komponen masyarakat sahaja, daripada kepelembagaan kumpulan-kumpulan yang lain. Dengan sendirinya istilah 'kaum' itu **merendahkan martabat** masyarakat Melayu. Ia menurunkan kedudukan orang-orang bumiputra Melayu dari satu masyarakat bangsa yang lengkap, masyarakat yang menjadi induk, kepada satu **komponen kaum** seperti masyarakat serpihan yang lain-lain itu. Dan ini bererti menafikan hak kedaulatan kebudayaan Melayu itu sebagai teras atau wadah kebudayaan kita. Kerana kedudukannya sekadar serupa dan setaraf dengan kebudayaan-kebuda-



yaan-kebudayaan lain. Tetapi terlebih anih dan menjatuhkan maruah masyarakat bumiputra Melayu ialah penggunaan istilah berbilang keturunan.

Muthu: *Kenapa pula begitu?*

Awang: Dari segi sejarah istilah 'keturunan' tidak boleh digunakan bagi merujuk masyarakat bumiputra yang wujud di bumi kelahirannya sendiri. Ambil misalnya negeri China. Rakyat negeri China **tidak perlu** dirujuk sebagai dari keturunan China. Kerana rakyat China keturunan China adalah satu-satunya yang amat 'natural'.

Chong: *Jadi bila pula istilah keturunan itu layak digunakan?*

Awang: Iaitu apabila ada sesuatu yang tidak 'natural', maka keturunan perlu disebutkan. Katakan misalnya ada kumpulan orang-orang Melayu yang menjadi rakyat negeri China. Maka layaklah orang-orang Melayu seperti itu dirujuk sebagai rakyat negeri China keturunan Melayu. Dalam lain-lain perkataan istilah keturunan hanya rujuk kepada masyarakat imigran di satu-satu negara sahaja.

Muthu: *Jadi bagaimana pula istilah keturunan sebagai rujukan itu boleh mencabar maruah masyarakat bumiputra Melayu?*

Awang: Kerana di Tanah Melayu, istilah 'keturunan' itu seolah-olah menyoalkan kedudukan 'natural' rakyat Melayu. Seolah-olah masyarakat Melayu adalah masyarakat pendatang atau masyarakat imigran. Dalam perkataan lain, istilah berbilang keturunan sebagai rujukan memberi implikasi "mengimigrankan" kedudukan masyarakat bumiputra Melayu di Tanah Melayu sendiri.

Chong: *Aku percaya ada orang yang menganggap bahawa penjelasan engkau ini adalah mengungkit perkara-perkara yang titik-bengek sahaja. Kerana istilah-istilah itu telah lama terpakai dan tidak ada kedengaran apa-apa masalah pun.*

- Awang: Sebaliknya, masalah sekarang ialah kerana terlalu banyak isu-isu pokok dianggap sebagai titik-bengek. Dan selalunya, berbuat demikian semata-mata kerana jahil, atau untuk melindungi kejahilan sendiri.  
Misalnya ialah penggunaan istilah-istilah di atas tadi. Implikasi yang dapat difahami ramai kerap kali menimbulkan kekeliruan dengan hakikat negara.
- Muthu: *Adakah ini bererti bahawa istilah-istilah tersebut tidak boleh digunakan langsung sebagai rujukan masyarakat kita?*
- Awang: Di peringkat kebangsaan, penggunaan sewenang-wenang istilah masyarakat berbilang bangsa, berbilang kaum dan berbilang keturunan sebagai rujukan untuk masyarakat kebangsaan kita atau *national term of reference* adalah mengancam kedudukan masyarakat induk kita. Sama ada kita suka atau tidak, rujukan seumpama itu merendahkan martabat bangsa Melayu di Tanah Melayu sendiri.
- Chong: *Rasanya, setelah mendengar penerangan-penerangan engkau ini, sedikit sebanyak fahamlah aku mengenai beberapa persoalan pokok yang selama ini kerap timbul dalam fikiran aku.*  
*Aku rasa, tanpa penjelasan, persoalan-persoalan seumpama itu boleh menimbulkan anggapan tentang wujudnya ketidakadilan budaya atau 'cultural injustice' dalam perkembangan negara kita.*
- Muthu: *Aku setuju dengan pendapat Chong itu. Cuma aku ingin menambah bahawa masalah yang serupa iaitu masalah ketidakadilan, masih merupakan anggapan yang wujud di kalangan orang seperti aku bila melihat perkembangan dalam bidang ekonomi dan sosial. Seolah-olah apa yang berlaku boleh dikatakan sebagai "economic and social injustice" kepada masyarakat bukan bumiputra.*
- Awang: Kalau begitu, eloklah kita berbincang mengenainya.

## BAHAGIAN KEDUA

### Sub Topik

1. Kemiskinan dan kebudayaan
2. Dongeng pembangunan kolonial
3. Rancangan raksasa FELDA untuk masyarakat bukan Melayu
4. Rancangan raksasa pembangunan untuk masyarakat bukan Melayu
5. Penyisihan masyarakat Melayu dari pembangunan
6. Pembekuan masyarakat Melayu ditahap kemerosotannya
7. Penghapusan unsur-unsur komersial dalam masyarakat Melayu
8. Tradisi komersial masyarakat Melayu
9. Proses kemerosotan tradisi ekonomi Melayu  
Perang gerilla laut: tradisi melanun  
Menanam padi: tradisi sampingan
10. Rintangan mewujudkan golongan usahawan Melayu baru
11. Timbunan hutang Kebangsaan kepada masyarakat Melayu. "Membantu" mereka bererti memulangkan hak
12. Diskriminasi ekonomi peringkat operasi
13. Prioriti menyelesaikan masalah ekonomi di peringkat Kebangsaan
14. Dasar Ekonomi Baru: Azam memecahkan belenggu tradisi pembangunan kolonial
15. Masyarakat Imigran Wajib berterima kasih kepada masyarakat Melayu

- Chong: *Kenapakah kita mesti mempunyai dasar mengutamakan pembangunan masyarakat bumiputra?*
- Awang: Kerana masyarakat bumiputra secara kolektif merupakan golongan yang paling miskin di negara kita berbanding dengan kaum-kaum yang lain.
- Chong: *Tetapi setahu aku, penyakit kemiskinan itu terdapat dalam semua masyarakat kita, tidak sahaja masyarakat bumiputra?*
- Awang: Memang benar kata engkau itu. Dan setahu aku juga pertolongan diberi kepada semua yang memerlukannya. Tetapi oleh kerana secara perbandingan kebanyakan daripada mereka terdapat di kalangan masyarakat Bumiputra, maka jumlah pertolongan untuk kumpulan masyarakat ini menjadi lebih. Jadi seolah-olah muncul penitikberatan pertolongan kepada kumpulan itu.
- Keadaan seumpama inilah menjadikan masalah kemiskinan lebih rumit. Bukan saja ianya setakat perbezaan atau ketidakseimbangan pendapatan antara golongan kaya dan miskin tetapi ketidakseimbangan pendapatan antara kumpulan masyarakat yang berbeza.
- Chong: *Bukankah negara kita kaya? Bagaimanakah kemiskinan lebih banyak terdapat di kalangan masyarakat Bumiputra sahaja?*
- Awang: Engkau terpaksa tahu sejarahnya.
- Chong: *Lagi-lagi sejarah yang engkau sebut. Bukankah sejarah itu benda-benda yang mati, benda-benda yang sudah berlaku? Apa yang kita hadapi ialah masalah hari ini, dan masalah hari depan. Yang kita hadapi ialah penyakit kemiskinan dan ketidakseimbangannya di antara kumpulan masyarakat kita!*
- Awang: Seperti kata engkau juga, kemiskinan dan masalah ketidakseimbangan itu adalah penyakit. Maka seperti penyakit, ia tidak boleh muncul

dengan tiba-tiba. Ada sebab-sebabnya yang kita mesti tahu, baharulah dapat kita merawatnya. Kita tak boleh main agak-agak.

Begitulah juga dengan penyakit kemiskinan. Penyakit kemiskinan dan ketidakseimbangan antara kumpulan masyarakat tidak wujud secara mendadak. Kita mesti tahu asal usulnya, yakni, sejarahnya barulah boleh kita dapat menjangkau rawatan yang perlu.

Chong: *Tetapi negara kita adalah negara bebas. Bebas mencari kekayaan dan harta. Jadi kalau ada orang miskin, atau kumpulan masyarakat yang miskin, itu adalah masalah biasa. Tak semua orang boleh jadi kaya!*

Awang: Kebebasan tidak bererti semudah itu. Kebebasan membawa sama erti tanggungjawab, bukan kebebasan yang tidak terhad, atau kebebasan yang tidak bertanggungjawab. Dan kebebasan tanpa tanggungjawab biasanya tidak lama kekal.

Begitu juga dengan masalah mencari harta. Terlalu kaya atau terlalu sedikit bilangan orang yang kaya bererti kebebasan mencari harta yang tidak bertanggungjawab. Kita harus ada kesederhanaan.

Chong: *Tetapi seperti kata aku tadi kaya miskin adalah hukum alam. Kita negara bebas. Kemiskinan individu adalah bererti kegagalan individu menggunakan peluang. Kemiskinan satu masyarakat juga bererti kegagalan masyarakat itu sendiri untuk menggunakan peluang.*

Awang: Jadi ertinya, masyarakat yang miskin itu sendirilah yang harus disalahkan?

Chong: *Tentu sekali. Orang-orang Melayu sendiri umpamanya mengatakan bahawa mereka kurang daya usaha, malas, suka berhutang suka membazir dan suka hiburan dan bermacam-macam sifat-sifat buruk lain yang membawa kepada kemunduran mereka. Orang-orang Melayu seolah-olah mengaku mereka sendiri mempunyai satu cara hidup, atau satu kebudayaan yang mundur atau satu kebudayaan miskin.*

- Awang: Jadi apa implikasinya?
- Chong: *Ertinya kalau engkau nak maju engkau mesti menukar cara hidup engkau. Atau dalam perkataan lain menolak kebudayaan miskin engkau.*
- Awang: Jadi dalam kegairahan orang-orang Melayu mengejar kemajuan itu adakah engkau nampak mereka menolak ciri-ciri kemelayuannya?
- Chong: *Dari pengamatan aku proses itu sedang berlaku dengan penuh kerelaan orang-orang Melayu sendiri. Umpamanya yang jelas sekali ialah istilah Melayu sendiri. Aku lihat orang Melayu sudah mulai benci dengan istilah Melayu. Sekarang ini nampaknya sudah tidak ada bahasa Melayu, tapi bahasa Malaysia. Sudah tidak ada Rāja Melayu, tapi Raja Malaysia. Sudah tidak ada Semenanjung Tanah Melayu, tapi Semenanjung Malaysia. Sudah tidak ada orang Melayu, tapi Bumiputra. Bahkan tulisan jawi, yang bagi bukan Melayu melambangkan tulisan orang-orang Melayu zaman berzaman sudah mulai pupus.*
- Awang: Jadi pada pendapat engkau adakah ini satu gejala yang baik?
- Chong: *Tentu sekali baik. Bukankah dalam perumpamaan Melayu sendiri ada berkata, tak kenal maka tak cinta? Jadi apa yang aku nampak ialah usaha supaya orang Melayu bukan setakat tak kenal istilah Melayu, tapi mendengarnya pun tidak. Tentunya ini satu cara yang berkesan supaya orang-orang Melayu dapat mengikis sifat-sifat Melayunya, dan menerapkannya dengan sifat-sifat baru supaya mereka boleh maju, boleh kaya.*
- Awang: Tidakkah engkau terfikir bahawa penukaran nama-nama Melayu itu sebagai satu keperluan negara?
- Chong: *Aku tak fikir begitu. Misalnya di Amerika. Bahasa Inggeris tak perlu disebut bahasa Amerika. Begitu juga di Britain, rajanya tetap disebut Raja Inggeris atau Ratu Inggeris, pada hal di Great Britain terdapat kepelebagaan puak yang amat berbeza dan amat sensitif terhadap keperibadian*

*masing-masing.*

Awang: Terlanjur engkau berbicara tentang budaya, bagaimana agaknya sikap orang-orang Cina terhadap budayanya?

Chong: *Oh! rasa aku, masyarakat Cina tidak ada bersikap apologetic terhadap budayanya. Apa yang aku nampak, di saat ini, di saat orang Melayu cuba memperbaharui cara hidupnya, orang-orang Cina sedang dalam proses kebangkitan budayanya atau cultural revivalnya. Bahasa Cina sedang dipelajari dengan bersungguh-sungguh. Kesenianya dalam berbagai bentuk cuba disuburkan kembali. Dan dikebanyakan bandar suasana alam budaya Cina atau Chinese Cultural landscape cuba diterapkan dengan lebih jelas.*

Awang: Tetapi, bukankah ciri yang melahirkan "Chinese Cultural landscape" di bandar itu telah lama berlaku?

Chong: *Tadi aku gunakan istilah kebangkitan atau revival budaya. Iaitu memperteguh ciri-ciri kecinaan yang sedia ada. Engkau lihat umpamanya, di sempang-sempang empat yang penting di setiap permukaan bandar, pagoda-pagoda yang tersergam hebat sedang dibina. Wayang-wayang Cina asli semakin popular. Tulisan Cina atau tarian naga juga mula dihidupkan semula secara besar-besaran. Pusat-pusat hiburan seperti Genting umpamanya, adalah contoh usaha pelaksanaan program kebangkitan alam budaya Cina.*

Awang: Tetapi di sini ialah Tanah Melayu. Tidakkah program seumpama ini boleh menimbulkan reaksi di kalangan orang-orang Melayu?

Chong: *Tentu sekali tidak. Ini adalah saat yang paling baik, saat orang Melayu sedang obsess sedang terpukau dengan masalah ekonomi dan teknologi. Perkara-perkara budaya bukanlah perkara-perkara yang 'konkrit', perkara-perkara boleh dimakan.*

Awang: Terima kasih aku ucapkan Chong atas penjelasan-penjelasan pendapat engkau itu. Tetapi sebagai perbincangan ingin aku jelaskan bahawa

sekarang ini proses kesedaran yang baru mulai berkembang di kalangan masyarakat Melayu. Dan kesedaran ini lebih mantap dan matang sifatnya. Dan dalam banyak hal adalah ber-canggah samasekali dengan pendapat-pendapat engkau mengenai sikap mereka.

Chong: *Tapi aku masih yakin dengan pendapat-pendapat aku itu.*

Awang: Namun engkau lupa bahawa sejak kebelakangan ini satu proses perkembangan yang baru sedang berjalan, dan kesannya amat menyeluruh sekali.

Chong: *Apa maksud engkau?*

Awang: Iaitu perkembangan pelajaran di kalangan mereka terutama di peringkat pengajian tinggi. Dan memetik kata-kata engkau tadi, tak kenal maka tak cinta, penyebaran ilmu pengetahuan di kalangan mereka, sama ada kita suka atau tidak, telah mempertingkatkan kemampuan mereka mengenal diri. Bertambah ramai umpamanya golongan bijak pandai Melayu dalam kepelbagaian bidang. Dan semuanya ini menolong menerapkan satu sikap baru yang lebih tegas.

Chong: *Boleh engkau berikan contoh-contoh yang khusus?*

Awang: Ambil misalnya mengenai kebudayaan dan hubungannya dengan kemiskinan. Sekarang mulai ramai yang menyedari bahawa masalah ini lebih luas dan kompleks. Hujah-hujah yang simple masa lampau mulai diketepikan.

Chong: *Apa dia hujah-hujah simple masa lampau itu?*

Awang: Iaitu seperti kata engkau tadi tentang sifat-sifat malas, kurang daya usaha, membuang masa dan banyak ciri-ciri lain yang buruk. Inilah hujah-hujah yang telah diketengahkan pada masa lampau untuk menerangkan sebab kemunduran ekonomi Melayu.

Pada masa sekarang mulai timbul kesedaran baru bahawa ini adalah satu perangkap psikologi yang amat buruk kesannya.

Chong: *Kenapa engkau katakan ianya satu perangkap psikologi yang buruk kesannya?*



- Awang: Pertamanya mengutuk diri sendiri itu lama kelamaan boleh melahirkan kepercayaan bahawa kutukan-kutukan itu adalah benar. Menimbulkan kepercayaan sah bahawa sifat-sifat buruk itu memang ciri-ciri individu dan masyarakat yang diwarisi.
- Kepercayaan seperti ini hanya melemahkan keyakinan atau *confidence* individu dan secara kolektif, melemahkan *confidence* dan harga diri satu masyarakat.
- Chong: *Apa terjadi kalau confidence satu-satu masyarakat itu lemah?*
- Awang: Tanpa kepercayaan kepada kebolehan diri sebagai seorang individu atau sebagai satu masyarakat separuh perjuangan sudah gagal sebelum bermula. Dan orang Melayu menghadapi perjuangan ekonomi mengatasi masalah kemiskinan.
- Tanpa kepercayaan dan keyakinan diri berarti orang Melayu sudah kalah dari segi psikologinya. Seperti dalam bahasa Inggeris, kalah dari segi psikologi berarti *half the battle is lost*. Tapi ini adalah pendapat engkau semata-mata. Bolehkah engkau berikan contoh mengenainya?
- Awang: Ambil misalnya satu pasukan bola sepak. Kita boleh berikan pasukan itu sepenuh-penuh latihan dan sebaik-baik makanan. Tetapi kalau dari segi psikologi kita bunuh semangatnya, kita timbulkan kepercayaan bahawa mereka tak boleh menang, kemungkinan pasukan bola itu boleh berjaya amat tipis sekali.
- Chong: *Adakah ini serupa dengan perumpamaan Inggeris bahawa terlalu kerap meramalkan yang buruk, buruk juga padahnya? atau self-fulfilling prophecy?*
- Awang: Tepat sekali kata engkau itu.
- Chong: *Tapi aku hairan. Bukankah kutukan-kutukan atau pendedahan keburukan masyarakat Melayu itu telah dilafazkan untuk menyedarkan orang Melayu?*
- Awang: Itu adalah alasan yang usang! Berapa keratkah

orang Melayu yang tak tahu mereka miskin, mereka tercicir berbanding dengan masyarakat-masyarakat lain hampir dalam semua bidang!

Yang perlu ialah mempertinggikan taraf kesedaran orang-orang Melayu. Kalau semata-mata mengutuk Melayu seperti zaman lampau, ini bukan menyedarkan Melayu tapi membunuh jiwa kemelayuannya.

Chong: *Apa bezanya antara proses "menyedarkan" dengan mempertinggikan "taraf" kesedaran itu?*

Awang: Meningkatkan taraf kesedaran itu bererti menjelaskan faktor-faktor yang membawa kepada gejala-gejala buruk dalam masyarakat. Dan faktor-faktor ini lebih rumit, lebih kompleks daripada misalnya sekadar sifat malas, kurang inisiatif atau lain-lainnya itu.

Chong: *Tapi aku hairan bahawa kerap kali juga, kutukan-kutukan mengenai masyarakat Melayu itu datang dari orang-orang Melayu sendiri, dan boleh dikatakan dari orang-orang Melayu yang terpelajar?*

Awang: Aku katakan tadi bahawa saranan-saranan yang mengutuk Melayu itu adalah satu perangkap. Dan sebagai satu perangkap ianya mesti dilakukan oleh orang-orang Melayu sendiri supaya lebih berkesan. Orang-orang Melayu tentu sekali akan menentang kutukan-kutukan yang datang dari orang lain.

Chong: *Tetapi orang-orang Melayu yang terdiri dari golongan terpelajar?*

Awang: Engkau mesti ingat bahawa pendidikan zaman lampau, adalah pendidikan yang seluruhnya mempunyai orientasi ke arah kepentingan Inggeris. Kerana itu segelintir dari masyarakat Melayu yang menikmatinya, menjadi golongan yang tersisih dari segi budaya dengan masyarakat Melayu umumnya. Mereka dilatih menikmati segala sesuatu yang bersifat keinggerisan dan jijik dengan tradisi di mana mereka dilahirkan.

Chong: *Aku sudah jemu melemparkan kesalahan semata-*

*mata kepada penjajah. Orang-orang Melayu mesti berani mengakui juga kesalahan dan kelemahan mereka dan berhenti mencari kambing hitam atau scape goat.*

Awang: Aku bukan hendak mencari *scapegoat* atau menuduh sesiapa. Bahkan kerana takut dikatakan mencari *scapegoat* itulah kerap kali kita gagal untuk mendapat keterangan yang jelas.

Sekarang ini pula memahami kesan-kesan buruk penjajahan akan dianggap sudah ketinggalan zaman. Jadi terus menerus kita samar-samar dalam memahami masalah kemiskinan dan ketidakseimbangan ekonomi itu.

Chong: *Apa maksud engkau?*

Awang: Kalau engkau faham sejarah ekonomi kita, engkau akan dapati bahawa yang paling teruk menjadi mangsa atau *victim* percaturan ekonomi dan sosial di Tanah Melayu ialah masyarakat Melayu. Kerana itu menyalahkan atau mengutuk Melayu itu bererti menyalahkan yang jadi *victim*. Seolah-olah yang menjadi golongan penindas atau *victimiser* tak salah. Tentu tak logik.

Chong: *Kenapa tak logik?*

Awang: Ambil misalnya seorang perempuan yang kena rogol. Yang lebih bersalah ialah yang merogol dan bukan yang menjadi mangsa iaitu yang dirogol. Tetapi malangnya dalam masalah kemiskinan Melayu, masyarakat Melayu sendiri yang terus menerus memikul bahu kutukan demi kutukan.

Chong: *Nampaknya engkau tidak setuju langsung dengan saranan bahawa kemiskinan ekonomi Melayu itu akibat dari ciri-ciri buruk masyarakat Melayu sendiri?*

Awang: Tidak sekali-kali. Biarlah aku jelaskan satu persatu. Ambil misalnya sifat malas yang engkau sebut di atas tadi. Benarkah orang Melayu malas? Adakah petani Melayu, nelayan Melayu atau penoreh getah itu malas? Adakah mereka tidak bertungkus lumus membanting tulang?

Pernahkah engkau bandingkan jumlah tenaga yang mereka gunakan dengan makanan yang mereka makan dan bandingkan pula dengan pekerja bukan Melayu?

Chong: *Apahal dengan sifat-sifat lain?*

Awang: Ambil misalnya dengan sifat suka hiburan dan membuang masa. Benarkah orang Melayu suka seronok-seronok dan membuang masa? Berapa peratuskah orang-orang Melayu yang menjadi pelanggan kepada pusat-pusat hiburan, panggung wayang dan lain-lain yang berselerak itu? Bandingkan dengan bukan Melayu.

Lihat pula sifat suka berhutang. Betulkah orang Melayu lebih suka berhutang dari kaum-kaum lain? Berapa peratuskah jumlah hutang orang Melayu katakanlah dengan bank, berbanding dengan hutang orang-orang bukan Melayu? Bukankah kerana kurangnya kemudahan berhutang atau pinjaman yang menyebabkan Melayu gagal dalam perniagaan?

Chong: *Adakah pula maksud engkau cara hidup atau kebudayaan orang Melayu bukan merupakan sebab utama "kemunduran"?*

Awang: Ada dua perkara pokok yang terkandung dalam soalan engkau. Pertamanya masalah kebudayaan dan kemiskinan. Keduanya tentang istilah **kemunduran**. Biarlah aku jelaskan tentang perkara yang kedua itu dahulu. Bagi aku adalah perkara pokok menyedari bahawa istilah kemunduran itu dibezakan dengan istilah kemiskinan. Dari segi budaya, **kemiskinan tidak bererti kemunduran**.

Chong: *Kenapa erti kemiskinan berbeza dengan kemunduran?*

Awang: Dari segi budaya istilah **kemunduran** itu membayangkan erti yang lebih luas. Ia menjangkau erti cara hidup yang kurang beradab, nilai dan norma yang kurang halus, tradisi yang lebih rendah mutunya. Dan ada kalanya seorang itu mungkin miskin, tapi dari segi budaya amat maju, amat beradab atau "civilised".

- Chong: *Rasa aku penerangan engkau ini amat subjektif. Namun, bolehkah engkau berikan contoh yang tepat?*
- Awang: Berbincang tentang perkara yang subjektif, tak dapat lari dari menggunakan istilah yang subjektif. Walaupun begitu satu contoh boleh dibuat.
- Ambil misalnya seorang yang kaya. Tapi, perangnya amat tidak bersopan, amat kasar atau kurang ajar. Tidak tahu menghormati orang lain, dan tidak ada nilai seni dalam dirinya. Jadi ia mungkin kaya, tetapi amat mundur dari segi budayanya.
- Chong: *Tapi zaman sekarang nilai-nilai murni yang engkau sebut itu, tidak berguna. Tidak ada harga, tidak ada nilai wang.*
- Awang: Jadi masalahnya ialah sama ada kita berusaha ke arah melahirkan generasi yang kaya dari segi harta dan kaya dari segi budaya, atau kaya dari segi harta tapi miskin dari segi budi. Dan harus diingat bahawa budi bahasa dan beradab itulah yang membezakan kita dengan makhluk Tuhan yang lain, dan beradab itulah sahaja yang menjadi asas yang menjamin kita bermasyarakat.
- Chong: *Bagaimana pula penerangan engkau tentang soal pokok yang pertama tadi, iaitu mengenai kebudayaan dan kemiskinan?*
- Awang: Aku harus tekankan di sini, bahawa tidak ada kebudayaan dalam dunia ini yang memonopoli ciri-ciri kemasyarakatan yang buruk. Iaitu ciri-ciri yang biasanya dianggap membawa kemiskinan kepada masyarakat itu. Pada lazimnya juga, hampir semua kebudayaan yang telah mencipta tamaddun yang tinggi sama ada di barat atau ditimur pernah mengalami zaman keemasannya dan zaman keruntuhannya.
- Chong: *Adakah ini bererti bahawa tidak ada "kebudayaan yang membelenggu" satu-satu masyarakat itu di paras kemiskinan?*
- Awang: Setahu aku tidak ada. Bahkan di Amerika umpa-

manya idea ini pernah disarankan melalui konsep *culture of poverty*. Dan konsep ini telah diteliti dengan halus dan didapati andaiannya amat meragukan. Barangkali konsep seumpama itu semata-mata dapat digunakan sebagai hujah mempertahankan anggapan *superiority* orang-orang kulit putih, dan menghalalkan pengekal-an penindasan mereka ke atas masyarakat kulit berwarna.

Chong: *Kalau begitu kenapakah masyarakat Melayu pada umumnya lebih miskin daripada kaum lain?*

Awang: Engkau terpaksa memahami perkembangan atau sejarah ekonomi dan sosial kita bukan setakat 10 tahun yang silam tapi sekurang-kurangnya 100 tahun yang lalu. Ertinya sepanjang-panjang zaman kolonial di tanah air kita.

Chong: *Tetapi setahu aku zaman kolonial di Tanah Melayu adalah zaman pembangunan yang amat pesat. Bandar-bandar baharu telah didirikan. Ekonomi dimajukan. Jalan-jalan raya dan infrastruktur yang teratur telah dibina. Sistem pentadbiran yang teratur telah dilaksanakan.*

Awang: Aku ingin bertanya, tidakkah engkau berasa anih bahawa zaman kolonial di tempat kita dianggap sebagai zaman pembangunan?

Chong: *Di mana pula anehnya?*

Awang: Cuba engkau lihat di negara-negara lain di Asia Tenggara. Ambil misalnya Indonesia, istilah kolonialisma secara automatik menggambarkan betapa teruknya penindasan Belanda ke atas rakyat Indonesia. Ambil pula Burma, sekali lagi kolonialisma menggambarkan penindasan Inggeris ke atas rakyat Burma. Dan lihat pula keadaan di Vietnam. Di sana, istilah Kolonialisma dengan serta merta menggambarkan betapa rakyat Vietnam bertukus lumus, berjuang menentang penindasan Peranchis. Dari pengalaman semua negara-negara ini dengan mudah kita dapat melihat satu ciri umum penjajahan iaitu, sifat *exploitasinya* ke atas rakyat umumnya. Sifat ini sebenarnya terdapat hampir di semua

negara-negara yang dijajah.

Chong: *Jadi, di mana pula anehnya?*

Awang: Kalau di semua negara-negara itu, kolonialisma bererti satu zaman penindasan, satu zaman yang pada umumnya membawa kesan buruk kepada rakyatnya, kenapa pula di negara kita kolonialisma disamakan dengan zaman pembangunan? Adakah kita begitu bernasib baik, Tuhan lebih sayang pada kita, maka kita "terkecuali" daripada sifat umum kolonialisma iaitu penindasan?

Chong: *Tetapi pembangunan di negara kita yang dibawa oleh Inggeris adalah satu rialiti! Lihat sajalah; infrastructure yang telah dibina, sekolah-sekolah, hospital, kemudahan-kemudahan awam yang disediakan, dan lain-lainnya itu.*

Awang: Semua kemudahan-kemudahan yang engkau sebut itu sebenarnya sedikit sebanyak terdapat di semua negara lain yang pernah dijajah. Namun, dalam sejarah negara-negara itu yang amat menonjol dari sifat-sifat penjajahan ialah penindasan dan penderitaan rakyatnya!

Chong: *Agaknya memang negara kita bernasib baik, tidak begitu teruk ditindas oleh Inggeris.*

Awang: Sebenarnya, di negara kita sendiri, ada dua cara melihat dan menilai zaman penjajahan itu. Pertama, ia boleh dinilai dari kacamata rakyat Tanah Melayu sendiri iaitu kacamata orang Melayu atau yang keduanya dilihat dan dinilai dari kacamata rakyat asing yang dibawa masuk iaitu masyarakat imigran.

Chong: *Kenapa engkau bezakan rakyat Tanah Melayu dengan rakyat imigran? Bukankah kedua-dua golongan ini rakyat Tanah Melayu?*

Awang: Dalam zaman kolonial, masyarakat imigran belum lagi bertaraf warganegara Tanah Melayu yang sah. Kebanyakan daripada mereka pun masih merupakan penduduk sementara negara ini.

Chong: *Tetapi ketika mereka sampai ke negara ini, negara ini dipenuhi oleh hutan belantara, masih me-*

*rupakan bumi dara atau virgin land. Bukankah orang-orang imigran itu meneroka "no man's land"? Dan sebagai peneroka yang pertama mereka berhak dirujuk sebagai rakyat negara ini?*

**Awang:** *Virgin land* mungkin, tapi *no man's land* tidak sekali-kali. Katakanlah misalnya engkau pergi meneroka di padang pasir Australia. Kawasan itu mungkin tidak mempunyai penghuni manusia. Tetapi tidak pula berarti kawasan itu bukan hak negara Australia! Benua Australia, seperti-lah Tanah Melayu adalah negeri-negeri yang bertuan.

**Chong:** *Engkau mengatakan tadi bahawa, ada dua kaca-mata apabila melihat dan menilai zaman penjajahan Inggeris. Boleh engkau jelaskan?*

**Awang:** Dari kaca mata masyarakat imigran, zaman penjajahan memang merupakan satu zaman pembangunan yang amat pesat. Perhatikan sahaja-lah perkembangannya sejak awal-awal lagi. Mereka telah dibawa masuk untuk meneroka dan mengexploit khazanah negara ini iaitu bijih timah. Galian ini terdapat terutamanya di kawasan pendalaman Semenanjung seperti di lembah Kinta di Perak, dipersekitaran Kuala Lumpur di negeri Selangor, dan disekeliling kawasan Seremban di Negeri Sembilan. Semua kawasan pendalaman ini pada awalnya adalah hutan belantara, di mana hampir tak ada seorang pun orang Melayu.

Kemajuan dari perusahaan bijih ini telah membolehkan Inggeris berusaha membuka pusat-pusat bandar yang baharu di kawasan pendalaman itu dengan membawa masuk ratusan ribu orang-orang imigran.

Maka lahirlah bandar-bandar baharu seperti Taiping dan Ipoh di Perak, Kuala Lumpur di Selangor, dan Seremban di Negeri Sembilan. Bandar-bandar "kolonial" ini telah juga dijadikan pusat-pusat pentadbiran yang teratur. Segala macam bentuk pembangunan tertumpu hampir



seluruhnya di kawasan urban ini seperti pembinaan sekolah-sekolah, rumah sakit, pejabat-pejabat kerajaan dan kemudahan-kemudahan lain.

Satu *infrastructure* yang teratur juga telah disusun dan dilaksanakan. Jalan-jalan keretapi dan jalan-jalan darat telah dibina yang menghubungkan antara bandar-bandar itu dan disambungkan pula dengan pelabuhan-pelabuhan di Selat Melaka dan Singapura. Perkembangan *infrastructure* ini selaras juga dengan keperluan dalam perkembangan sektor pertanian komersial terutamanya getah. Kesan dari perancangan dan pelaksanaan pembangunan kolonial ini amat jelas. Dalam masa kira-kira 30 tahun sahaja, lahirlah satu kawasan urban yang maju atau *developed urbanised belt* merintasi hutan belantara Tanah Melayu dengan penduduknya yang terdiri rata-rata daripada masyarakat imigran. Dan selama berpuluh-puluh tahun di kawasan *developed urbanised belt* inilah segala macam bentuk pembangunan zaman kolonial itu tertumpu.

Chong: *Kalau begitu penjelasan ringkas engkau, tentulah kita tak dapat nafikan, bahawa zaman penjajahan itu adalah zaman pembangunan yang amat pesat sifatnya?*

Awang: Dilihat dari kacamata masyarakat imigran memanglah zaman kolonial itu merupakan zaman pembangunan yang hampir tidak ada tolok bandingnya. Kalau kita gunakan contoh hari ini sebagai analogy perbandingan, implikasinya amat jelas.

Chong: *Maksud engkau?*

Awang: Mewujudkan "a developed urbanised belt cutting across the Malay jungle" tak ubahlah seperti satu rancangan Felda kolonial yang amat raksasa sifatnya, dan khas untuk masyarakat imigran. Dan ini telah berjalan sepanjang-panjang zaman pemerintahan Inggeris, iaitu hampir 100 tahun lamanya.

Dari kacamata masyarakat Tanah Melayu rancangan pembangunan seumpama itu merupakan

satu pelaksanaan dasar memberi keistimewaan yang amat *comprehensive* untuk kaum pendatang. Dan gambaran ini menjadi lebih jelas bila diterapkan ke dalam rangka perkembangannya, peringkat demi peringkat.

Chong: *Cuba jelaskan maksud engkau tentang perkembangan peringkat demi peringkat itu.*

Awang: Peringkat pertama ialah proses membawa masuk masyarakat imigran itu. Dan di sini satu sistem membawa masuk yang luas dan teratur telah dijalankan untuk membolehkan pembiayaan ratusan ribu buruh-buruh Cina dan India.

Chong: *Tetapi sistem itu mengandungi kelemahan-kelemahan yang membolehkan eksploitasi ke atas buruh-buruh imigran itu!*

Awang: Namun sistem seumpama itu tidak pernah wujud dalam sejarah perpindahan manusia walau di mana-manapun di dunia. Dan juga kelemahan-kelemahan itu telah diperbaiki dari semasa kesemasa. Tetapi perlu diingat kemudahan seumpama ini hanya terhad kepada pendatang-pendatang Cina dan India saja. Atas alasan, bahawa pemerintah Belanda kepulauan Indonesia tidak mahu bekerjasama, kemudahan kemudahan seumpama itu tidak diperluaskan untuk dinikmati oleh puak-puak Melayu berhijrah ke negara ini. Dan ribuan daripada mereka telah datang secara persendirian belaka tanpa apa-apa pertolongan.

Chong: *Tetapi setelah orang-orang Cina dan India itu sampai ke mari, mereka telah menghadapi berbagai-bagai masalah sosial dan keperluan hidup yang lainnya?*

Awang: Engkau mesti ingat, bahawa masalah-masalah seumpama itu adalah perkara yang biasa dihadapi oleh mana-mana peneroka awal walau di mana sekalipun. Tetapi perlu diingat bahawa pemerintah kolonial telah mengambil langkah demi langkah bagi mengatasinya. Bahkan semua perkembangan pentadbiran, undang-undang, dan kemudahan-kemudahan awam

pada asasnya telah dilakukan semata-mata untuk menampung keperluan orang-orang imigran ini. Umpamanya telah diwujudkan jabatan khas Pelindung Orang-orang China, Jabatan Kesihatan untuk menampung masalah kesihatan mereka dan sebagainya. Walhal permasalahan yang serupa dihadapi juga oleh rakyat Tanah Melayu sendiri.

Chong: *Bagaimana pula dengan peringkat selanjutnya?*

Awang: Peringkat kedua ialah peringkat memajukan masyarakat imigran yang mulai mantap kedudukannya. Dan proses perkembangan ini selaras dengan usaha merancang, menyusun dan melaksanakan program perbandaran moden di kawasan penempatan orang-orang imigran. Bandar-bandar baharu diwujudkan seperti Ipoh, Taiping, Kuala Lumpur dan Seremban. Bandar-bandar ini juga menjadi pusat pentadbiran dan pusat kegiatan ekonomi komersial yang baharu. Sekolah-sekolah rendah dan menengah didirikan yang hampir seluruhnya untuk dinikmati oleh penduduk kawasan urban ini. Begitu juga dengan kemudahan awam seperti hospital, paip air, gedung-gedung perniagaan seperti bank adalah dipusatkan kewujudannya di kawasan urban yang baru muncul ini.

Selanjutnya satu network perhubungan jalan-jalan darat dan keretapi telah dibina. Dan ini telah dilaksanakan untuk menampung perkembangan pertanian komersial di kawasan yang subur di sekeliling pusat-pusat bandar kolonial itu. Dan untuk ini juga undang-undang tanah demi undang-undang tanah dikuatkuasakan bagi menyenangkan pengambilan hak milik tanah negara ini.

Semuanya ini memberi natijah yang amat besar kepada perkembangan sosio-ekonomi negara ini.

Chong: *Maksud engkau?*

Awang: *Perkembangan itu merupakan satu rancangan raksasa pembangunan hampir 100 tahun yang*

**dinikmati semata-mata oleh kaum imigran di Tanah Melayu.**

- Chong: *Tetapi setahu aku rancangan raksasa pembangunan kolonial itu tidak disekat daripada turut serta dinikmati oleh masyarakat bumiputra Melayu? Ambil misalnya sistem persekolahan. Inggeris telah juga membina sekolah-sekolah vernakular Melayu di kampung-kampung! Bahkan lebih banyak jumlah sekolah Melayu telah dibina dari bilangan sekolah-sekolah Inggeris?*
- Awang: *Tapi engkau lupa bahawa sekolah-sekolah Melayu itu adalah semata-mata hingga ke darjah empat rendah. Ia tidak punya nilai ekonomi apa-apa.*

Sekolah-sekolah yang iktiraf ialah sekolah—Sekolah Inggeris yang telah diberikan hingga peringkat menengah. Dan semua sekolah-sekolah ini telah didirikan di kawasan urban yang merupakan pusat penduduk bukan Melayu. Bahkan sekolah-sekolah Inggeris yang khas untuk kaum-kaum imigran telah didirikan. Sebab itu terdapat Anglo—Chinese dan Anglo—Tamil Schools tetapi tidak ada sebuah pun Anglo—Malay School kecuali Kolej Melayu Kuala Kangsar, dan itu pun proses memasukkannya amat terhad.

Dan di kebanyakan sekolah menengah Inggeris yang “established,” pula, mempunyai sistem feeder school di peringkat rendah. Hanya lulusan dari feeder school peringkat rendah saja layak memasuki sekolah menengah Inggeris. Dan banyak pula daripada feeder school itu terdiri dari jenis Sekolah Anglo-Chinese.

- Chong: *Tetapi bukankah kerap dilaporkan bahawa orang-orang Melayu sendiri amat enggan atau kurang berminat untuk turut menikmati pendidikan Inggeris? Bukankah terdapat prasangka budaya atau “cultural prejudice” yang tebal di kalangan masyarakat Melayu terhadap sekolah Inggeris? Dan bukankah Inggeris sendiri terpaksa melaksanakan undang-undang mewajib-*

*kan budak-budak Melayu dihantar ke sekolah?*

Awang:

Aku suka engkau terus menanyakan isu pendidikan zaman kolonial ini, kerana inilah salah satu contoh yang amat jelas mengenai kesan pentadbiran kolonial ke atas rakyat Tanah Melayu. Sebenarnya undang-undang mewajibkan kanak-kanak Melayu dihantar ke sekolah ini telah dikuatkuasakan seawal abad dua puluh lagi. Dari segi praktikalnya undang-undang ini sekaligus berusaha untuk menyalurkan kanak-kanak Melayu itu supaya semata-mata di hantar ke sekolah Melayu.

Pertamanya, dalam dekad pertama abad dua puluh terdapat pukul rata 15 buah sekolah Melayu bagi setiap sekolah Inggeris yang didirikan di bandar. Undang-undang tadi mewajibkan supaya murid-murid Melayu dihantar ke sekolah Melayu dalam lingkungan jarak dua batu. Ini bermakna bahawa atas masalah "access" sahaja, agak mustahil mengharap kanak-kanak Melayu berulang-alik berbelas-belas batu ke sekolah Inggeris walhal ada sekolah Melayu yang percuma di kampungnya dan digalakkan pergi ke situ pula. Dan ini ditambah dengan bayaran yuran yang dikenakan ke atas setiap murid sekolah Inggeris. Perlu juga aku sebutkan sebagai perbandingan mengenai kedaifan sekolah-sekolah Melayu itu. Umpamanya dalam dekad pertama abad dua puluh itu, sekolah Inggeris hanya 6% daripada jumlah sekolah-sekolah yang didirikan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Tetapi lebih 50% daripada perbelanjaan persekolahan kerajaan tertumpu kepada sekolah-sekolah Inggeris.

Chong:

*Kalau betul masyarakat Melayu ada menaruh minat tentang persekolahan ini, tentu ada terdapat personaliti-personaliti yang cuba membaiki keadaan seperti ini?*

Awang:

Memang ada. Sebelum tahun 1920an lagi umpamanya orang-orang seperti Syed Sheikh al-Hadi, Haji Abbas Md. Tahar, Sheikh Tahir Jalaluddin

dan rakan-rakannya sudahpun menyarankan supaya ditubuhkan sekolah-sekolah menengah Anglo-Malay Schools. Di pantai timur pula kehadiran personaliti-personaliti seperti Tok Kenali, Abd. Kadir Adabi dan Haji Wan Musa telah menimbulkan keghairahan masyarakat Melayu terhadap cita-cita penubuhan sebuah universiti dalam tahun 1920an.

Chong: *Tetapi dalam konteks perkembangan kemajuan sosial dan ekonomi yang lebih luas, kenapakah orang-orang Melayu tidak ada membuat "respond" secara yang positif, walhal mereka dikelilingi oleh pembangunan? Kenapakah masyarakat Melayu begitu beku?*

Awang: Soalan engkau ini memerlukan penjelasan yang agak panjang mengenai dua perkara pokok iaitu (1) penyisihan dan (2) pembekuan masyarakat Melayu. Tetapi biarlah aku jelaskan yang pertama dahulu. Sebenarnya dalam semua bidang pembangunan di zaman kolonial itu apabila ditinjau dari segi penempatan masyarakat Melayu dan penglibatan mereka, jelas sekali menunjukkan proses "penyisihan" yang amat hebat. Masyarakat Melayu terpicil dan tersisih dari arus pembangunan dan bukan dikelilingi oleh pembangunan. Oleh kerana itu, mereka tidak mungkin dapat "respond" terhadap pembangunan yang berlaku di luar alam penghidupan mereka.

Pertamanya cuba kita perhatikan dari banci penduduk Tanah Melayu sejak tahun 1901, 1911, 1921 dan seterusnya. Dari banci-banci tersebut jelas menunjukkan bahawa rata-rata masyarakat Melayu di Semenanjung itu terdapat mendiami kawasan pantai atau pesisir Semenanjung Tanah Melayu. Dalam pada itu pula pukul rata lebih 70% daripada mereka terdapat di negeri-negeri pantai timur dan utara Semenanjung.

Dari segi sejarah, memanglah tradisinya masyarakat Melayu itu terdapat mendiami di kawa-

san pesisir Semenanjung. Dan pola penempatan seperti ini tidaklah berubah hingga kedatangan Inggeris. Kerana itu di kawasan pesisir inilah pertama-tamanya muncul pusat-pusat pelabuhan dan bandar tradisional Melayu. Atau dalam bahasa Inggeris disebut *the traditional urban centres* Semenanjung. Maka di sinilah sejak zaman berzaman pusat kegiatan ekonomi dan perdagangan itu terdapat. Dalam perkataan lain sudah menjadi tradisi bahawa kepentingan alam dan ekonomi atau *the geo-economic importance* Semenanjung itu tertumpu di kawasan pantainya. Dan di kawasan inilah pusat penempatan masyarakat Melayu. Tetapi kedatangan kolonial Inggeris telah menukar corak perkembangan ekonomi Tanah Melayu dengan amat mendadak sekali. Penerokaan sumber bijih di kawasan pedalaman dan lahirnya satu kawasan bandar yang baru atau *a developed urbanised belt* merintasi hutan belantara Tanah Melayu telah mengalih fokus kepentingan alam dan ekonomi dari kawasan pantai ke kawasan pedalaman Semenanjung, iaitu berpindah ke kawasan penempatan masyarakat imigran yang baharu. Di samping itu pula pembinaan *infrastructure* yang moden telah dilaksanakan dengan mengelak atau "avoiding" tempat-tempat utama penempatan masyarakat Melayu. Hampir tak ada umpamanya jalan keretapi yang pernah dibina untuk berkhidmat di kawasan Melayu.

Pola perkembangan pembangunan sosio-ekonomi kolonial seumpama ini memberi kesan yang amat buruk kepada masyarakat Melayu. Ia telah menyisihkan atau *isolate* masyarakat Melayu dari arus pembangunan itu, dan penyisihan ini amat mutlak sifatnya.

Chong:

*Apa maksud engkau?*

Awang:

Ertinya kesan penyisihan seumpama itu sekaligus memulakan proses kemerosotan sosio-ekonomi kepada masyarakat Melayu dan seiring pula dengan proses pembangunan kepada masya-

rakat imigran. Ditambah pula dengan pengenalan sistem ekonomi kolonial yang matang, atau dalam bahasa Inggeris *the introduction of mature capitalistic (colonial) system of economy*, masyarakat Melayu terperangkap di persimpangan jalan. Kemunculan pusat-pusat bandar dan pelabuhan kolonial yang baru mulai memerosotkan pusat-pusat bandar/ pelabuhan tradisional Semenanjung, yang akhirnya menjadi kampung atau desa yang sunyi.

Maka kalau di kawasan penempatan masyarakat imigran berlaku proses "pembandaran" yang pesat, tetapi di kawasan Melayu berlaku pula proses "pendesaan" yang amat teruk. Inilah dua pola perkembangan sosio-ekonomi kolonial yang berlaku seiring hampir seabad lamanya.

Chong: *Tetapi aku tidak faham, kenapakah orang-orang Melayu tidak berhijrah ke kawasan bandar yang baharu di mana segala macam peluang kehidupan terdapat?*

Awang: *Pertamanya suasana alam budaya bandar adalah amat asing sekali bagi masyarakat Melayu. Alam budaya bandar adalah alam budaya komersial dengan penduduknya terdiri rata-rata dari kaum-kaum imigran. Bahkan dalam banyak hal bandar-bandar kolonial itu kerap kali tergambar dalam fikiran orang-orang Melayu sebagai pusat maksiat, lambang keruntuhan budi, iaitu seperti yang sering tergambar dalam novel-novel dan cerita-cerita pendek Melayu. Keduanya pula rata-rata masyarakat Melayu tidak punya kebolehan pendidikan dan profesional yang dapat digunakan untuk bekerja di bandar. Walhal, duduk di bandar bererti bertambah tinggi perbelanjaan hidup seperti keperluan membayar cukai rumah atau cukai tanah.*

*Tetapi lebih penting dari segala-galanya ialah dasar Inggeris sendiri yang cuba melarang atau discourage masyarakat Melayu dari mengubah cara hidup mereka. Dan ini selaras dengan polisi*



kolonial untuk memelihara kebekuan masyarakat Melayu.

Chong: *Adakah maksud engkau masyarakat Melayu itu beku atau static?*

Awang: Tidak. Yang aku maksudkan ialah dasar kolonial membekukan masyarakat Melayu.

Chong: *Kalau engkau tidak mengakui bahawa masyarakat Melayu itu 'static', adakah pula engkau mengatakan bahawa masyarakat Melayu itu dinamik? Setahu aku, sebelum orang-orang Inggeris datang, orang-orang Melayu amat mundur dan daif kedudukannya. Bahkan bila aku baca dalam buku, gambaran masyarakat Melayu yang terlukis hampir menyerupai satu masyarakat yang primitif. Bahkan dari catatan pegawai-pegawai Inggeris yang awal terdapat lukisan-lukisan mengenai istana raja-raja Melayu seperti yang terdapat di negeri Selangor. Dan gambaran istana Melayu ini amat daif sekali sekadar rumah kayu dengan halamannya yang tidak teratur. Keadaan kedai-fan ini juga terdapat di kawasan perkampungan Melayu yang lain. Orang Melayu sendiri, seperti Munshi Abdullah, telah mengakui akan hal ini!*

Awang: Tetapi harus engkau ingat bahawa gambaran masyarakat Melayu yang engkau sebut itu ialah gambaran masyarakat Melayu pada abad 19. Dalam sejarah orang-orang Melayu, abad 19 adalah period di mana orang-orang Melayu sedang berada dilembah kejatuhannya atau dalam bahasa Inggeris *a society at a lowest ebb of its decline*. Dan ini terutamanya di negeri-negeri Melayu pantai barat. Tentunya ini bukan gambaran masyarakat Melayu tradisional yang lengkap. Paling banyak, aku boleh katakan bahawa itu adalah secebis sahaja dari gambaran masyarakat Melayu tradisional yang sebenar.

Chong: *Adakah kerana gambarannya amat buruk, hampir menyerupai masyarakat primitif, maka sengaja engkau menafikan bahawa itulah gambaran sebenar masyarakat tradisional Melayu?*

Awang: Oh! tidak sekali-kali. Aku hanya mahu menerangkan sedapat mungkin apa yang benar, kerana kalau benar masyarakat Melayu tradisional mirip kepada sifat primitif, atau masih berada di tahap yang amat mundur, maka beberapa perkara yang anih dan mustahil boleh berlaku.

Chong: *Apa maksud engkau?*

Awang: Kalau diterima bahawa masyarakat Melayu tradisional itu masih berada ditahap yang paling mundur, maka bagaimana mereka dapat meninggalkan warisan yang mempunyai nilai yang tinggi dan *sophisticated*? Ambil misalnya dalam bidang tradisi pengucapan masyarakat Melayu. Sekarang ini ditaksirkan masih ada lebih daripada 6000 naskah khazanah pengucapan Melayu yang bertulis, tersimpan di banyak perpustakaan yang berselerak di seluruh dunia. Tajuk-tajuknya sangat luas mencakup dari karya-karya sastera yang agung membawa kepada perbincangan *sophisticated* mengenai falsafah ugama dan duniawi. Karya-karya sastera seperti *Hikayat Hang Tuah*, atau *Sejarah Melayu* umpamanya memaparkan daya kreatif yang amat tinggi dan tidak putus-putus dijadikan bahan kajian di peringkat kedoktoran.

Jadi, dilihat dalam konteks seperti ini adalah mustahil, bahawa masyarakat tradisional yang engkau katakan sebagai masih berada di tahap yang amat mundur dan mirip kepada bersifat primitif itu dapat melahirkan warisan yang begitu cemerlang.

Chong: *Kalau begitu penjelasan engkau, dalam konteks apakah dapat aku terapkan gambaran mengenai masyarakat Melayu tradisional itu?*

Awang: Seperti aku katakan tadi engkau terpaksa memahaminya dalam konteks perkembangan sejarah masyarakat Melayu yang lebih luas, yang lebih menyeluruh. Gambaran daif masyarakat tradisional Melayu yang engkau katakan tadi adalah gambaran masyarakat Melayu di pantai barat Semenanjung dalam abad ke 19, iaitu gambaran

masyarakat Melayu ketika berada di lembah kemerosotannya. Atau gambaran satu masyarakat *at the lowest ebb of its decline*, iaitu masyarakat yang *decadence* dan kocar-kacir. Tentunya ini merupakan secebis dari keseluruhan gambaran masyarakat Melayu yang lebih lengkap!

Chong: *Apa maksud engkau tentang ayat yang terakhir itu?*

Awang: Biarlah aku jelaskan begini. Katakan aku menceritakan sejarah diri engkau sendiri. Ertinya aku terpaksa menggambarkan sejarah diri engkau dari sejak kecil, menjadi orang muda, dewasa dan hinggalah engkau menjadi orang tua. Adalah tidak tepat aku hanya memilih gambaran diri engkau dari satu period dalam hidup engkau, iaitu ketika engkau sedang sakit tenat, sedang tidak bermaya, dan mengatakan inilah dia gambaran sebenar sejarah diri engkau.

Chong: *Adakah ini bererti bahawa gambaran masyarakat tradisional Melayu abad ke 19 itu adalah gambaran satu masyarakat yang sedang dalam period "sakit tenat?"*

Awang: Kira-kira begitulah, terutamanya di negeri-negeri Melayu pantai barat Semenanjung. Tetapi masalahnya ialah bahawa gambaran masyarakat Melayu di abad ke 19 itu kerap kali dijadikan rujukan sebagai gambaran keseluruhan masyarakat Melayu tradisional yang sebenar-benarnya.

Ada beberapa perkara yang menyebabkan berlakunya kekeliruan ini. Pertamanya orang-orang Inggeris mulai bertapak secara yang intensif di Tanah Melayu pada akhir abad ke 19. Dan mereka mula bertapak di negeri-negeri Melayu pantai barat Semenanjung iaitu negeri-negeri Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Maka apa yang mereka lihat di kawasan-kawasan ini banyak telah dicatitkan sebagai maklumat untuk merancang perluasan pentadbiran mereka ke atas negeri-negeri itu. Oleh kerana itu catitan-catitan ini dianggap sebagai gambaran asli keadaan masyarakat Melayu sebelum Inggeris melaksanakan

sistem pentadbirannya, dan sebelum keaslian masyarakat Melayu itu dikesani dari kehadiran pentadbiran mereka.

Chong: *Kenapakah engkau katakan "terutamanya di negeri-negeri Melayu pantai barat Semenanjung?" Adakah negeri-negeri itu lebih "tenat sakitnya?"*

Awang: Dalam konteks abad ke 19, keadaan ketidakstabilan politik telah melanda Semenanjung Tanah Melayu. Perang saudara terdapat di sana sini dan dalam keadaan seperti ini rakyat Tanah Melayulah yang paling teruk dikesani. Pelarian penduduk dari sebuah negeri ke sebuah negeri berlaku untuk mengelakkan diri dan mencari perlindungan daripada ancaman perang saudara itu. Dalam suasana seperti ini hanya tinggal negeri-negeri Melayu pantai timur sahaja yang masih menunjukkan wujudnya unsur-unsur politik, ekonomi dan sosial yang agak stabil. Kerana itulah apabila kita perhatikan dari anggaran kasar jumlah penduduk Melayu Semenanjung pada suku akhir abad 19, lebih 80 % terdapat di negeri-negeri pantai timur. Negeri-negeri Melayu pantai timur ini seolah-olah masih berupaya memberi perlindungan kepada masyarakat Melayu meneruskan kegiatan ekonomi mereka seperti berdagang, kerja-kerja tangan dan pertukangan, perusahaan membuat kapal atau perahu dan perusahaan bertenun kain dan tembikar. Bahkan dalam bidang sosial dan intelektual, masih ada golongan ulamak dan pusat-pusat penyebaran ilmu. Semuanya ini dimungkinkan dengan wujudnya masyarakat Melayu yang agak lebih stable dan *settled* daripada di pantai barat.

Di negeri-negeri pantai barat pula huru-hara perang saudara lebih hebat. Penduduk Melayunya amat sedikit. Dibandingkan dengan pantai timur, pantai barat Semenanjung menjadi kawasan yang gersang. Bahkan ditinjau dari segi bilangan penduduk, kesetabilan politik dan ke-

giatan sosio-ekonomi orang-orang Melayu seluruh Semenanjung, negeri-negeri Melayu pantai barat dewasa itu boleh dianggap, dari segi ketuhannya sebagai negeri Melayu, sebagai negeri-negeri Melayu pinggiran atau *marginal Malay states*. Secara kebetulan seolah-olah menunggu masa merebaknya kuasa kolonial Inggeris dari Negeri-negeri Selat.

Semuanya ini bererti bahawa bukan sahaja gambaran mengenai masyarakat Melayu tradisional itu dilukiskan dari period ketika mereka berada di lembah kemerosotannya, tetapi juga dari kawasan yang melambangkan pusat keruntuhan masyarakat Melayu itu sendiri, iaitu masyarakat Melayu yang daif dan *decadence*.

Chong:

*Tetapi bagaimana pula dengan pendapat penulis seperti Munshi Abdullah yang menceritakan keburukan masyarakat Melayu? Mengikut pendapat beliau, hampir tidak ada langsung perkara yang baik dapat dirujuk mengenai masyarakat Melayu!*

Awang:

Harus diingat bahawa Abdullah lahir dan besar di Melaka. Melaka di zaman Abdullah adalah lambang pusat kekuasaan kolonial yang bertapak di Negeri-negeri Selat. Pada hal pada satu masa yang lampau, Melaka melambangkan pusat kemilangan tamaddun Melayu. Tentunya ini menunjukkan betapa dalam masa 300 tahun, kemerosotan bangsa Melayu telah sampai ke paras yang paling rendah sekali. Di samping itu pula Melaka sendiri dikelilingi oleh negeri-negeri Melayu pantai barat, negeri-negeri yang melambangkan *the marginal Malay States*. Dalam konteks seperti ini, penceritaan Abdullah tentang keburukan masyarakat Melayu itu hanya membuktikan betapa dahsyatnya proses keruntuhan masyarakat Melayu di Semenanjung itu, seolah-olah terputus samasekali daripada warisan tradisinya yang gemilang. Amat menyedihkan bahawa di saat seperti ini, negeri-negeri Melayu mulai jatuh ke tangan penjajahan Inggeris, dan untuk hampir

seabad masyarakat Melayu di saat kemundurannya itu "dibekukan".

Chong: *Apa maksud engkau dengan kenyataan "pembekuan" masyarakat Melayu di saat kemundurannya itu?*

Awang: Tadi aku ada menjelaskan tentang proses "penyisihan" masyarakat Melayu dalam konteks pembangunan sosio-ekonomi Tanah Melayu di zaman Inggeris. Proses penyisihan ini sebenarnya amat rapat kaitannya dengan proses pembekuan masyarakat Melayu itu.

Chong: *Tetapi setahu aku, dalam perjanjian pertama Inggeris untuk menduduki Tanah Melayu, iaitu perjanjian Pangkor tahun 1874, mereka mengakui tidak akan campurtangan dalam hal-ehwal agama dan adat istiadat Melayu. Tidakkah ini bererti bahawa kepimpinan Melayu sendiri masih berkuasa dan bertanggungjawab menentukan sama ada masyarakatnya akan terus beku atau maju ke hadapan? Tidakkah juga ini bererti Inggeris mahu memelihara "keutuhan" masyarakat Melayu sendiri?*

Awang: Ada dua perkara pokok dalam soalan engkau ini, iaitu (1) kekuasaan kepimpinan Melayu dan (2) usaha Inggeris memelihara keutuhan masyarakat Melayu. Biarlah aku jelaskan satu persatu. Dalam hal kekuasaan kepimpinan Melayu itu, tidak ada orang agaknya yang dapat menafikan bahawa kekuasaan yang sebenar hampir tidak ada. Dalam banyak hal, kedudukan mereka adalah sebagai *ceremonial heads* yang memainkan peranan *ceremonial functions*. Tugas-tugas pentadbiran yang lebih bertanggungjawab, tugas-tugas yang boleh memberi kesan ke atas kedudukan masyarakat amnya adalah dalam tangan pegawai-pegawai Inggeris sendiri.

Di samping itu pengiktirafan dan penyerapan golongan bangsawan Melayu dalam sistem pentadbiran kolonial hampir memisahkan mereka samasekali dari masyarakat Melayu. Pendidikan dan orientasi pendidikan yang mereka terima,

penempatan kediaman mereka di kota-kota baru kolonial yang disekelilingi oleh masyarakat imigran, semuanya ini membina benteng yang menghalang perlanjutan tradisi kegiatan budaya dan intelektual yang berpusat di bawah naungan golongan bangsawan. Lagipun kepimpinan masyarakat Melayu abad 19 adalah kepimpinan satu masyarakat dalam keadaan kemerosotan, tentunya kepimpinan mereka juga mewarisi kemerosotan azam dan cita-cita moral yang tinggi.

Chong: *Apa maksud engkau dengan "kemerosotan azam dan cita-cita yang tinggi?"*

Awang: Dalam sejarah bangsa Melayu, kepimpinannya kerap kali menunjukkan wujudnya cita-cita atau *purpose* yang tinggi. Proses penyebaran agama Islam umpamanya amat jelas memperlihatkan penglibatan golongan kepimpinan tradisional Melayu yang amat penting. Mereka menjadi tenaga pendorong dan penaung kepada kegiatan golongan bijak pandai ulamak. Keazaman dan ketinggian cita-cita moral mereka ini secara simbolik pernah dilukiskan dalam Sejarah Melayu apabila Raja Melaka masih lagi khusyuk ber-bahas tentang tauhid di atas Gajah perangnya ketika berlaku serangan Portugis. Begitu juga dalam kegiatan intelektual dan seni yang lain. Seniman 'cum' pendita-pendita Melayu yang melahirkan karya-karya agung Melayu, adalah orang-orang yang hidupnya dibiayai oleh Raja Melayu. Tetapi proses kemerosotan masyarakat Melayu dalam abad-abad yang berikutnya, turut juga tergambar dari merosotnya peranan dan kegiatan kepimpinan Melayu dalam kegiatan intelektual dan budaya. Kemiskinan kepimpinan Melayu seolah-olah sudah tidak lagi mampu melanjutkan sepenuhnya tradisi murni zaman lampau.

Chong: *Bagaimana pula tentang usaha Inggeris memelihara keutuhan masyarakat Melayu?*

Awang: Terdapat implikasi yang amat penting mengenai

usaha Inggeris memelihara atau "preserved" keutuhan masyarakat Melayu. Pertamanya keutuhan bererti tulin atau asli atau tidak dicemari. Memelihara keutuhan masyarakat Melayu ertinya memelihara ketulinan masyarakat Melayu, memelihara supaya masyarakat Melayu tidak mengalami perubahan, supaya ciri-ciri kemasyarakatannya terpelihara. Tetapi kita harus ingat, bahawa masyarakat Melayu yang dimaksudkan itu adalah masyarakat Melayu abad ke 19 – masyarakat yang berada di lembah kemosotannya, masyarakat yang daif dan mundur. Maka memelihara keutuhannya bererti mengekalkan ciri kedaifan dan kemundurannya masyarakat itu sendiri.

Proses pembekuan masyarakat Melayu tradisional dalam perkataan lain yang lebih tepat boleh disamakan dengan proses memeti-sejukkan atau "refregeratorisation" satu masyarakat di tahap kemosotannya. Dan memahaminya perlu melihat hubungannya dengan proses penyisihan masyarakat Melayu yang dikesani oleh pentadbiran Inggeris seperti yang aku katakan di atas tadi.

Chong: *Tetapi aku kurang jelas, dengan istilah pembekuan masyarakat Melayu itu. Ambil misalnya tentang sistem persekolahan yang diperkenalkan oleh Inggeris itu. Bukankah pada umumnya, persekolahan itu dianggap satu ejen pembaharuan dan perubahan daripada merupakan satu ejen pembekuan?*

Awang: Pada umumnya memanglah persekolahan itu dianggap satu ejen pembaharuan yang amat berkesan sekali. Tetapi tidak pula bererti bahawa ia tidak boleh dirancang untuk mencapai satu matlamat yang sebaliknya. Dan kita mesti ingat persekolahan merupakan satu proses yang dirancang. Dan secara relatif, pengenalan dan perkembangan persekolahan kepada masyarakat Melayu itu telah disusun untuk mencapai matlamat pembekuan masyarakatnya. Tentunya ini



satu cara "memelihara" kesetabilan masyarakat Melayu.

Chong: *Bagaimana pula persekolahan zaman kolonial itu telah dirancang untuk membekukan (walau-pun secara relative) masyarakat Melayu?*

Awang: Pertamanya kita harus memahami, peringkat persekolahan yang diberi, isi matapelajaran dan orientasinya dan lebih penting melihat hasilnya – sama ada persekolahan dapat melahirkan mobiliti sosial di kalangan masyarakat Melayu.

Pertamanya, peringkat persekolahan yang diwujudkan amat rendah, setakat sekolah 'primary' sahaja. Darjah yang paling tinggi boleh dicapai ialah sekadar darjah empat. Yang anihnya, apabila Winstedt tiba ke Tanah Melayu menjelang dekad dua puluhan, beliau telah menyesali bahawa sekolah Melayu dibenarkan hingga ke darjah empat itu. Beliau berkata ini adalah terlalu tinggi, dan memungkinkan murid Melayu ini 'mengangan-angankan' sesuatu yang lebih tinggi dari kedudukan "semula jadi" mereka sebagai petani atau nelayan.

Mata-matapelajaran juga disusun supaya sesuai dengan matalamat memelihara kedudukan dan kesetabilan keadaan sosio-ekonomi masyarakat Melayu yang "semula jadi". Winstedt juga telah merancang matapelajaran seperti lukisan guna meneguhkan orientasi kanak-kanak Melayu dengan alam budaya taninya. Kanak-kanak Melayu diasuh supaya menerima nasib kedudukan sosio-ekonomi mereka tanpa soal. Sesungguhnya Inggeris amat berjaya menggunakan pelajaran sebagai alat kawalan kemasyarakatan atau *social control*. Selama berpuluh-puluh tahun sistem pendidikan Inggeris adalah didasarkan di atas matalamat-matalamat "mempertankan" masyarakat Melayu supaya tidak akan wujud dislokasi dan kegelisahan sosial. Dan inilah saranan "nabi" pendidikan kolonial, R.O. Winstedt, yang menjadi pegangan kepada pen-

tadbiran Inggeris di Tanah Melayu.

Hasil daripada sistem pendidikan Melayu seperti ini amat jelas. Menjelang abad 20 umpamanya daripada 88 buah sekolah Melayu di Perak telah "berjaya" melahirkan 118 orang kerani dan orderlies, 2,070 orang petani, 2177 orang sebagai buruh dan pekedai kecil. Sepuluh tahun kemudian dilaporkan bahawa di negeri itu semua lulusan sekolah Melayu telah pulang ke kampung masing-masing kecuali 24 orang yang menjadi orang gaji di rumah-rumah dan di pejabat-pejabat, 10 orang menjadi guru sekolah Melayu, dan seorang yang bercita-cita menjadi kerani dan mata-mata. Menjelang pertengahan tahun 1920-an, terdapat kira-kira 40,000 orang murid-murid di semua sekolah-sekolah Melayu. Tetapi pola penghasilan dari pencapaian mereka adalah serupa. Ini menyebabkan seorang pemimpin Melayu, Md. Yunus bin Abdullah menyindir pemerintah Inggeris dengan mengatakan tanpa "pelajaran" pun budak-budak Melayu itu dapat mencapai tujuan untuk tetap tinggal di bawah sekali [dalam susunan lapis masyarakat].

Chong: *Adakah ini bererti bahawa pendidikan Melayu yang disediakan oleh Inggeris tidak membawa kepada mobiliti sosial?*

Awang: Hampir tidak ada sama sekali. Tetapi masalah ketiadaan mobiliti sosial dalam masyarakat Melayu itu sebenarnya berkait rapat juga dengan dasar Inggeris memperteguhkan dan memelihara struktur masyarakat Melayu tradisional. Dan dasar ini juga telah menghapuskan unsur-unsur komersial dalam masyarakat Melayu.

Chong: *Tidakkah aneh kalau engkau mengatakan bahawa pemeliharaan struktur masyarakat Melayu tradisional menyebabkan terhapusnya unsur-unsur komersial dalam masyarakat Melayu?*

Awang: Tidak, kerana strukturnya dipelihara tapi fungsinya, terutama dibidang ekonomi, dihentikan. Biarlah aku jelaskan kedudukannya begini.

Masyarakat tradisional Melayu, seperti kebanyakan masyarakat tradisional lain di dunia, adalah masyarakat feodal. Masyarakat feodal adalah masyarakat yang terbahagi kepada kelas-kelas tertentu, paling kurang dapat digolongkan kepada dua kelas, iaitu kelas pemerintah dan kelas yang diperintah. Kelas pemerintah ini, selain daripada keluarga diraja sendiri, termasuk juga pembesar-besar lain, pembesar-pembesar jajahan dan daerah membawa kepada Orang Kaya dan Penghulu di mukim-mukim yang lebih kecil itu. Dalam konteks masyarakat Melayu tradisional golongan pemerintah ini memainkan fungsi ekonomi yang amat penting. Mereka menguasai perdagangan impot-eksport, mereka yang berupaya mempunyai kapal-kapal dan nadeh yang menguasai sistem pengangkutan laut, dan di daratan pula mereka menguasai kawasan-kawasan lombong yang kaya. Dalam banyak hal, golongan pemerintah ini terlibat secara langsung dalam pengendalian kegiatan ekonomi itu.

Hasil dari pengelibatan mereka inilah yang membolehkan golongan pemerintah itu mampu menjadi penaung dan membiayai kegiatan-kegiatan seni dan budaya yang lain. Kesenian pertukangan tangan, perusahaan binaan, perusahaan tembikar dan sebagainya, adalah dimungkinkan dari kehadiran golongan pemerintah yang kaya dan mampu. Dan pada umumnya kekuatan ekonomi mereka menjadi jaminan kepada kesetabilan masyarakat Melayu tradisional umumnya.

Chong: *Bagaimanakah fungsi ekonomi mereka itu dihentikan?*

Awang: Kalau engkau faham apa yang aku jelaskan tadi kita boleh gunakan istilah zaman sekarang untuk merujuk kepada golongan pemerintah masyarakat tradisional itu. Mereka boleh dianggap sebagai golongan usahawan atau *entrepreneurial class* masyarakat Melayu. Dan sebenarnya golongan ini tidak terhad kepada kelas pemerin-

tah sahaja, tetapi termasuk juga pedagang-pedagang atau *traders* yang berselerak di sana sini. Zaman berzaman golongan ini telah membina satu net-work pengumpulan bahan-bahan dagangan, dan pemasarannya melalui jalan-jalan dagangan sungai dan pesisiran laut. Inilah net-work ekonomi masyarakat Melayu itu.

Setelah Inggeris bertapak di negeri-negeri Melayu, langkah mereka yang pertama ialah mewujudkan satu jentera pentadbiran yang luas. Dan mereka telah menggunakan rangka sosiopolitik Melayu sebagai rangka asas pembentuk-jentera pentadbiran itu. Kelas pemerintah Melayu telah diiktiraf dan diresapkan ke dalam sistem pentadbiran kolonial yang baru. Mereka diberikan fungsi baru sebagai pentadbir sekurang-kurangnya di peringkat yang kurang bertanggungjawab dan bersifat *ceremonial*. Mereka diberi jaminan sara hidup yang setimpal, untuk memelihara *dignity* kedudukan mereka. Tetapi paling penting ialah menyedari bahawa fungsi pentadbiran mereka yang baru itu ditambah pula dengan jaminan keperluan ekonomi mereka telah memutuskan sama sekali tradisi peranan ekonomi mereka. Mereka tidak lagi boleh melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi. Sekaligus, golongan "usahawan" Melayu terhapus.

Chong: *Kenapa pula tidak muncul golongan baru dalam masyarakat Melayu untuk mengambil alih peranan ekonomi yang telah dimainkan oleh golongan atasan tadi?*

Awang: Seperti aku katakan tadi bahawa, Inggeris telah memperkukuh struktur masyarakat Melayu tradisional itu. Adalah mustahil membiarkan kemunculan golongan baru yang boleh mencabar pola susunan lapis masyarakat yang semakin diperketat itu. Penghapusan fungsi ekonomi golongan atasan itu juga bererti terganggu dan hancurnya network ekonomi tradisional yang aku katakan tadi.

Dalam pada itu pula, dasar pemerintah sendiri

dirancang ke arah "mempertanikan" masyarakat Melayu. Tidak ada agen-agen perubahan sosial sepertilah persekolahan yang dapat mengasaskan mobiliti sosial dalam masyarakat Melayu sama ada dari segi pencapaian kemahiran tenaga buruh atau kemahiran ekonomi dan pentadbiran yang diiktiraf.

Tetapi lebih penting ialah pengenalan sistem ekonomi kolonial yang baru yang memerlukan penggunaan sumber modal dan tenaga buruh yang besar dan rumit. Masyarakat Melayu di peringkat kedaifan dan kemerosotannya tidak mungkin mampu menyediakan itu semua.

Chong: *Kenapakah engkau kata masyarakat Melayu tidak ada modal? Bukankah khazanah kekayaan bumi seperti bijih itu hak kepunyaan orang-orang Melayu?*

Awang: Kita mesti ingat kita berbicara mengenai zaman pemerintahan kolonial. Kerana itu perkara yang anih dan tak logik mereka dapat lakukan.

Di satu pihak mereka mengakui hak kedaulatan politik Melayu. Raja dan pembesar Melayu diiktiraf. Tetapi di satu pihak lain pula hak ketuanan ekonomi masyarakat Melayu ke atas khazanah buminya dinafikan. Mereka jadikan negara ini seperti bumi tidak bertuan.

Chong: *Tapi aku begitu sehati dengan idea bahawa masyarakat Melayu itu adalah masyarakat petani seluruhnya, sedangkan penjelasan-penjelasan engkau ini memperlihatkan wujudnya tradisi unsur-unsur komersial yang kuat dalam masyarakat Melayu. Bolehkah engkau berikan contoh-contoh yang menasabah?*

Awang: Ambil misalnya masyarakat Melayu yang ada pada hari ini. Dari beberapa kajian yang dibuat ternyata bahawa nisbah masyarakat Melayu yang paling ramai terlibat dalam kegiatan komersial ialah dari kalangan masyarakat Melayu di pantai timur seperti Kelantan atau Trengganu. Iaitu negeri-negeri Melayu yang secara relatifnya paling sedikit dikesani oleh pentadbiran Inggeris.

Dan di sini juga masih terdapat beberapa perusahaan Melayu seperti pertukangan, seni bina, tembikar atau bertenun kain. Begitu juga dalam bidang perusahaan getah. Sungguhpun ini adalah satu kegiatan pertanian, tetapi ini adalah bidang pertanian yang amat komersial sifatnya. Dari kajian sejarah ekonomi yang pernah dibuat, amat jelas adanya usaha pemerintah Inggeris untuk melarang orang-orang Melayu melibatkan diri dalam kegiatan ini. Iaitu selaras dengan dasar menggalakkan pertumbuhan masyarakat penanaman padi Melayu yang stable. Namun bilangan pekebun-pekebun kecil Melayu menanam getah amat ramai sekali.

Chong: *Aku masih belum yakin dengan penjelasan contoh-contoh engkau ini. Lagi pun, contoh-contoh hari ini tidak semestinya menggambarkan keadaan masa lampau. Baik tak baik masyarakat Melayu belajar bergiat dalam bidang pertanian komersial itu dari masyarakat bukan Melayu. Apakah bukti-bukti yang menunjukkan bahawa unsur komersial dalam masyarakat Melayu memang sudah menjadi satu tradisi yang lama?*

Awang: Ada beberapa perkara pokok yang selalu dilupai bila memahami masyarakat Melayu tradisional. Pertamanya tamaddun Melayu yang dibina di persekitaran Selat Melaka adalah diasaskan di atas tradisi maritime. Dan ini amat logik dari keadaan semulajadi alam kepulauan Melayu yang terletak di persimpang jalan perdagangan antara timur dan barat. Hampir semua pusat-pusat politik yang turun naik sejak kesultanan Melaka, adalah dibangunkan atas kekuasaan ke atas kegiatan maritime. Pusat politik Melayu tidak mirip kepada kekuasaan yang bersifat *land-based*.

Di Sarawak pula, hingga ke abad 19, istilah Melayu itu sendiri merupakan rujukan khas kepada puak bumiputra yang terlibat dalam perdagangan. Golongan Melayu inilah yang telah menjadi pedagang-pedagang dan saudagar-sau-

dagar yang memungut, membeli dan memasarkan hasil mahsul yang dikeluarkan oleh puak-puak bumiputra Sarawak yang lain.

Keduanya, sastra Melayu sendiri sebagai gambaran pengucapan masyarakatnya, amat cenderung ke arah cerita-cerita yang berkisar di sekitar laut, sama ada dalam kegiatan perdagangan atau pun peperangan. Hasil-hasil sastra Melayu yang bertulis dan tidak bertulis lebih banyak mengandungi unsur-unsur komersial daripada katakanlah unsur-unsur bertani. *Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah, Malim Deman, Malim Dewa* ataupun *Mat Jenin* umpamanya membayangkan unsur komersial yang begitu mendasari dalam kegiatan ekonomi masyarakat Melayu tradisional itu. Orang mungkin berkata bahawa cerita-cerita ini adalah merupakan satu jalan keluar atau *outlet* kepada penderitaan rakyat. Kalau begitu adalah kurang manasabah satu masyarakat tani mencari mimpi dan punya cita-cita di luar alam imiginasi budaya tani.

Begitu juga dengan teknologi yang berkembang dalam masyarakat Melayu. Lebih banyak terdapat rujukan tentang teknologi perkapalan, dari membina sebuah perahu hingga membuat kapal lancar yang mempunyai tiang tiga atau *three mastered ship*. Muatan kapal-kapal Aceh umpamanya dikatakan lebih besar isi padunya daripada kapal Portugis. Dan bila ini dibandingkan dengan teknologi dalam bidang pertanian, teknologi pertanian Melayu amat simple. Ada sajarawan ekonomi Tanah Melayu yang membuat penemuan tentang penggunaan cangkul oleh petani Melayu. Beliau mencatatkan bahawa penggunaan cangkul di Tanah Melayu hanya bermula kira-kira dalam abad 19, iaitu setelah diperkenalkan oleh boroh-boroh Cina. Ini mungkin menjelaskan bahawa masyarakat Melayu masih terlalu baru memerlukan alat seperti itu.

Chong: *Kalau betul kata engkau bahawa unsur komersial amat kuat dalam tradisi lama masyarakat Melayu, kenapakah pada abad ke 19, unsur komersial itu kurang menonjol? Apa sebabnya pula abad itu dikatakan sebagai jangkamasa bilamana masyarakat Melayu berada "di lembah" kemerosotannya, walhal, Inggeris hanya bertapak di Semenanjung pada penghujung abad 19?*

Awang: Sebenarnya mengenai proses keruntuhan masyarakat Melayu selama 300 tahun itu, masih belum ada kajian yang jelas atau kajian yang difinitif mengenainya. Beberapa penyelidikan yang ada lebih menitikberatkan tentang turun naiknya politik Melayu dan proses perpecahannya hingga melahirkan entity politik kenegerian yang kecil-kecil pada abad ke 19 di Semenanjung itu. Kita masih kurang pasti mengenai umpamanya proses perubahan sosio-ekonomi yang berlaku, iaitu dari sebuah empayar maritime yang amat cenderung kepada bersifat komersial, berubah menjadi masyarakat petani.

Namun demikian beberapa pemerhatian umum yang dibuat oleh sarjana-sarjana dapat kita jadikan panduan:

1. Kedatangan kuasa-kuasa barat yang dimulakan oleh Portugis itu telah memulakan satu proses kemerosotan ekonomi maritime Melayu. Kekuasaan politik Melayu, sepertilah kekuasaan bangsa-bangsa Asia yang lain, nampaknya tidak pernah berupaya menandingi teknologi barat, kerana itu tidak mampu mengusir mereka keluar.

2. Cengkaman politik kuasa-kuasa barat yang lain di alam Melayu, seperti Belanda di Indonesia dan Inggeris di persekitaran selat Melaka dan dasar monopoly ekonomi mereka perlahan-lahan menutup peluang kepada kegiatan perdagangan Melayu. Pola kegiatan ekonomi bumiputra di kepulauan Melayu terganggu dan sentiasa mengelakkan diri dari kemaraan kekuasaan barat



itu, yang tidak dapat mereka saingi secara langsung.

Dari satu segi, inilah zaman kemunculan kegiatan memecahkan jaringan monopoly ekonomi barat itu. Serangan-serangan yang menyerupai "perang gerilla laut" ke atas kapal-kapal perdagangan berlaku, dan bermulalah zaman yang diistilahkan oleh orang-orang barat sebagai "kegiatan melanun dan merompak".

3. Tertutupnya kegiatan perdagangan laut di kepulauan Melayu itu telah memaksa masyarakat Melayu perlahan-lahan lari ke darat, dan mulalah membina satu tradisi "baru" yang cuba disesuaikan dengan alam sekeliling daratan. 4. Dalam pada itu pula, keruntuhan kekuasaan ke atas kegiatan ekonomi maritime itu memberi kesan buruk kepada kedudukan politik dan tradisi budaya mereka. Tenaga mereka yang selama itu mempunyai *outlet* tercurah-hala ke lautan luas mulai tertumpu ke dalam diri mereka sendiri, memperhebat "internal conflict dan *palace intrigue*. Dan ini mempercepat proses keruntuhan mereka sendiri.

Kepimpinan Melayu tradisional mulai menjadi miskin, tidak lagi mampu melanjutkan tradisi menaungi kegiatan budaya dan intelektual masyarakatnya. Seolah-olah fungsi kependitaan Melayu yang berpusat di istana-istana yang terletak di bandar-bandar dan pelabuhan mulai diambil alih oleh para penglipur lara yang merayau-rayau dari satu perkampungan kesatu perkampungan yang lain.

Chong:

*Aku tak fikir bahawa tradisi daratan, seperti menanam padi itu merupakan satu yang asing kepada masyarakat Melayu tradisional itu. Tapi dari penjelasan engkau seolah-olah menanam padi sekalipun merupakan sesuatu yang asing kepada mereka?*

Awang:

Memang sebenarnya kata engkau itu. Masyarakat Melayu sebagai satu masyarakat yang luas dan lengkap, keperluan untuk mempunyai

golongan masyarakat untuk menanam makanan memanglah ada. Tetapi ini adalah sebahagian sahaja daripada keseluruhan tradisi ekonomi mereka.

Ditinjau dari segi sejarah umpamanya, tidak pernah terdapat di Semenanjung ini, kecuali di Kedah, wujudnya tradisi persawahan yang intensif dan established. Dari semenjak kesultanan Melaka membawalah kepada kemunculan empayar Johor, pusat-pusat kekuasaan Melayu tidak pernah mengeksport beras. Dan dalam banyak hal, penanaman padi lebih merupakan satu perhitungan strategi daripada perhitungan ekonomi.

Chong: *Mendengarkan penjelasan panjang lebar engkau mengenai masyarakat tradisional Melayu itu, dapatlah aku ertikan bahawa kegiatan ekonomi komersial itu bukanlah sesuatu yang asing bagi masyarakat Melayu. Tetapi kenapakah pada hari ini, usaha-usaha kerajaan ke arah mewujudkan golongan usahawan Melayu itu menghadapi berbagai-bagai masalah? Sedangkan yang aku tahu, segala macam peluang ekonomi sedia terbuka kepada orang Melayu?*

Awang: Istilah "segala macam peluang ekonomi sedia terbuka" itu sebenarnya boleh diperdebatkan. Tetapi untuk menilai kejayaan usaha mewujudkan golongan usahawan Melayu itu mestilah mengambil kira beberapa faktor lain.

Pertamanya, *dasar* ke arah matalamat mewujudkan golongan usahawan Melayu mulai dijalankan sejak 10 tahun yang silam, sedangkan dalam konteks perkembangan ekonomi moden Tanah Melayu orang-orang Melayu telah tersisih hampir 100 tahun lamanya. Walhal dalam masa yang sama kaum-kaum imigran telah lama bebas berkecimpung di dalamnya. Penyisihan itu dilengkapi pula dengan kesan "pembekuan" masyarakat Melayu ditahap yang lama, mewujudkan arina ekonomi yang lapang tanpa persaingan untuk dieksploitasikan oleh masya-

rakat imigran. Maka ditambah dengan penumpuan usaha-usaha pembangunan raksasa kolonial di kawasan masyarakat imigran, masyarakat Melayu tercicir amat jauh dibelakang, sedangkan masyarakat imigran hampir memonopoli seluruhnya bidang-bidang penting penghidupan; ekonomi, pendidikan, dan bahkan dalam bidang kemahiran pentadbiran.

Dalam konteks seperti ini, kesukaran dan keambatan pencapaian matlamat dari dasar pemerintah pada hari ini hanya menjadi bukti betapa hebatnya ketidakseimbangan dan ketidakadilan dasar pelaksanaan dan fokus pembangunan sosio-ekonomi zaman lampau.

Keduanya pula, mempunyai dasar ke arah matlamat mewujudkan golongan usahawan Melayu itu adalah satu hal, tetapi melaksanakan program dan rancangan untuk menjayakan dasar seumpama itu adalah satu hal lain yang lebih rumit. Dan mewujudkan golongan usahawan Melayu itu hanya sebahagian daripada keseluruhan rancangan mencari keseimbangan hak ekonomi antara orang-orang Melayu dan bukan Melayu.

Dari segi praktikalnya melaksanakan dasar seperti ini berhadapan dengan satu masalah yang amat besar. Kalau puluhan tahun yang silam, ketika masyarakat imigran mengexploit potensi ekonomi, mereka menghadapi satu arina ekonomi Tanah Melayu tanpa persaingan dari manamana pihak melainkan pemodal-pemodal Eropah yang terhad jumlahnya. Maka itu mereka bersama-sama pemodal-pemodal Eropah telah berjaya menguasai hampir seluruh kegiatan ekonomi Tanah Melayu yang penting.

Tetapi pada hari ini, usaha mewujudkan golongan usahawan Melayu umpamanya, menghadapi satu arina ekonomi yang penuh dengan persaingan yang amat kuat. Dari segi ekonomi boleh dimisalkan bahawa orang-orang Melayu masih bertatih-tatih, tapi berhadapan dengan orang-orang bukan Melayu yang sudah berlari-

pantas, dan dengan bekalan tenaga yang sudah terkumpul sejak puluhan tahun. Dalam pada itu pula, kesebatian golongan bukan Melayu dengan iklim ekonomi zaman lampau yang bebas dari persaingan Melayu tentunya cuba memelihara "status quo" ekonomi mereka iaitu kedudukan monopoly yang mutlak. Keadaan seperti ini dengan sendirinya bererti bahawa istilah seperti "segala macam peluang ekonomi sedia terbuka untuk orang Melayu" itu tidak tepat. Dari segi praktikalnya tanpa pembendungan, golongan yang cuba memelihara "status quo" ekonomi zaman lampau punya tenaga untuk "menutralisekan" segala dasar dan usaha yang mencabar kedudukan mereka.

Chong: *Dalam penjelasan engkau itu, engkau telah menggunakan istilah "ketidakadilan dasar, pelaksanaan dan fokus pembangunan sosio-ekonomi zaman lampau" yang menyebabkan tercicirnya masyarakat Melayu.*

*Tetapi pada hari ini, untuk menghadapi masalah keciciran Melayu ini, kita mempunyai Dasar Ekonomi Baru yang menekankan tentang pencapaian matlamat ekonomi sekurang-kurangnya 30% oleh masyarakat Melayu menjelang 1990. Kerana itu terdapat begitu banyak agensi-agensi ekonomi diwujudkan guna mencapai matlamat itu.*

*Aku ingin bertanya bahawa, bukankah dasar dan rancangan seperti itu yang ditujukan semata-mata untuk masyarakat Melayu itu merupakan satu "ketidakadilan" kepada bukan Melayu? Bukankah ini satu bentuk diskriminasi?*

*Aku tidak yakin bahawa "ketidakadilan" zaman lampau boleh diatasi dengan "ketidakadilan" zaman ini! Ketidakadilan bukan justifikasi untuk melahirkan ketidakadilan yang lain.*

Awang: *Aku rasa soalan engkau inilah yang amat selalu terlintas difikiran ramai orang. Aku ingin menjelaskan dua perkara yang terkandung dalam*

soalan engkau iaitu pertamanya tentang ketidakadilan hari ini dan keduanya tentang diskriminasi. Pertamanya, istilah keadilan atau ketidakadilan itu adalah sesuatu yang berkaitan dengan masalah hak. Menafikan hak seseorang atau memberi hak yang lebih kepada seseorang itu bererti wujudnya ketidakadilan.

Dalam konteks sejarah perkembangan ekonomi Tanah Melayu hampir seabad lamanya, pembangunan dalam segala bentuk hampir seluruhnya telah ditumpukan di kawasan masyarakat imigran. Walhal dalam ertikata yang sebenar orang-orang imigran ini rata-rata belum pun menjadi rakyat sah negara ini. Perkembangan pembangunan seumpama ini bererti menafikan hak rakyat bumiputra Melayu sendiri di Tanah Melayu hampir 100 tahun lamanya.

Kerana itu, usaha-usaha pembangunan hari ini untuk masyarakat Melayu, bererti memulangkan hak-hak masyarakat Melayu yang telah dinafikan begitu lamanya. Atau dalam perkataan lain, memulangkan timbunan hutang-hutang kebangsaan kepada masyarakat Melayu. Dalam bahasa Inggeris boleh diistilahkan sebagai, "national accumulative debts for the Malays who have been denied for almost a hundred years on their own land." Dalam ertikata yang sebenar sesuatu pertolongan kepada masyarakat Melayu tidak boleh disifatkan sebagai satu keistimewaan ataupun satu bantuan. Tetapi itu semata-mata adalah satu pemulangan hak, satu pemulangan hutang.

Lanjutan daripada ini masyarakat Melayu bukan tidak bermaruah hanya tahu meminta "sedekah" itu dan ini. Tetapi mereka mempunyai harga diri yang tinggi, berani menuntut hak atau menuntut hutang. Adalah bukti ketidaktaanan mereka, bahawa mereka tidak pula menuntut interestnya.

Chong: *Engkau belum lagi menjelaskan tentang isue diskriminasi tadi. Lagi pun keadaan sekarang*

*sudah amat berbeza. Kebanyakan daripada bu-  
kan Melayu sudah menjadi rakyat negara ini dan  
mempunyai hak yang sama.*

Awang:

Pertamanya memulangkan hak bukan bererti diskriminasi, tetapi tanggungjawab. Bahkan jika istilah tanggungjawab itu dapat difahami dengan betul, ianya membawa sama makna, kerelaan hati untuk membela nasib golongan yang kurang bernasib baik. Masyarakat kita boleh diumpamakan sebagai satu keluarga yang besar. Adalah tanggungjawab ahli-ahli keluarga yang kuat membantu saudara-saudara yang lemah. Inilah erti keluarga yang baik, sihat dan bertanggungjawab, sesungguhnya satu jaminan bahawa keluarga itu akan terus kekal.

Keduanya, diskriminasi itu boleh dilihat dari dua peringkat iaitu (a) peringkat dasar dan (b) diperingkat praktikal atau operasi. Dalam banyak hal, dasar yang dianggap bersifat diskriminasi tidak pernah diumumkan. Tetapi apabila dinilai diperingkat operasi, ternyata ciri-ciri diskriminasi amat kerap berlaku. Ini terutamanya terdapat dalam situasi dimana golongan tertentu telah berjaya memonopoli bidang-bidang sosio-ekonomi yang tertentu. Dan dalam budaya komersial, nilai dan perhitungan komersial mengatasi perhitungan yang lain. Maka kedudukan monopoly mereka terus terpelihara. Hakikat inilah, iaitu hakikat wujudnya diskriminasi diperingkat "operational" yang memaksa pemerintah kebangsaan kita lebih berusaha mencari pemodal-pemodal luar negeri menanam modal di negara kita. Cara ini lebih berkesan untuk menentukan wujudnya kerjasama menambahkan kegiatan bumiputra dalam bidang ekonomi. **Dari segi falsafahnya, ini merupakan satu alternatif kepada kesukaran mencari kerjasama dari golongan pemodal dalam negeri sendiri.** Dan golongan pemodal dalam negeri yang mampu, rata-rata terdiri dari mereka yang selama ini telah berjaya memonopoli beberapa sektor ekonomi

yang penting.

Chong: Dalam pada itu, perlu aku sebutkan di sini bahawa usaha-usaha mempergiatkan lagi pembangunan sosio-ekonomi bumiputra tidak ada langsung memperlihatkan unsur diskriminasi terhadap bukan bumiputra. Bahkan dalam banyak hal, usaha-usaha ini telah memberi kenikmatan yang lebih kepada bukan bumiputra. *Tetapi harus ingat bahawa di Tanah Melayu masalah ketidakseimbangan pemilikan ekonomi lebih besar terdapat antara masyarakat warganegara Malaysia dengan bukan warganegara. Lebih 60% harta kekayaan kita umpamanya diktakan dipunyai oleh bukan warganegara. Kerana itu adalah tidak menasabah kita memberi keutamaan kepada masalah ketidakseimbangan ekonomi "antara kaum" di kalangan warganegara yang hanya memiliki 40% jumlah harta. Bukankah seharusnya kita menumpukan perhatian kepada masalah yang lebih besar iaitu masalah 60% harta kekayaan yang dipunyai oleh bukan warganegara?*

Awang: Persoalan engkau ini sebenarnya menimbulkan tanda tanya tentang prioriti, tentang yang mana satu harus diutamakan; masalah ketidakseimbangan ekonomi antara kaum dalam masyarakat Malaysia atau masalah ketidakseimbangan ekonomi antara rakyat Malaysia dengan bukan rakyat Malaysia.

Secara lahir, peratus-peratus yang engkau sebutkan itu boleh menimbulkan tanggapan yang mengelirukan. Pertamanya masalah prioriti ini dapat dilihat dari dua peringkat. Masalah ketidakseimbangan ekonomi antara ras di kalangan rakyat Malaysia adalah merupakan masalah ekonomi di peringkat kebangsaan. Sedangkan masalah ketidakseimbangan ekonomi di antara rakyat Malaysia dengan bukan rakyat Malaysia, adalah masalah diperingkat antarabangsa. Betapa besarnya pun masalah di peringkat antarabangsa tidak akan mengurangkan kepentingan masalah

di peringkat kebangsaan. Bahkan dalam banyak hal, kita hanya berupaya mengatasi masalah di peringkat antarabangsa hanya setelah mengatasi masalah peringkat kebangsaan kita.

Barangkali satu analogy atau contoh yang mudah dapat kita misalkan begini. Katakanlah ada seekor ular kecil yang bisa di dalam rumah kita, dan di luar rumah kita terdapat beberapa ekor harimau yang ganas. Maka wujudnya ancaman bahaya yang lebih besar di luar rumah itu, tidak pula berarti bahawa bertambah kecil pula bahaya di dalam rumah. Bahkan kita terpaksa mengatasi ancaman bahaya di dalam rumah kita dahulu, baharulah boleh kita lebih bersedia menghadapi ancaman bahaya di luar rumah.

Chong: *Satu perkara harus aku sebutkan di sini. Bahawa kalau sekiranya tercapai nanti matalamat sekurang-kurangnya 30% perlibatan ekonomi bumiputra disemua peringkat, maka itu tidak pula berarti bahawa masalah ketidakseimbangan ekonomi itu dapat diatasi. Amat kecil umpamanya peratus orang-orang Melayu yang mampu menggunakan peluang dan kemudahan yang ada. Tidakkah nanti akan lahir situasi di mana 30% itu dimonopoli oleh 3% atau 5% atau sekalipun 10% daripada masyarakat Melayu?*

*Dalam konteks seperti ini tidakkah lebih bermakna kita mewujudkan program mengatasi masalah kemiskinan yang tidak didasarkan atas "premise" satu-satu kaum tertentu?*

Awang: *Setahu aku, daripada apa yang dapat dilihat, daripada apa yang dapat dirasa, pembangunan yang berlaku sekarang tidak ada mengurangkan peluang sosio-ekonomi atau mengurangkan kenikmatan bukan Melayu. Bahkan dalam banyak hal, kebebasan sistem ekonomi kita memberi bukan Melayu "advantage" yang lebih. Kerana mereka merupakan golongan yang lebih mampu dan lebih bersedia sama ada dari segi kemahiran, dari segi modal, dari segi pemasaran dan "contacts", untuk mengexploit peluang yang ada.*



Apa yang berlaku adalah proses memperkembangkan rangka kemudahan sosial dan ekonomi supaya turut sama dinikmati oleh golongan masyarakat Melayu yang telah lama ternafi dari kenikmatan itu. Dalam proses perkembangan sosio-ekonomi seumpama itu pula, kebanyakan peruntukan perbelanjaan negara telah disalurkan melalui badan-badan perniagaan swasta yang established yang mempunyai keupayaan-keupayaan menyelenggarakan projek-projek pembangunan. Hampir semua badan-badan perniagaan seumpama itu adalah kepunyaan bukan Melayu. Urusniaga yang mereka laksanakan akibat daripada proses pembangunan itu telah lebih memperteguh kedudukan ekonomi mereka. Dalam lain perkataan memajukan Melayu bukanlah satu ancaman ekonomi kepada bukan Melayu. Harus juga disedari bahawa tradisi lama memberi fokus dan keutamaan perbelanjaan pembangunan dan kemudahan awam di kawasan bandar, iaitu pusat penempatan masyarakat bukan Melayu tidak terjejas. Ambil misalnya dari contoh-contoh kemudahan asas yang sedia ada seperti air, elektrik, telefon, kesihatan, institusi kewangan, jalan-jalanraya dan lain-lain. Setiap gallon air yang diminum oleh rakyat luar bandar, barangkali 10 gallon yang digunakan oleh penduduk bandar. 10 pusat bidan di luar bandar tidak sama dengan sebuah hospital di bandar. Begitu juga belanja membuat 10 batu jalan merah di kampung tidak cukup untuk membina  $\frac{1}{4}$  batu jalan di bandar.

- Chong: *Tapi engkau belum menjelaskan soalan aku bahawa bukannya lebih baik program mengatasi kemiskinan itu tidak diasaskan di atas "premise" satu-satu kaum yang tertentu? Dan tidakkah pencapaian matlamat sekurang-kurangnya 30% itu mungkin akhirnya dinikmati oleh 5% atau 10% sahaja daripada masyarakat bumiputra?*
- Awang: Seperti aku katakan tadi bahawa dari segi praktikalnya, dasar pembangunan dan membasmi

kemiskinan itu sebenarnya tidak tertumpu kepada mana-mana golongan tertentu sahaja, tapi apa yang berlaku sekadar lebih mempergiatkan lagi penglibatan masyarakat bumiputra dalam bidang kemajuan ekonomi dan sosial, supaya sekurang-kurangnya 30% daripada "cake" ekonomi kita dimiliki oleh mereka.

Di kalangan masyarakat Melayu dan bumiputra juga mulai muncul soalan kenapa terlalu banyak pertanyaan timbul mengenai "kemungkinan" yang 30%, kenapa tidak dipersoalkan tentang hakikat yang sedia ada bahawa lebih 70% masih dimonopoli oleh bukan bumiputra? Apakah justifikasi mereka?

Dalam pada itu pula sama ada sekurang-kurangnya 30% itu nanti dimiliki oleh 1% atau 10% daripada masyarakat bumiputra belum merupakan satu masalah, ia masih diperingkat spikulasi atau jangkaan. Tetapi masalah yang semerta atau *immediate problem* ialah kemiskinan masih merupakan satu identiti, atau satu rujukan kepada satu golongan masyarakat yang tertentu iaitu masyarakat bumiputra. Kalau sekiranya kemiskinan tidak lagi boleh "diidentifikasi" dengan mana-mana kumpulan ras yang tertentu masalah lain mungkin timbul. Dan sebagai agakan, kita boleh mengagak apa saja, dan agakan adalah bukan realiti.

Tetapi agakan atau jangkaan masa hadapan yang berpandukan pengalaman masa lampau, merupakan agakan yang mesti diperhitungkan. Pengalaman masa lampau negara kita, atau dalam perkataan lain sejarah kita menunjukkan bahawa perancangan dan pelaksanaan rancangan pembangunan kolonial dengan ciri-cirinya yang tertentu menghasilkan situasi dan iklim sosio-ekonomi yang tidak sihat dan tidak sesuai dengan rialiti zaman kemerdekaan. Selama kira-kira 10 tahun pertama kemerdekaan, kita masih pada umumnya terbelenggu dan masih melanjutkan ciri-ciri utama pembangunan kolonial.

Peristiwa 13 Mei seolah-olah menyedarkan kita bahawa rialiti sosio-ekonomi masa itu tidak dapat diterima. Dan rialiti bukanlah satu yang "static" atau beku. Ia boleh diubah dan boleh dirancang. Dasar Ekonomi Baru, sama ada boleh berjaya atau tidak adalah tanda tekad dan keberanian kita memecahkan belenggu tradisi pembangunan kolonial.

Chong: *Tetapi engkau mesti ingat bahawa bagi orang-orang bukan Melayu mereka merasakan bahawa negara ini terhutang budi kepada mereka. Segala macam rancangan pembangunan yang berlaku dimungkinkan oleh titik peluh dan usaha mereka yang bersungguh-sungguh. Tanpa mereka bawangkali negara ini belum dapat pengiktirafan sebagai negara yang terkaya dan termaju di Asia Tenggara. Atas dasar "pengorbanan" mereka inilah mereka merasakan berhak dalam segala-galanya seperti masyarakat bumiputra yang lain!!*

Awang: Kenyataan engkau ini sebenarnya dapat dilihat dari dua kacamata yang berbeza.

Dari segi masyarakat Melayu, sepanjang-panjang zaman pembangunan ekonomi moden di Tanah Melayu, masyarakat bukan Melayu tidak ada menyumbangkan apa-apa kepada mereka. Hasil negara yang banyak mereka keluarkan hampir seluruhnya tertumpu untuk membiayai pembangunan masyarakat bukan Melayu; ibu negeri dibina di kawasan mereka, sekolah, hospital, paip air, jalan-jalanraya, gedung-gedung perniagaan bahkan hampir segala-gala bentuk pembangunan tertumpu kepada mereka.

Orang-orang Melayu mulai melihat bahawa orang-orang bukan Melayu menjadi alat menyisihkan mereka dari arus pembangunan negaranya sendiri. Nisbah penambahan hasil negara yang dimungkinkan oleh kehadiran bukan Melayu, sebenarnya belum pun merupakan keperluan bagi masyarakat Melayu.

Orang-orang Melayu merasakan, masyarakat bukan Melayu terhutang budi kepada mereka

kerana membiarkan mereka selama berpuluh-puluh tahun mengexploit khazanah negaranya, tanpa perlu memulangkannya untuk rakyat Tanah Melayu sendiri. Masyarakat Melayu mulai menganggap pengiktirapan negaranya sebagai yang terkaya dan termaju di Asia itu kosong kalau rakyatnya miskin. Pada hari ini pula mulai muncul generasi Melayu baru yang hairan bila menoleh kebelakang tentang betapa bernasib baiknya orang-orang bukan Melayu di Tanah Melayu. Mereka mula membandingkannya dengan negara lain yang punya khazanah kekayaan semulajadi tetapi rakyat bumiputrnnya tidak ramai dan belum begitu maju iaitu seperti di negeri Arab. Generasi baru ini mula menanyakan, adakah kerana orang-orang Amerika yang "menolong" mengexploit hasil minyak negara Arab itu maka patut dibina bandar-bandar untuk orang Amerika di negeri Arab? Adakah orang-orang Arab perlu kepada hasil yang begitu banyak dikeluarkan sekarang? Adakah orang-orang Arab terhutang budi kepada orang-orang Amerika? Generasi baru masyarakat Melayu mulai menganggap bahawa masyarakat imigran di Tanah Melayu adalah golongan yang paling bernasib baik sekali di Asia. Mereka wajib mengaku berterima kasih kepada rakyat Melayu dan negara ini.

Dalam penganalisaan terakhir pengakuan seumpama inilah saja yang menjadi jaminan akan berkekalan kesetabilan negara ini. Dan pengakuan ini wajib disertakan dengan tindakan.